



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 38

Isnin

14 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 35)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman 35)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 14 Oktober 2019**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta izin Taiping mulakan minggu ini dengan serangkap pantun.

*“Bandar Taiping ke arah maju,
masyarakatnya pula berbudi bahasa,
kalau kita mahu bersatu,
eratkan hubungan sesama bangsa”. [Tepuk]*

1. Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan rancangan pihak kementerian dalam kesediaan pelaksanaan teknologi jalur 5G.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Taiping meminta kementerian saya untuk menyatakan rancangan pihak kementerian saya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam kesediaan pelaksanaan teknologi jalur 5G.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas 5G atau *Special Taskforce* telah ditubuhkan pada bulan November tahun yang lalu. Pasukan petugas tersebut terdiri daripada 4 kumpulan kerja iaitu kumpulan kerja perkara *business*, kumpulan pekerja infrastruktur, kumpulan kerja pengurusan dan peruntukan spektrum dan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, kumpulan kerja kawal selia.

Kumpulan-kumpulan kerja ini yang terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta telah ditugaskan untuk mengkaji strategi-strategi pelaksanaan bagi tempoh teknologi 5G yang holistik dengan analisis daripada perspektif yang memfokuskan

kepada cadangan penyelesaian kepada kekangan-kekangan undang-undang dan juga kerangka kawal selia, Tuan Yang di-Pertua yang berkaitan. Sokongan untuk infrastruktur, cadangan pelan kesediaan sumber spektrum dan juga langkah-langkah untuk perlindungan pengguna.

Kini Tuan Yang di-Pertua, pasukan petugas khas 5G negara berada dalam fasa terakhir iaitu untuk melengkapkan laporan tersebut sebagai laporan akhir sebelum diserahkan kepada kerajaan di dalam suku keempat tahun ini. Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), seterusnya akan mengkaji laporan terbabit sebelum ianya dibawa ke peringkat Kabinet untuk membolehkan pelaksanaan perkhidmatan 5G berada pada tahap yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kementerian juga membuat sesi libat urus pada bulan Jun tahun ini dengan menjemput semua kementerian, agensi kerajaan serta pihak swasta yang berkaitan seperti Malaysian Productivity Corporation, SME Corporation Malaysia dan lain-lain bagi mengenal pasti keperluan selain cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam kita melaksanakan teknologi dan juga apa yang disebut sebagai ekosistem 5G di peringkat kerajaan.

Pada 30 September tahun ini, pihak kementerian melalui SKMM telah pun mengumumkan pelaksanaan projek demonstrasi 5G Malaysia ataupun 5GDP dalam satu majlis taklimat kepada media yang bertempat di Ibu Pejabat SKMM, Cyberjaya. Projek ini Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memudah cara, membina dan memupuk pembangunan kes-kes penggunaan 5G atau disebut 5G *used cases* dan yang berpotensi di dalam persekitaran sebenar dan konteks yang lebih luas untuk mengembangkan ekosistem 5G.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Demonstrasi 5G Malaysia akan dilaksanakan selama 6 bulan bermula daripada bulan Oktober tahun ini iaitu bulan ini sehingga Mac tahun hadapan oleh 8 buah syarikat yang akan membangunkan sebanyak 55 kes-kes penggunaan 5G di enam negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes penggunaan 5G ini meliputi 9 *vertical* iaitu Bandar Pintar atau *Smart City/Cities*, hiburan media, pendidikan, penjagaan kesihatan digital, minyak dan gas, pembuatan dan industri pemprosesan, pengangkutan pintar, pertanian dan pelancongan.

Projek Demonstrasi 5G Malaysia Tuan Yang di-Pertua, yang dilaksanakan ini juga merupakan langkah kesediaan negara kita bagi pelaksanaan teknologi 5G dalam masa yang terdekat ini. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam Projek Demonstrasi 5G Malaysia Tuan Yang di-Pertua antaranya ialah ALTEL Communication Sdn. Bhd,

CELCOM Axiata Berhad, Digi Telecommunication Sdn. Bhd, Edotco Malaysia Sdn. Bhd., Maxis Berhad, Telekom Malaysia Berhad, U-Mobile Sdn. Bhd. dan Petroleum Nasional Berhad. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri atas persiapan dan rancangan pelaksanaan teknologi jalur 5G. Seperti yang sedia maklum, banyak lagi kawasan yang belum menerima perkhidmatan 4G yang lengkap atau kurang memuaskan. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan rancangan untuk melengkapkan rangkaian jalur 4G sementara beralih ke 5G. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soal ini kerap kali terbangkit. Isunya berkenaan dengan 5G dan isunya berkenaan dengan 4G dan 3G. Saya ingin memberi penjelasan kepada Dewan ini bahawa kerajaan mengambil pendekatan bahawa walaupun kita perlu membaik pulih dan juga menaik taraf perkhidmatan yang kita berikan di bawah 4G dan 3G.

Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat pada masa depan yang memerlukan kita bersedia untuk 5G juga. Dalam keadaan tersebut, kita akan membuat keputusan supaya kita akan membangunkan dan juga menaik taraf 3G, 4G dan juga 5G secara serentak.

■1030

Ini membolehkan kita membina satu ekosistem yang akan bersedia untuk kita ini menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia digital yang akan kita lihat dalam masa yang terdekat. Kita telah pun mengeluarkan apa yang disebut sebagai, atau untuk melancarkan apa yang disebutkan sebagai MFCP.

MFCP itu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya melihat bukan sahaja kepada 5G, ianya melihat kepada 3G, dan 4G, dan teknologi-teknologi yang diperlukan untuk kita pastikan bahawa seluruh Malaysia termasuk kawasan bandar, luar bandar, terpencil dan sebagainya juga, dapat dilihat dalam kita mendekati masalah kita, iaitu masalah kekurangan infrastruktur di dalam negara ini.

Saya cukup yakin bahawa melalui projek MFCP dan juga bahawa dalam keadaan kita ini menerima kerjasama daripada semua pihak yang terlibat termasuk negeri-negeri yang berkaitan, saya cukup yakin bahawa projek ini akan memastikan bahawa kita ini dapat membangunkan dan menaik taraf semua sistem-sistem yang sedia ada termasuk 3G, 4G, 5G, dan juga apa-apa juga teknologi baru yang akan memastikan bahawa kita bersedia untuk melancarkan ataupun menjadi satu negara yang

mempunyai infrastruktur yang cukup, untuk kita ini menghadapi cabaran-cabaran dunia digital yang akan datang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan daripada bajet RM21 bilion yang diperuntukkan kepada MFCP ini, berapa peratus yang diperuntukkan kepada- kalau boleh dapat mungkin data melalui bertulis, pecahan mengikut negeri-negeri.

Hingga setakat ini, kita dapati kerajaan juga telah mencadangkan untuk mengoptimumkan pencapaian melalui TV, dan saya fikir itu juga beberapa buah syarikat telah pun ditawarkan bagi mendapatkan projek di bawah program tersebut, dan kalau boleh saya ingin dapatkan penjelasan berhubung dengan syarikat manakah yang memperoleh tawaran tersebut. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh saya minta sedikit penjelasan berkenaan dengan soalan kedua itu. Pertama itu Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun diminta minggu lalu untuk memberikan *breakdown*. Sebenarnya wang yang kita ketepikan sebanyak RM21.6 bilion itu, setengah daripadanya datang dari pihak swasta yang mengambil bahagian dalam pelan ataupun rancangan MFCP ini, dan setengah lagi daripada *USP Fund* daripada KKMM. Jadi saya akan memberikan secara tepat secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Akan tetapi Yang Berhormat, berkenaan dengan isu yang kedua kalau boleh saya boleh diberikan sedikit pencerahan berkenaan ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Isu yang kedua selain daripada teknologi adaptasi teknologi 5G ini, kerajaan sekarang juga dalam proses pendigitalan saluran TV yang membolehkan lesen jalur frekuensi VHF dan UHF. Soalan saya ialah, siapakah individu atau syarikat yang dianugerahkan lesen bagi projek-projek tersebut. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau kita lihat kepada pengumuman yang saya buat, kita sekarang melalui satu fasa di mana kita ini akan pindah daripada sistem analog untuk RTM, kepada sistem digital, dan ianya dikendalikan oleh MyTV tetapi apa yang bakal berlaku ialah apabila kita ini sedia untuk kita lancarkan sistem TV Digital, dan saya harap bahawa ianya dapat dilaksanakan bulan ini.

Kita telah mulakan tiga bulan lalu di Pulau Langkawi, dan sekarang kita ini bawa ke seluruh Malaysia lah tetapi kalau kita berjaya dalam bulan ini kita *shut down* analog, dan kita mulakan dengan digital, ini bermakna bahawa RTM akan mempunyai lebih saluran TV-TV. Kita diberitahu saya dimaklumkan bahawa kemungkinan kita akan dapat

sebanyak 15 *channel* yang boleh digunakan oleh RTM tetapi sama ada kita akan menggunakan setiap 15 *channel* itu adalah perkara yang kita dalam perbincangan sekarang.

Akan tetapi daripada sudut itu, saya harap ini menjawab soalan Yang Berhormat ianya fokus kepada RTM dan syarikat yang membantu dalam projek itu adalah syarikat MyTV.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan pantun.

*Raya Haji Raya Korban;
Dari Pontian ke Pulau Sedeli;
Kamu kata kami Taliban;
Rupanya kamu pejuang LTTE... [Dewan riuh]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Bodoh punya- bodoh.

3. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan *vape* secara menyeluruh ataupun membendung jualan bahan berkenaan terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan bahaya bahan itu daripada aspek kesihatan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jauh tersimpang dengan soalan pagi ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pagi, pagi jangan sebut "bodoh".

Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua walaupun pantun itu jauh tersimpang dengan soalan saya- soalan yang dikemukakan.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, *vape* atau rokok elektronik mutakhir ini menjadi satu tumpuan media justeru kerana kematian di Amerika Syarikat dan di *United Kingdom* dan laporan yang didakwa ada sangkutan sabitnya dengan *vape* ataupun rokok elektronik ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rokok elektronik atau *vape* merupakan sejenis rokok yang baru masa kini, dan rokok elektronik yang menggunakan cecair bernikotin telah dikawal di bawah Akta Racun 1952- dia ada dua. Rokok *vape* yang tidak ada nikotin dan rokok *vape* yang punya nikotin, yang punya nikotin itu jelasnya adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952.

Di bawah akta ini sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik adalah dilarang penjualannya kecuali oleh farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar, ini yang sifatnya yang sudah diizinkan- yang lain semua

terlarang. Mana-mana orang yang selain daripada mereka yang disebut di atas yang menjual sebarang persediaan yang mengandungi nikotin termasuk cecair rokok elektronik bernikotin adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 ya Yang Berhormat Pengkalan Chepa, atau penjara tidak melebihi 1 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Pada masa yang sama, pengedaran dan pembekalan sebarang persediaan mengandungi nikotin memerlukan pendaftaran dan kelulusan sebagai ubat daripada pihak berkuasa kawalan dadah di bawah peruntukan peraturan-peraturan kawalan dadah dan kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952. Mana-mana orang yang mengedar atau membekalkan sebarang persediaan yang mengandungi nikotin tanpa kelulusan adalah melakukan suatu kesalahan, dan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM25,000, atau penjara tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rokok elektronik atau *vape* yang mengandungi cecair tanpa nikotin, akan dikawal di bawah akta baru yang sedang dan telah digubal di bawah pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini sedang dalam semakan pihak Jabatan Peguam Negara.

Di bawah akta ini penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik dan *vape* seluruhnya, bagi mereka yang berumur 18 tahun adalah di larang sasa sekali- maksudnya kekal larangan 18 tahun ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kajian-kajian terkini yang telah menunjukkan kesan sampingan terhadap penggunaan rokok elektronik dan *vape* termasuk kematian yang telah Amerika Syarikat dan di *United Kingdom* baru-baru ini, satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengkaji semula keperluan menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan *vape* secara menyeluruh.

Justeru itu, satu Jawatankuasa Kerja Pakar yang telah kita tubuhkan di Kementerian Kesihatan yang dipimpin- dipengerusikan oleh Timbalan saya, Timbalan Menteri Kesihatan telah ditubuhkan untuk mengkaji keseluruhannya ini, dan akan dibawa segala dapatannya kepada saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Selain daripada akta-akta dan juga kajian untuk mewujudkan akta-akta baru, apakah perancangan kementerian Yang Berhormat untuk memperluaskan kempen anti kepada *vape* ini.

Oleh kerana kita tahu masyarakat sudah tersalah anggap. Ada sampai berhenti merokok dan berbangga bila – sekarang saya sudah berhenti merokok, saya hisap *vape*.

Kita tahu bahawa ia lebih bahaya. Selain daripada itu soalan saya ialah apa kandungan sebenar cecair yang ada dalam *vape* itu selain daripada nikotin dan juga bahan-bahan terlarang yang kita sedia maklum.

Datuk Seri Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa seorang yang sangat peka atas isu ini. Sementara kalau hendak saya sebutkan satu kajian di kalangan penggunaan rokok elektronik di Malaysia ini, didapati di dalam satu dapatan di kalangan pelajar-pelajar sekolah, 9.1 peratus ataupun 300,000 pelajar-pelajar kita yang menggunakan *vape*.

Daripada itu, lelakinya ataupun budak-budak lelakinya adalah sebanyak 16 peratus ataupun bersamaan 250,000 dan selainnya selebihnya bakinya adalah 50,000 itu di kalangan pelajar-pelajar perempuan. Itu yang juga merupakan satu yang sangat mengusarkan.

■1020

Adapun soalan yang ditanyakan tadi itu selain daripada nikotin itu adalah segala apa yang disebutkan antara lainnya adalah aerosol dan apa yang saya mahu sebutkan ya, kajian-kajian yang agak *established* dan punya wibawa yang dikemukakan oleh WHO, The New England Journal of Medicine, Department of Environment Health Sciences, Johns Hopkins University daripada California Department of Health Report, kesemua ini sedang kita lakukan ya. Dilakukan *matter analysis* ataupun dikaji secara keseluruhannya kerana dakwa-dakwi tentang kesan ini ia adalah suatu yang menjadi pertikaian ya, terutama bagi mereka yang menjadi pengusaha-pengusaha *vape* yang katanya tidak ada nikotin.

Jadi saya boleh berbicara tentang perkara ini dengan lebih lanjut segala itu yang saya hendak sebutkan kematian yang kononnya yang dikatakan yang didakwa adalah hubung kaitnya dengan *vape* itu. Dalam tidak silap saya, mutakhir sekali 28 kematian di Amerika Syarikat dan tidak silap saya satu di United Kingdom. Kesemua itu meletakkan perkara ini sangat penting untuk kita lakukan kajian secara menyeluruh dan Jawatankuasa Kerja Pakar ini akan melakukannya untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Persatuan E-Vaporizes dan Tembakau Alternatif Malaysia (MEVTA) tidak mempunyai masalah sekiranya kerajaan ingin mengenakan sebarang cukai terhadap produk-produk berkaitan rokok elektronik ini.

Ini menurut Pengerusinya, Rizaini Zakaria berkata tindakan ini akan membantu kerajaan untuk menambah pendapatan dan juga memberi tekanan kepada pihak-pihak lain yang akan mengambil kesempatan dalam perniagaan ini. Soalan saya, sejauh mana Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti pendidikan, belia, penerangan dan multimedia termasuk kewangan untuk kita sama-sama memastikan aktiviti ini tidak terus berkembang dan menjadi pilihan kepada anak-anak muda kita termasuk mengenakan cukai dari Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih, sahabat saya. Saya jawab terus Tuan Yang di-Pertua. Penggembleran penuh tenaga atau rentas kementerian adalah pendekatan yang paling baik, Yang Berhormat. Ini adalah merupakan pendekatan Kerajaan Pakatan Harapan yang baru ini kerana kita tidak boleh bekerja secara apa yang diistilahkan sebagai terasing ataupun *in silos*, dengan izin.

Jadi justeru kerana itu, sangat penting untuk perkara ini digemblerkan dan walaupun disebut-sebutkan bahawa mungkin sahaja industri *vape* ini akan dapat memberikan dan menjana sedikit percukaian ataupun sumber cukai tetapi harus diingatkan bahawa dalam menghitung baik buruk ya, begitu juga dalam sifat *cigarette* atau *tobacco* dan nikotin rokok yang konvensional itu betul kita dapat menjana cukai pendapatan tetapi bila diperhatikan kos ataupun dengan izin, *heavy burden of disease* yang *related* kepada *smoking*, *related* kepada nikotin adalah jauh lebih besar.

Juga begitu, jadi walaupun mereka mencadangkan untuk dicukai, persoalan besarnya adalah apakah kita boleh pertama-tamanya mengizinkan penjualannya khususnya yang mengandungi nikotin itu. Selainnya itu, kita tunggu dalam satu akta yang baru yang menggarap keseluruhan perkara ini dengan lebih baik, dengan lebih teliti, dengan lebih cermat. Saya tahu kita punya pengusaha-pengusaha *vape* tetapi pada akhirnya nanti kesemua ini akan dilakukan dengan mengangkat kepentingan rakyat dan mengangkat kepentingan masyarakat dan kepentingan pengguna ataupun *consumers* yang ini menjadi tanggungjawab kami. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau semua MP bagi pantun, saya pun ingin berpantun juga.

*“Beg tangan yang mahal, emas dan permata kesukaan kita,
tetapi awas jangan menyusahkan keluarga kita,
hari ini giliran Kementerian Kerja Raya yang diminta,
Menjawab soalan cepumas nombor tiga”. [Tepuk]*

3. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa lagi pakej kerja-kerja pembinaan Pan Borneo yang belum dilaksanakan sewaktu penyerahan penyeliaan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah.

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih, Yang Berhormat Papar. Saya tidak ada pantun untuk menjawab berbalas pantun tetapi jawapan saya adalah begini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah pada peringkat awalnya telah dibahagikan kepada tiga fasa pelaksanaan, di mana perjanjian PDP yang dimeterai pada tahun 2016, pelaksanaan projek LPB Sabah hanya melibatkan pembinaan fasa 1 sahaja iaitu sepanjang 706 kilometer dan ia telah dipecahkan kepada 35 pakej.

Sehingga 21 September 2019, iaitu selepas penamatan perjanjian PDP Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah hanya 12 pakej sahaja daripada 35 pakej fasa 1 yang telah diawardskan kepada kontraktor. Daripada 12 pakej itu, 1 pakej telah pun ditamatkan kontrak akibat daripada ketidakmampuan pihak kontraktor, iaitu pakej 15 dari Tawau ke Semporna. Manakala *progress* kemajuan bagi 11 pakej lagi yang sedang berjalan ialah antara 6 peratus hingga 60 peratus. Secara keseluruhan Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah telah mencapai kemajuan 21.3 peratus berbanding 44.4 peratus mengikut jadual sehingga tarikh perjanjian PDP ditamatkan pada 21 September 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping 12 pakej yang telah diluluskan itu, kerajaan juga bersetuju meluluskan tiga lagi pakej yang baru iaitu melibatkan pakej 28, 29 dan 30 iaitu naik taraf laluan antara persimpangan Telupid ke Persimpangan Beluran dengan jarak hampir 60 kilometer dan kos keseluruhan projek sebanyak RM980 juta. Ketiga-tiga pakej itu dijangka akan ditender pada suku pertama tahun hadapan, 2020 manakala untuk baki pakej fasa 1 yang masih belum ditender iaitu 20 pakej lagi yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 tahun 2021 sampai 2025 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada agensi Pusat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang cukup jelas dan sememangnya dapat membuka ruang dan peluang untuk kontraktor-kontraktor tempatan mencari rezeki. Soalan saya, apakah penyerahan penyeliaan kajian-kajian Pan-Borneo kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur nanti tidak memerlukan kakitangan tambahan untuk kementerian mengurus tadbir dengan baik perjalanan kerja-kerja ini. Terima kasih.

Tuan Baru Bian: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Papar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas penamatan perjanjian PDP, pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah telah diambil alih

sepenuhnya oleh Kementerian Kerja Raya, di mana Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek.

Ini bermakna JKR Sabah perlu menambah pegawai profesional bagi memantau Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah. Kementerian Kerja Raya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Sabah dalam proses untuk melantik 158 orang pegawai profesional yang baru pelbagai disiplin untuk tujuan tersebut.

Setakat ini 75 jawatan daripada 158 bilangan tersebut telah dilantik, manakala bakinya dalam proses. Pada peringkat Kementerian Kerja Raya, tiada sebarang pertambahan jawatan akan dibuat memandangkan bilangan pegawai-pegawai yang sedia ada adalah masih memadai. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah perancangan dan program yang dirancang oleh Kementerian Pembangunan Usahawan yang bersifat "*High Impact*" untuk merealisasikan Dasar Keusahawanan Negara yang baru dilancar pada Julai 2019 tercapai dengan jayanya.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 atau kita panggil DKN 2030 menggariskan strategi jangka panjang bagi menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara usahawan unggul menjelang 2030.

■1030

Keutamaan DKN 2030 adalah untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang dinamik bagi memastikan semua golongan dan lapisan masyarakat di negara ini dapat memanfaatkan dan meneroka sepenuhnya potensi masing-masing untuk melibatkan diri secara serius dalam bidang keusahawanan. Tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif di samping mempertingkatkan keupayaan usahawan mikro kecil dan sederhana serta koperasi.

Di antara bidang yang diberi keutamaan di bawah DKN 2030 adalah untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi usahawan dalam sektor-sektor yang berpotensi dan berper tumbuhan tinggi seperti aeroangkasa, automotif *real* tenaga boleh diperbaharui, *renewal energy* dengan izin, peranti perubatan bioteknologi dan industri halal.

Selaras dengan aspirasi DKN 2030, MED telah pun mengorak langkah dengan meneroka industri yang memberi impak yang tinggi kepada usahawan tempatan. Antara

inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh MED ialah industri halal. Melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Ogos 2019, MED telah diberi mandat bagi membangunkan industri halal dan menerajui Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal yang baru ditubuhkan.

MED komited dalam usaha meneroka ruang dan peluang bagi membangunkan usahawan tempatan dalam industri halal dan telah memulakan langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai pembekal gelatin halal bagi pasaran global. Pelaksanaan inisiatif ini akan mengurangkan import gelatin halal sebanyak 30 peratus sekali gus dapat meningkatkan peluang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk terlibat secara kompetitif di dalam rantai bekalan.

MED memainkan peranan dalam memudah cara proses dan prosedur bagi usahawan tempatan yang memenuhi kriteria untuk mengeksport produk halal ke pasaran antarabangsa. Penganjuran Malaysia Halal Ekspo, contoh pada 2019 MHE2019 yang diadakan pada awal tahun ini misalnya berjaya merekodkan jualan sebanyak RM135 juta hasil *business matching* di antara 21 syarikat *anchor* dengan 144 pempamer yang terdiri daripada PKS tempatan. Usaha akan dipergiatkan lagi sempena Sukan Olimpik Tokyo 2020 bagi memberi peluang kepada PKS tempatan mendapat akses yang lebih luas untuk mempromosi produk dan perkhidmatan.

Selaras dengan DKN2030 juga, MED melalui *SMECorp* dalam usaha untuk membangunkan industri aeroangkasa yang telah dikenal pasti sebagai industri yang memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi melalui program *Aerospace Manufacturing Initiative* ataupun AMI yang bertujuan untuk membangunkan PKS tempatan menjadi sebahagian daripada rantai bekalan industri aeroangkasa.

Sehingga September 2019, sebanyak 30 PKS telah menyertai program AMI dan sebanyak RM58.9 juta jualan telah dijana. Dengan pelaksanaan program AMI ini, ia dilihat mampu membuka peluang kepada PKS untuk menerokai pasaran perniagaan berskala sederhana dan besar termasuk menjadi pengedar utama kepada syarikat aeroangkasa berpengaruh seperti *Boeing, Airbus, Bombardier, Mitsubishi, Kawasaki* dan lain-lain.

Mengenai program pembangunan vendor pula, di bawah Perbelanjaan Pembangunan Waran Am Bil. 1 Tahun 2019 bertarikh 19 Disember 2018, MED telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program Pembangunan Vendor (PPV) dalam usaha memperkasakan ekonomi usahawan bumiputera. Pelaksanaan PPV di bawah MED diperkukuhkan melalui usaha meningkatkan penyertaan *anchor* baharu

dalam kalangan GLC, *multinational company*, *public listed company*, Juara Vendor dan syarikat swasta.

Pembangunan vendor tempatan turut meliputi pembangunan kapasiti melalui program peningkatan kemahiran serta pembangunan penyelidikan bagi tujuan pengkomersialan (*commercialization*) produk di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara sektor yang kini diberi keutamaan dalam program PPV meliputi sektor aeroangkasa, telekomunikasi, bioteknologi dan farmaseutikal, *real* tenaga boleh di baharu (*renewal energy*), automotif, *air mobility* dan terbaru adalah untuk kita menggalakkan vendor-vendor melibatkan diri dalam pembuatan aset-aset industri pertahanan. Ini kita telah mulakan perbincangan di antara kementerian yang terlibat untuk memastikan barangan pembuatan negara sendiri yang dibuat mempunyai kepakaran anak tempatan sebagai vendor untuk memenuhi permintaan pembuatan barangan dalam industri pertahanan. Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, soalan saya mudah sahaja. Apakah mekanisme kementerian bagi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan benar-benar akan dilaksanakan dalam ekosistem keusahawanan negara dan sejauh mana agaknya keseimbangan agihan peruntukan atas dasar kemakmuran bersama ini akan dilaksanakan menerusi Bajet 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kemakmuran bersama Tuan Yang di-Pertua, adalah didukung dan disokong oleh dasar-dasar pelbagai kementerian. Akan tetapi, kalau kita lihat Dasar Keusahawanan Nasional 2030 adalah tunjang kepada kemakmuran bersama. Di dalam dasar itu, kita lebih memberi hala tuju. Contohnya kepada B40. Jadi, Kementerian Pembangunan Usahawan bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala inisiatif contohnya dalam DKN2030, kita mempunyai 63 inisiatif dan separuhnya kita telah pun jalankan dan ini selari dengan hasrat untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama itu sendiri.

Contoh antara tumpuan kita adalah untuk menggalakkan penglibatan masyarakat B40, *social enterprises*. Ini boleh memberikan impak keberhasilan terhadap untuk memastikan pendapatan itu dapat ditingkatkan dan mengurangkan jurang pendapatan di antara berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tolong jelaskan perkara agak merisaukan saya di

dalam dokumen Tinjauan Ekonomi 2020, muka surat enam berkenaan Pembangunan Ekonomi Bumiputera. Saya bacakan di sini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Penglibatan bumiputera masih kurang dalam pelbagai aspek meskipun pelbagai program pembangunan ekonomi telah dilaksanakan. Secara umumnya, usahawan bumiputera menghadapi kekangan kewangan yang mengehendkan potensi mereka untuk membuat pelaburan dalam perniagaan. Mohon dijelaskan.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kalau kita tengok data yang diterima Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat memang betul apa yang dilaporkan. Itu sebab Dasar Keusahawanan Nasional 2030 memberi tumpuan kepada impaknya. Kita *identify* kelemahan-kelemahan yang lepas, kita menambahbaikkan dengan memberi sokongan dan dukungan. Kalau dahulunya kita beri peluang, *equal opportunity* dengan izin. Hari ini Dasar Kemakmuran Bersama, kita melihatkan *equitable outcome; equitable shared prosperity*. Jadi, kita lebih mengetahui apakah perkara yang wajib kita lakukan untuk membantu masyarakat yang dilihat ketinggalan.

Contoh, kita ada program-program latihan. Contoh, kita ada program untuk memberi keyakinan membuka pasaran di peringkat antarabangsa contohnya dengan mengadakan galakan supaya mereka mengetahui industri halal sedunia hari ini 2020 dilaporkan sebanyak USD3 trilion. Kalau kita boleh petik, pungut 10 peratus sahaja dengan memberi satu hala tuju yang jelas, kita latih mereka ini untuk mengambil peluang yang kita telah buka dan ini akan boleh memberi keyakinan. Kita lihat kelemahan di antara kalangan bumiputera adalah memberi keyakinan itu sendiri. Mereka tidak faham contohnya atau kurang faham dan kurang yakin apakah itu kos pelaburan. Apakah itu mereka boleh *sustain*, jadi kita kena beri pembukaan minda kepada— mereka bukan tidak boleh, tetapi kurang keyakinan, kurang keberanian.

■1040

Dengan adanya dokongan daripada kita untuk memberi latihan yang lebih dari yang dahulu, contohnya memahami kos perniagaan, memahami risiko bila kita ke luar negara, memahami apakah kehendak pasaran di dunia seperti dalam spesifiknya industri halal. Jadi itulah di antara inisiatif kita untuk memastikan peningkatan dari segi sumbangan dari golongan ini boleh dipertingkatkan dengan lebih maju lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon tambahan Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan, mengganti Pan-Borneo yang tadi tak ada soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat saya benarkan dua soalan tambahan sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak boleh satu lagi? Merayu, merayu. Merayu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya bercadang kalau boleh hendak habiskan 15 soalan hari ini ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri? Dia merayu-rayu sudah. Jawab. Ya silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri semalam menyatakan rasa hiba kerana Kementerian Kewangan hanya memberi RM10 juta untuk promosi industri halal, sedangkan Yang Berhormat Menteri tadi menyebut industri halal ini bernilai USD3 trilion di peringkat dunia. Apakah yang akan dibuat Kementerian Pembangunan Usahawan? Adakah ingin meminta peruntukan tambahan? Satu lagi ialah hanya 38 peratus daripada pengeluar produk halal di Malaysia ini dikeluarkan oleh Bumiputera. Jadi apa tindakan seterusnya. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kalau kita lihat dari struktur pentadbiran Tuan Yang di-Pertua, industri halal ini diselaraskan oleh Ministry of Economic Affairs (MEA). Jadinya ada peruntukan yang diletak di situ untuk kita selaraskan dari sudut membangunkan industri itu sendiri. Kalau kita lihat peruntukan yang kita terima, tidak melibatkan perolehan. Cuma program-program atau inisiatif yang secukupnya setakat tahun 2020 untuk kita jalankan untuk membangunkan usahawan. Tidak melibatkan perbelanjaan dari segi perolehan. Jadi kita nampak ia kecil tetapi kita ada majlis-majlis Jawatankuasa Kabinet contohnya, NESDC di mana semua kebanyakan kementerian yang melibatkan pembangunan usahawan duduk semeja untuk menyelaraskan peruntukan yang sedia ada.

Apa sahaja yang elemen melibatkan keusahawanan akan diselaraskan di peringkat Jawatankuasa Kabinet dengan *resource* yang ada di kementerian yang lain. Contohnya kementerian pembangunan usahawan mungkin tidak mempunyai *resources* yang cukup untuk memastikan program itu boleh dilaksanakan secara efektif. Contoh kalau ada program usahawan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bajetnya begitu besar. Jadi kita akan selaraskan menerusi koordinasi oleh Kementerian Pembangunan Keusahawanan itu sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan usaha untuk mempromosi tarikan pelancongan di negeri-negeri, khususnya yang berkaitan dengan alam semula jadi, contohnya hutan simpan, gunung, gua dan jeram yang terdapat di kawasan pedalaman negeri. Bagaimana negeri-negeri yang di luar "laluan pelancongan" mendapat manfaat daripada Tahun Melawat Malaysia 2020.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:
Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Tourism Malaysia aktif dalam mempromosikan destinasi dan produk-produk pelancongan yang menarik, baharu dan masih belum diterokai termasuklah segmen pelancongan alam semula jadi. Antara promosi yang dilaksanakan turut meliputi promosi antarabangsa melalui penyertaan pameran pelancongan dan aktiviti promosi oleh pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Tourism Malaysia turut menjemput negeri-negeri untuk mempromosikan dan memperkenalkan produk pelancongan yang baharu dan unik untuk di promosi dan dipakejkan dengan pengusaha pelancongan di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang kaya dengan keindahan alam semula jadi yang sebahagian besarnya berkedudukan di kawasan pedalaman dan di luar laluan pelancongan biasa. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan segmen ekopelancongan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan di seluruh negara.

Sememangnya menjadi misi dan visi kementerian ini memastikan tiada negeri atau kawasan pelancongan yang terpinggir daripada inisiatif promosi pelancongan termasuk segmen pelancongan unik bagi negeri-negeri di luar laluan pelancongan biasa atau *off the beaten track* agar turut mendapat faedah dan manfaat daripada industri ini khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Antara segmen yang diketengahkan adalah seperti *bird watching* yang terdapat di Kuala Gula Bird Sanctuary di Perak, Timah Tasoh Dam di Taman Negeri Perlis, Teluk Air Tawar Pulau Pinang, Panti Bird Sanctuary Johor dan Fraser Hill. Segmen *abseiling* dan *wild water rafting* juga dipromosikan dengan pakej-pakej khas oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan. Contohnya di Ulu Geruntum Gopeng bagi menambah nilai kepada pakej pelancongan ini, aktiviti *caving* di Gua Tempurung turut ditawarkan.

Selain itu produk minat khas *angling* memancing khususnya di laut dalam turut merupakan tarikan bagi pelancong asing untuk datang ke destinasi yang dianggap *off*

the beaten track. Pelancongan sukan memancing ini mempunyai nilai faedah yang tinggi dan lestari (*high value and sustainable touristic activity*) di mana pelancong-pelancong ini berbelanja lebih tinggi berbanding dengan pelancong biasa. Ia turut menyumbang kepada pendapatan nelayan, tempatan melalui penyewaan bot dan lain-lain perbelanjaan kepada penduduk setempat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut. Soalan tambahan saya ialah walaupun hutan merupakan sumber hasil pendapatan bagi kerajaan negeri dan pengusaha, contohnya melalui aktiviti pembalakan dan sebagainya, Kedah sangat prihatin soal kelestarian alam sekitar. Apakah bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada pihak swasta untuk membangunkan produk-produk pelancongan supaya kalau pun tidak dapat mengganti hasil yang boleh diperoleh daripada pembalakan contohnya, kurang-kurang dapat memberi hasil yang setimpal kepada pengusaha dan kerajaan negeri.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan tambahan iaitu berhubung bantuan acara bagi Tahun Melawat Malaysia 2020. Bagi menggalakkan penganjuran acara-acara pelancongan dan budaya yang unik di setiap negeri termasuk di luar laluan pelancong biasa khususnya bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, kementerian ini akan terus menerima dan menilai permohonan-permohonan oleh para penganjur dan acara yang dinilai terutamanya impak program sebelum kerjasama dilaksanakan melalui bantuan kewangan ataupun bantuan lain seperti bantuan logistik dan fasilitasi, di samping membantu dari segi promosi dan hebahan acara pelancongan. Adakah ini menjawab soalan Yang Berhormat? Kalau tidak, saya *add-up* lagi sedikit.

■1050

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Maksud saya mengenai pembangunan Yang Berhormat Menteri, bukan promosi itu tetapi pembangunan yang boleh membantu pengusaha-pengusaha membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di hutan.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Yang Berhormat, kita memang ada rancangan untuk membantu pengusaha-pengusaha bagi kegiatan pelancongan. Saya yang sebetulnya telah menyokong— di samping menyokong *levy departure*. Saya menyokong *levy departure* dengan syarat dia, sekurang-kurangnya kalau dapat duit daripada *levy departure* ini, kita akan dapat membantu seperti Yang Berhormat Jerlun kemukakan tadi. Ini yang sebetulnya bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat, kawasan-kawasan yang

lain juga. Jadi, mudah-mudahan ini akan menjadi kenyataan dan dapatlah kementerian ini membantu keperluan-keperluan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis, Tanjong Manis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis. Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Manis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu. Hutan lipur banyak di Jelebu.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis. Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Manis. Sarawak dan angkat tadi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Hutan lipur ni banyak di Jelebu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia kadang-kadang-kadang doa dengan Tuan Yang di-Pertua ini, saya selalu doakan Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang itu doa ini makbul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak minta pihak kementerian berikan penjelasan, kita ada – selaras dengan pertanyaan Yang Berhormat Jerlun tadi, kita ada banyak tempat hutan lipur yang di luar laluan ini, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang menjadi perhatian kepada pelancong-pelancong domestik.

Cumanya, suka atau tidak, kita kena terima hakikat bahawa pengurusan hutan lipur ini hampir 60 ke 70 peratus tidak diurus dengan baik. Dalam soal keselamatan, dalam soal infrastruktur, dalam soal keselesaan dan soal pelbagai. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian ada perancangan bersama dengan kerajaan negeri untuk *outsourc*-kan pengurusan hutan lipur ini supaya pengurusannya menjadi lebih baik dan memberikan kesejahteraan kepada pengunjung-pengunjung terutamanya domestik dan luar negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya melihat tadi ramai Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan soalan tambahan dan saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menulis surat kepada saya. Ini yang banyak yang mengemukakan tadi yang berdiri. Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan, saya jawab sekarang. Akan tetapi yang tidak sempat mengemukakan soalan tadi, tulis surat kepada saya dan saya akan menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan yang baik. Tuan Yang di-Pertua pun menyokong.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, surat akan sampai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tahniah Yang Berhormat Menteri, tahniah. Saya akan tulis surat.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Saya tak nak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tahniah Yang Berhormat Menteri, tahniah. *Very good.*

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Saya tak nak Ahli-ahli Yang Berhormat ini rugi berdiri mengemukakan soalan tetapi tidak dapat jawapan.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ini baru betul Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih. Menyebut soal hutan. Hutan ini yang sebetulnya kalau bahagian kerajaan peringkat negeri adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Kalau di Kerajaan Persekutuan ia di bawah bidang Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Jadi, saya Yang Berhormat, yang sebetulnya kalau di bawah bidang kementerian yang lain, saya Menteri juga tetapi tidak sangguplah menjawab bagi pihak kementerian yang lain. Saya kalau boleh, benarkan saya menjawab hanya di bawah bidang kementerian saya. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak puas hati dengan jawapan saya, saya minta cara terperinci tulis kepada saya, saya akan jawab. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih tuan Yang di-Pertua.

*"Parlimen Igan, kawasan saya,
atas bukit, padi ditanam,*

*Kalau yang Berhormat Menteri nak tahu soalan saya,
Soalan saya nombor enam".*

6. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa jumlah rumah PPRT yang telah dibina di kawasan Parlimen Igan untuk tahun 2019 serta kos yang terlibat. Berapakah lagi yang dalam perancangan akan dibina baru dan apakah kriteria untuk mendapatkan rumah berkenaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Igan bertanya tentang status rumah

PPRT atau Projek Perumahan Rumah Termiskin di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah rumah PPRT yang telah diperuntukkan bagi Parlimen Igan pada tahun 2019 adalah sebanyak 13 unit bina baru dan 76 unit baik pulih yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.204 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua unit bina baru dan 20 unit baik pulih telah siap sepenuhnya manakala 11 unit bina baru dan 48 unit baik pulih masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka selesai pelaksanaan selewat-lewatnya pada akhir tahun 2019.

Kriteria kelayakan penerima bantuan adalah seperti yang digariskan dalam tatacara pelaksanaan PPRT iaitu disahkan sebagai miskin tegar atau miskin, berdasarkan pendapatan garis kemiskinan semasa yang berkuat kuasa serta mempunyai pemilikan penuh tapak rumah atau mendapat kebenaran bagi kes menumpang tanah milik orang lain atau tanah milik sebahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Yang Berhormat Menteri, di kawasan saya Parlimen Igan memang banyak rumah PPRT ini sama ada bina baru ataupun baik pulih. Walaupun sebenarnya masih tidak cukup kalau mendengar daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi untuk tahun 2019.

Akan tetapi tahu kah Yang Berhormat Menteri, kontraktor-kontraktor kelas 'F' yang membina rumah PPRT untuk orang miskin ini, ada di kalangan mereka tersendiri yang jatuh miskin. Ini kerana apa? Masih ramai di kalangan mereka yang masih belum menerima bayaran daripada kerajaan sejak tahun 2017 hingga sekarang. Malah, ada di kalangan mereka yang gulung tikar kerana tiada modal pusingan dan yang lebih teruk lagi, pembekal-pembekal bahan binaan hilang kepercayaan kepada mereka. Ini masalah serius, masalah reputasi.

Yang Berhormat Menteri, mengikut maklumat yang saya terima bagi tahun 2017, sebanyak lapan buah rumah PPRT yang dibaik pulih melibatkan kos RM94,000 dan tiga buah rumah PPRT yang dibina baru dengan kos RM204,000 yang masih belum dibayar. Manakala untuk tahun 2018, sebanyak 26 buah rumah yang dibaik pulih melibatkan kos RM390,000 dan lima buah rumah PPRT yang dibina baru melibatkan kos RM340,000 yang masih belum dibayar. Jumlah yang tertunggak setakat hari ini ialah sebanyak RM1.03 juta.

■1100

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, mengapa perkara ini terjadi? Adakah ini masalah di peringkat agensi pelaksana iaitu FELCRA Berhad, ataupun ada masalah-masalah lain?

Kedua, mengapa kontraktor-kontraktor ini tidak dibayar dengan sebegitu lama? Bila kerajaan hendak bayar tunggakan ini? Sekian, terima kasih. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Igan atas soalan tambahan itu. Memang benar ia seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, ada ramai kontraktor kecil yang belum dibayar untuk kerja-kerja mereka dalam pembinaan PPRT ini. Masalah ini kita warisi daripada kerajaan lama ya. Daripada tarikh-tarikh yang disebut adalah jelas ya ini berlaku pada masa dulu tahun 2017 dan tahun 2018.

Walau bagaimanapun, kerajaan baharu di bawah Pakatan Harapan telah mengambil langkah sekarang untuk selesai masalah ini. Memang betul juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, masalah ini muncul melalui agensi FELCRA ya, yang pada masa itu digunakan untuk salurkan bayaran-bayaran kepada kontraktor ini, tetapi atas sebab-sebab yang tertentu, gagal buat itu. Sekarang usaha telah dibuat untuk mendapat dana yang cukup untuk selesai semua hutang ini. Saya diberitahu memang sebahagian besar, sebahagian hutang ini telah diselesaikan. Saya yakin dalam tahun ini atau lewat tahun depan, semua hutang ini di mana kita puas hati pelaksanaan dibuat secara- pada tahap yang diperlu, akan diselesaikan hutangnya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Beluran juga berhadapan dengan masalah kontraktor tidak dibayar di bawah pembinaan rumah PPRT, yang dikelolakan oleh FELCRA. Berkaitan dengan soalan ini, saya ingin bertanya sama ada kementerian akan meneruskan pelaksanaan PPRT di peringkat daerah melalui *focus group* yang dibentuk di peringkat daerah atau terdapat mekanisme baru untuk pelaksanaan PPRT di masa hadapan. Adakah kementerian juga bercadang pembinaan PPRT di bawah agensi kementerian yang lebih baik, FELCRA dan sebagainya, akan diselaraskan melalui *focus group* yang dibuat di peringkat daerah di masa akan datang? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. FELCRA memang sekarang tidak terlibat lagi dalam urusan atau pembinaan rumah PPRT ini. Agensi pelaksana sekarang adalah GIATMARA, yang digunakan untuk pembinaan rumah dan juga pembayaran untuk kontraktor-kontraktor yang terlibat.

Mekanisme *focus group* yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat masih lagi digunakan. Ia merupakan salah satu sahaja mekanisme penapisan untuk menentukan sama ada pemohon itu layak atau tidak. Syor *focus group* di peringkat daerah akan diangkat di peringkat kementerian- di Pusat dan akan diteliti sekali lagi. Akan tetapi

memang kita gunakan dapatan ataupun pandangan *focus group* itu sebagai satu input yang penting dalam membuat keputusan itu. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sejauh manakah penyediaan kerajaan berhadapan dengan cabaran dan peluang baru susulan tindakan negara jiran Indonesia yang bakal memindahkan ibu negara dari Jakarta ke Kalimantan. Bagaimana kerajaan bercadang untuk memastikan negara kita bermanfaat daripada pemindahan ibu negara Indonesia, terutamanya untuk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu di atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kota Kinabalu bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Julau bertarikh 23 Oktober 2019, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh itu yang sama.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pada 26 Ogos 2019, Presiden Republik Indonesia telah mengumumkan pemilihan Kalimantan Timur sebagai ibu kota baru Indonesia bagi menggantikan Jakarta. Pembangunan ibu kota tersebut dijangka akan dimulakan pada tahun 2020, dan proses pemindahan akan dilakukan pada tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa keputusan untuk memindahkan ibu kota pentadbiran dari Jakarta ke Kalimantan Timur, Indonesia adalah berdasarkan kepentingan negara mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa akan terdapat implikasi-implikasi kepada negara kita Malaysia. Kerajaan percaya, ianya tidak akan menjejaskan hubungan dua hala yang semakin kukuh antara Malaysia dan Indonesia.

Pemindahan ibu kota baharu ke Kalimantan Timur akan meningkatkan kegiatan ekonomi, menambahkan jumlah populasi dan juga kegiatan-kegiatan lain seperti mana yang didapati di sesebuah ibu kota. Ini boleh memberikan banyak manfaat kepada negeri-negeri Malaysia, terutamanya Sabah dan Sarawak. Ia juga boleh membawa cabaran-cabaran baru. Pemindahan ini akan merancakkan lagi ekonomi di pulau berkenaan, dan Sabah dan Sarawak boleh mendapat limpahan manfaat daripada pelbagai sudut aliran perdagangan di sempadan antarabangsa, antara Kalimantan dan negeri-negeri Malaysia berkenaan.

Selain itu, sektor pelancongan di Sabah dan Sarawak juga dijangka akan meningkat berikutan jarak yang dekat antara Kalimantan dan kedua-dua negeri tersebut.

Pemindahan ini juga dijangka boleh membuka banyak peluang baru bagi meningkatkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Indonesia khususnya bagi wilayah-wilayah di Borneo dengan penglibatan syarikat-syarikat pemaju dan kontraktor Malaysia yang mengambil bahagian dalam projek pembangunan di Kalimantan Timur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai jiran yang rapat dan terdekat, Malaysia sentiasa bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan Indonesia jika diperlukan, berdasarkan pengalaman kita memindahkan pusat pentadbiran Malaysia dari Kuala Lumpur ke Putrajaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Presiden Jokowi telah mengumumkan bahawa pemindahan ibu kota Indonesia ini akan, mendatangkan kos Rp466 trilion (Rupiah) bersamaan dengan RM137 bilion. So, ini pemindahan ibu kota ini bukan sesuatu yang kita harus pandang remeh temeh. Ini adalah amat penting dan kesan ekonomi yang sangat penting.

Berikutan dengan ini ada atau tidak kerajaan atau kementerian bercadang untuk mengadakan lawatan secara rasmi ke Kalimantan Timur dan Kalimantan Utara untuk membincangkan *impacts* yang akan dikenakan oleh Sabah dan Sarawak kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mengadakan lawatan rasmi ke Kalimantan Utara dan Timur. Dengan lanjutan ini, saya juga berharap Malaysia juga boleh mengkaji sama ada Malaysia pun harus ada ibu kota kedua, yang terletak di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Pertama tadi saya telah maklumkan bahawa hubungan Malaysia dan Indonesia dari hari ke hari bertambah baik. Kita juga memantau daripada segi pengembangan, perancangan dan pembinaan kota baharu Indonesia di Kalimantan. Dengan itu sudah pastilah bahawa kita akan mengadakan rundingan demi rundingan demi memastikan bahawa implikasi-implikasi dapat diselaraskan agar bermanfaat kepada kedua-dua buah negara. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pemindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan Tengah adalah satu cabaran yang besar untuk negara Malaysia khususnya daripada sudut ekonomi, keselamatan dan sosial.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya melihat, apabila Pan Borneo di Jajaran Telok Melano dilaksanakan nampaknya kerajaan tidak bersedia untuk menjaga keselamatan di Sarawak.

■1110

Ini datangnya lebih ramai lagi. Apakah persediaan untuk mengadakan CIQ yang lebih banyak, benteng dan menyelesaikan masalah-masalah *boundary* yang belum dipersetujui di antara Indonesia dan Malaysia supaya perkara ini tidak mendatangkan satu masalah besar apabila kumpulan yang ramai datang daripada mana-mana tempat nanti untuk menduduki di Kalimantan Tengah. Terima kasih.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Soalan yang pertama berkenaan dengan soalan tadi ditujukan berkenaan dengan keselamatan. Ini adalah satu daripada langkah yang mana sedang dalam proses seperti mana saya sebut awal tadi, dari semasa ke semasa kita manfaatkan keadaan ini untuk kita terus mengadakan perbincangan dengan Indonesia. Ini termasuk dari segi keselamatan dan juga *boundary* di antara beberapa kawasan yang masih lagi dalam proses perbincangan yang belum lagi mendapat kata putus. Ini akan terus dilakukan oleh kerajaan dan juga Kementerian Luar Negeri untuk memastikan bahawa tidak akan ada pertindihan dan juga masalah-masalah sosial yang akan berlaku pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Soalan nombor 8 Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:

Sorong papan tarik papan,

buah keranji dalam perahu,

soalan saya nombor 8,

Yang Berhormat Menteri adalah yang terbaik, semua kami tahu.

Sila jawab. [Tepuk]

8. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (a) apakah strategi serta cadangan yang akan dilakukan oleh kementerian bagi mempromosikan lagi sektor pelancongan di Perlis; dan
- (b) apakah pihak kementerian akan memberi bantuan membaik pulih penyelenggaraan kawasan pelancongan ini khususnya di Tasik Meranti, Bukit Air dan Wang Kelian kerana semua bangunan ini dibiayai oleh kerajaan yang sekarang ini semakin terbiar serta adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap kerajaan negeri yang gagal menyelenggarakan tempat-tempat pelancongan kerana terdapat tempat pelancongan yang tidak pernah digunakan langsung sejak ia mula dibina seterusnya menjadi projek "Gajah Putih".

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:

Terima kasih Yang Berhormat Arau dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia sentiasa komited dalam memasarkan dan mempromosikan sektor pelancongan negara terutamanya negeri Perlis melalui strategi dan inisiatif seperti berikut. Saya memberi inisiatif lebih banyak kepada Yang Berhormat Arau, kawan baik saya. *[Tepuk]*

- (i) Melalui pelaksanaan Program MegaFams, *Mega Familiarization* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan antarabangsa untuk menyertai acara-acara dan program-program pelancongan di Perlis;
- (ii) mengadakan Bengkel Pembangunan Pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan termasuklah pengusaha *homestay* berdaftar untuk pembangunan dan mempromosikan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju kepada pelancong domestik dan antarabangsa;
- (iii) membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran untuk mempromosi produk pelancongan yang terdapat di negeri Perlis;
- (iv) melibatkan penyertaan kerajaan negeri dan agensi pelancongan di Perlis melalui misi jualan atau pemasaran dan pameran-pameran pelancongan utama dalam negara dan antarabangsa;
- (v) membantu mendapat gambar-gambar dan video berkualiti melalui acara-acara serta produk pelancongan di negeri Perlis bagi tujuan publisiti dan promosi dalam media sosial dan digital; dan
- (vi) menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri Perlis kepada pelancong melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia di seluruh negara.

Selain itu, antara cadangan bagi mempromosikan sektor pelancongan di negeri Perlis, termasuklah mempromosikan acara-acara yang akan dilaksanakan seperti berikut. Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya bahawanya acara yang saya akan sebut ini mesti dimasukkan dalam Tahun Melawat Malaysia 2020 untuk negeri Perlis.

- (i) Pesta Angin Timur 2020; tarikh – 6 hingga 8 Mac 2020; lokasi – Perkarangan Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis; sasaran peserta – 100,000 orang;
- (ii) Perlis Maraton 2020; tarikh – 4 April 2020; lokasi – Perkarangan Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar; sasaran peserta – 15,000 orang;

Di samping itu, kita telah memasukkan juga,

- (iii) Karnival Harumanis. Karnival Harumanis ini tarikh April 2020; lokasi – Busana @ Menara MARA, Kuala Lumpur; sasaran peserta – 5,000 orang;
- (iv) Pesta Air Kuala Perlis; tarikh – September 2020; Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kuala Perlis; sasaran peserta – 20,000 orang; dan
- (v) *World Cup Woodball Championship 2020*; tarikh – 24 hingga 30 Julai 2020; lokasi – Dataran Datuk Syeikh Ahmad, UniMAP, UiTM dan Kolej Matrikulasi Perlis; sasaran peserta adalah 3,000 orang.

Sekian Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang paling lengkap. Silakan soalan tambahan yang pertama.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih di atas jawapan ini Yang Berhormat. Akan tetapi soalan saya tadi ialah kalau kita buat acara, jadi orang datang untuk acara sahaja tetapi kita nak satu produk pelancongan yang orang akan datang dari semasa ke semasa. Saya telah sebut tadi bahawa semua produk pelancongan yang ada itu semua telah rosak dengan di kadar yang teruknya. Apakah kementerian Yang Berhormat yang saya kasihani ini, yang mendapat peruntukan yang banyak boleh memperbaiki semula produk pelancongan yang telah dibina seperti Bukit Air, Wang Kelian dan juga termasuklah Taman Burung dan sebagainya.

Semua ini telah rosak dan kalau orang datang ke Perlis, orang datang ke acara itu sahaja tetapi dia tidak ada tempat lain hendak pergi. Akan tetapi kalau kita perbaiki yang ini, sudah pastinya ianya akan menolong negeri Perlis untuk melancarkan aktiviti pelancongan. Jadi yang ini Yang Berhormat, dulu dibina oleh Kementerian Pelancongan, apakah kementerian bercadang untuk memperbaiki semula? Tidak mahal, *I think less than RM20 million*. Terima kasih.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan tambahan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan projek pelancongan tidak lagi disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya hanya menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi *in shortformnya* MEA dan membuat pemantauan sehingga pelaksanaan projek siap, seterusnya diserahkan kepada agensi pemilik.

■1120

Sehubungan dengan itu tanggungjawab penyelenggaraan projek berkenaan adalah kepada agensi pemilik iaitu pihak berkuasa tempatan atau agensi Kerajaan Negeri Perlis bagi memastikan kemudahan pelancongan tersebut terus boleh dinikmati oleh pengunjung. Kementerian ini tidak mempunyai punca untuk mengambil tindakan terhadap kerajaan negeri yang gagal menyelenggarakan tempat-tempat pelancongan. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil kira faktor ini sebelum memperakukan sebarang permohonan projek baharu oleh kerajaan negeri untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Di samping itu Yang Berhormat saya akan nanti memberi— mengarahkan pegawai saya, kementerian di Perlis untuk memberi kita input yang lebih lagi di mana kita boleh masuk dengan mudah untuk membantu seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua. Di sebelah kanan, silakan Yang Berhormat Beaufort.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapati bahawa usaha untuk kita mempromosikan pelancongan ini memang berjalan dengan lancar. Akan tetapi cumanya yang kita sedih ialah orang-orang tempatan kita tidak mendapat hasil daripada kehadiran ramainya pelancong di daerah-daerah seperti daerah kami yang merupakan daerah dikenali sebagai daerah pelancongan. Jadi saya meminta— bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah tidak boleh kementerian masukkan dalam pakej-pakej itu memastikan bahawa para pelancong itu mesti datang ke tempat-tempat *local* orang-orang tempatan yang menghasilkan produk-produk tempatan, makanan dan sebagainya.

Kedua, bolehkah kementerian berusaha untuk memastikan hasil-hasil tangan orang-orang tempatan seperti lukisan, kraf tangan dan sebagainya dipromosikan di hotel-hotel dalam negara kita supaya hasil orang tempatan itu diketahui oleh para

pelancong yang datang dan tidak sia-sialah kita ada ramai artis dan juga orang tempatan, usahawan yang menghasilkan produk-produk tempatan yang selama itu telah dilatih oleh kerajaan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun soalan tidak berkaitan dengan Perlis, Yang Berhormat hendak jawab atau jawapan bertulis?

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Saya— perlu saya jawab jawapan ini secara bertulis atau secara....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cara bertulislah. Sebab ini tidak berkaitan dengan soalan utama. Dia khusus kepada Perlis.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kepada ahli Yang Berhormat. Saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kita ada sedikit masa untuk soalan seterusnya. Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ali anak Biju.

9. Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta Menteri Kerja Raya menyatakan Pihak GPS sering membangkitkan isu tentang pembatalan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap projek Jambatan Igan, Jambatan Batang Lupar dan Jambatan Rambungan. Apakah status sebenar permohonan dan pelaksanaan jambatan-jambatan tersebut?

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih Yang Berhormat Saratok. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jambatan Batang Lupar, Jambatan Igan dan Jambatan Rambungan di Sarawak berada di laluan jalan pesisir pantai Sarawak iaitu berstatus jalan negeri. Di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu, cadangan ketiga-tiga jambatan itu telah diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos masing-masing RM500 juta Jambatan Batang Lupar dengan perkongsian kos 50-50 dengan kerajaan negeri, RM305 juta untuk Jambatan Igan dan RM100 juta untuk projek membina Jambatan Rambungan.

Walaupun kelulusan pelaksanaan projek-projek berkenaan terpaksa disemak semula oleh kerajaan semasa. Ia menunjukkan kepada keputusan kerajaan yang membatalkan ketiga-tiga projek berkenaan yang mana ia berasaskan fakta bahawa projek-projek itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam erti kata yang lain, ketiga-tiga jambatan tersebut bukanlah berstatus Jalan Persekutuan yang berada di bawah bidang kuasa langsung Menteri Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum bahawa ketiga-tiga projek jambatan tersebut akan diteruskan

pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan menggunakan peruntukan negeri. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya amat mengalu-alukan hasrat oleh kerajaan negeri itu demi kesejahteraan rakyat secara amnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri. Saya ada satu soalan tambahan. Memandangkan Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan membiayai projek jambatan tersebut dan juga memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak sendiri meneruskannya. Adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menggunakan peruntukan tersebut untuk melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan yang lain di Sarawak seperti *Trans-Borneo Highway* yang boleh memudahkan perhubungan di antara Sarawak, Sabah dan ibu kota baharu Indonesia.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat Saratok atas soalan tambahan ya. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dengan Bajet 2020 telah oleh Yang Berhormat Bagan pada hari Jumaat lalu, penamatan PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak dijangka akan menghasilkan penjimatan sekurang-kurangnya RM1.2 bilion. Penjimatan ini akan digunakan untuk projek-projek lain bagi memacu pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak seperti Lebuhraya Trans-Borneo yang menghubungkan Sabah dan Sarawak ke Kalimantan daripada Indonesia.

Antara fasa komponen penting projek ini adalah pakej bernilai RM600 juta untuk 40 kilometer Jalan Kalabakan, Serudong di Tawau dan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan iaitu CIQS. Projek Trans-Borneo ini akan dimulakan pada tahun hadapan selepas proses semak makmal pengurusan nilai disiapkan. Walau bagaimanapun, semua bajet yang diagihkan untuk projek tiga jambatan ini akan kekal diberi kepada projek lain di Sarawak dan untuk manfaat rakyat di Sarawak. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya peruntukan satu jambatan ini daripada kawasan saya, Rambungan. Rambungan, Batang Lupar kawasan saya dulu. Batang Lupar kawasan saya. Lassa itu Lawar Rejang lah. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, *alignment* Pan Borneo itu adalah *alignment* 1960-an dulu, masa British buat jalan. Itulah, kawasan itu tidak mempunyai kepadatan manusia. Kepadatan manusia di sisir jalan pesisir. Jadi saya nampaknya kerajaan ini tidak minat hendak sokong rakyat di kawasan pesisir yang padat dengan masyarakat Melayu dan Dayak ini.

Jadi saya bertanya dengan Yang Berhormat Menteri soalan yang sama. Mana satu projek yang hendak dibina menggunakan sumber kewangan yang dipindah RM100 juta daripada Rancangan, RM500 juta daripada Batang Lupar, dan berapa juta daripada Batang Lassa, Igan? Di mana tempat projek? Kita hendak tahu sebabnya sumber kewangan *allocation* untuk Sarawak. Jangan dipindah ke tempat lain.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Seperti mana yang telah saya beri maklumat tadi bajet itu telah diagihkan kepada tiga-tiga jambatan ini akan digunakan—diagihkan kepada projek di Sarawak dan rancangan dalam proses sekarang ini dan akan diisytiharkan pada masa yang akan datang ini. *I will be giving you that detail* selepas ini, dengan izinnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sedikit masa lagi. Jadi saya menjemput Tuan Arthur Joseph Kurup.

10. Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah untuk memastikan kawasan luar bandar Sabah khususnya kawasan kampung yang terpencil tidak terkecuali daripada menikmati talian komunikasi seperti telefon dan internet.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif dan juga yang merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya Tuan Yang di-Pertua di kawasan luar bandar dan pedalaman.

■1130

Melalui inisiatif yang dibiayai melalui Kumpulan Wang Perkhidmatan Sejagat (KWPS), peluasan liputan jalur lebar mudah alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih giat dilaksanakan. Setakat bulan Ogos tahun ini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 2,397 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara. Terdapat sebanyak 249 menara komunikasi baharu yang masih di peringkat pelaksanaan.

Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 475 menara komunikasi baharu telah pun siap beroperasi di Sabah dan terdapat 41 menara lagi masih di peringkat pelaksanaan termasuk pelaksanaan 36 menara komunikasi baharu dan 8 menara dalam peringkat pelaksanaan di kawasan Parlimen Pensiangan. Tuan

Yang di-Pertua, pihak SKMM telah menaik taraf sebanyak 5,128 lokasi menara kepada perkhidmatan 3G dan 4G. Ini termasuk 1,128 lokasi bagi Sabah sendiri.

Manakala, sebanyak 51 lokasi menara masih lagi dalam peringkat penaiktarafan di seluruh negara termasuk 15 lokasi bagi Sabah. Sebanyak 58 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktarafkan untuk kawasan Parlimen Pensiangan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi inisiatif berkaitan peluasan jalur lebar talian tetap yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar, lebih daripada 620,000 sambungan telah disediakan dan tersedia yang melibatkan penaiktarafan sebanyak 572 ibu sawat di seluruh dunia. Manakala, baki 60,000 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat mulai tahun ini.

Ini termasuk lebih daripada 45,000 sambungan yang telah pun siap di kawasan Sabah dan baki 4,500 sambungan dalam peringkat pelaksanaan. Antara inisiatif lain oleh kerajaan untuk menyokong pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan 4G adalah projek rangkaian teras gentian optik. Di Sabah, sepanjang 1,313 kilometer gentian optik telah siap beroperasi dan digunakan untuk perkhidmatan 4G. Untuk memastikan liputan jalur lebar dapat disediakan kepada hampir semua penduduk, *line* gentian optik dan kesalingan negara ataupun *National Fibreisation And Connectivity Plan (NFCP)*, mensasarkan Tuan Yang di-Pertua sebanyak 98 peratus kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan pada purata 30 *megapixel persecond* menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi bersesuaian di seluruh negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada sumber maklumat ini dan ia banyak dari segi angka dan ia spesifik kepada Pensiangan. Saya akan salurkan kepada Yang Berhormat selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis ya.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas data-data tersebut. Akan tetapi, dengan dukacitanya dimaklumkan bahawa sebagai seorang Wakil Rakyat yang mewakili kawasan luar bandar dan masyarakat di antara kawasan yang sangat terpencil, saya boleh katakan bahawa rangkaian *internet* di Sabah khususnya di Pensiangan masih lagi di tahap yang sangat tidak memuaskan. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah daripada kementerian untuk memastikan bahawa bukan sahaja rangkaian ini telekomunikasi itu ada, tetapi dia mesti stabil, *reliable* dan juga lengkap.

Maksud saya, sekiranya telekomunikasi ada, pembinaan menara itu juga ada, tetapi *reception* itu sangat lama, maka ia boleh dikira sama seperti kawasan itu masih lagi dikecualikan daripada rangkaian. Maksud saya dari segi lengkap adalah bahawa kawasan itu juga menikmati rangkaian seperti 4G dan 5G dan juga tidak terhad kepada 3G ataupun yang lebih rendah. Adakah ukuran ataupun KPI daripada pihak kementerian untuk memastikan ini, sebab ini adalah soal kualiti dan bukan soal kuantiti. Sekian, terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya cukup setuju bahawa banyak daripada kawasan-kawasan luar bandar khususnya kawasan-kawasan yang terpencil ini mengalami masalah dari segi tiada *connectivity* untuk permulaan, *to begin with*. Kemudian, sekiranya pun ada *connectivity*, maka kita lihat cabaran-cabaran seperti isu *stability*, *quality* dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang kita lihat dalam apa yang disebut sebagai pelan NFCP kita. Untuk kawasan-kawasan yang luar khususnya kita lihat kepada Sabah dan Sarawak, satu daripada cabaran yang kita lihat adalah cabaran dari segi geografi negeri-negeri tersebut.

Ini kerana, kalau kita hendak hubungi negeri-negeri tersebut melalui *fiber*, itu adalah pilihan yang paling terbaik. Akan tetapi, ia memakan masa, ia juga melibatkan kos yang tinggi. Dalam keadaan tersebut, apabila kita ini melihat kepada NFCP, satu daripada perkara yang kita fikir adalah bagaimana kita boleh melaksanakan ataupun mewujudkan satu sistem *infra* yang sedia ada dengan kos rendah, dengan masa yang tercepat. *So, this does not mean there is no fiber. Fiber of course the plan is still there, it will take time and it will cost a lot* Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, bagaimana kita boleh lihat kepada teknologi-teknologi yang lain supaya kita boleh pastikan bahawa kita boleh membawa perkhidmatan *internet* jalur lebar kepada kawasan-kawasan luar bandar dan terpencil dalam masa yang tercepat. Satu lagi daripada perkara yang kita lihat Yang Berhormat adalah bagaimana kita boleh menggunakan perkhidmatan melalui satelit misalnya. Kita masih ingat lagi hari Jumaat dibentangkan oleh Menteri Kewangan ada wang sebanyak RM250 juta yang disediakan diketepikan untuk perkara-perkara tersebut. Jadi ini adalah satu perkara yang kita memberikan prioriti. Saya setuju apa yang diperlukan, kita kena lihat bagaimana boleh kita pastikan bahawa wujudnya rangkaian dan infrastruktur yang memberikan jalur lebar kepada seluruh negara termasuk kawasan-kawasan luar dan terpencil.

Kita juga kena fokus kepada apa yang disebut sebagai kualiti, *this is very very important* dan itu satu perkara yang kita lihat dan ia dalam pertimbangan *special task force* yang telah pun didirikan untuk tujuan itu. Yang Berhormat-yang Berhormat, saya juga hendak maklumkan bahawa daripada soalan-soalan yang saya dapat khususnya dalam sesi Parlimen ini, saya lihat banyak soalan yang fokus kepada kawasan-kawasan Yang Berhormat-yang Berhormat tertentu. Dalam keadaan tersebut, saya telah pun cadangkan kepada SKMM supaya mereka melaksanakan satu *briefing* untuk semua Ahli Parlimen di Parlimen supaya semua Ahli Parlimen boleh membawa masalah mereka terus kepada SKMM dan juga boleh mendapat *contact* yang boleh bantu khususnya di negeri-negeri berbeza dan berlainan dan di kawasan-kawasan yang mempunyai cabaran-cabaran yang berlainan.

Kita akan maklumkan tarikh ini dan saya harap bahawa semua Yang Berhormat ambil peluang ini supaya kita dapat bincang dengan SKMM, faham apa yang mereka hendak laksanakan. Juga bagi pendapat dan pandangan kita kepada mereka supaya kita boleh kerjasama untuk kita menjayakan projek NFCP ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua. Ringkas saja ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak ringkas saja. Persoalannya, kita ad *highway* yang begitu luas. Ada *certain* jalan lebuhraya ini *coverage mobile* tidak boleh capai di situ. Apabila berlaku sebarang kemalangan, bagaimana mereka hendak menghubungi dengan pihak-pihak yang untuk memerlukan dan bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini? Itu yang pertama. Kedua, dalam kawasan bandar pun masih ada *spot* yang *grey*, yang tidak dapat capaian ini. Bagaimana *Telco* kena memaklumkan kepada pengguna sekiranya ada *breakdown*. Jangan *breakdown* tanpa maklumkan kepada pengguna, sebab pengguna bayar bil. Terima kasih Yang Berhormat Menteri., terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Soalan yang cukup baik. Berkenaan dengan soalan pertama, saya telah pun kerap kali menyatakan bahawa kita kena fokus. Apabila kita ada infrastruktur-infrastruktur baharu, kita kena pastikan bahawa semasa kita mendirikan infrastruktur itu, kita pastikan bahawa kalau misal kata dia ada lebuhraya, kita pastikan

bahawa kita juga ada *fiber* yang merentasi seluruh lebuhraya tersebut untuk semua pembangunan-pembangunan masa depan.

Kementerian saya sudah cadang kepada KPKT supaya kita juga pastikan kita ada bekalan air, kita ada bekalan elektrik, kita juga pastikan apabila kita bina pembangunan itu atau bandar-bandar baru tersebut, kita pastikan juga ada *connectivity* atau *fiber*. So, ini adalah satu *priority* yang kita berikan fokus. Untuk misal kata, rail dan sebagainya juga, kita juga ada rancangan di mana kita pastikan bahawa ada *fiber* untuk tempat-tempat tersebut. Jadi, kalau kita lihat kepada lebuhraya yang sudah dibina dulu, saya dimaklumkan kebanyakan daripada mereka juga sudah ada perkhidmatan *fiber*. Dalam keadaan tersebut, satu perkara yang kita hendak laksanakan dalam SKMM, kita hendak ada satu *mapping*. *Mapping system* di mana kita tahu, sebenarnya di mana *fiber* bukan sahaja di kawasan bandar, tetapi di seluruh Malaysia seperti yang kita dapat lihat dan tempat-tempat yang tidak ada *fiber* tersebut itu kita boleh berikan fokus supaya kita boleh lihat bagaimana kita boleh siapakan dengan *fiber*.

■1140

Itu adalah satu dalam proses perbincangan kita *of course* bila kita ada mesyuarat itu ini boleh dibangkitkan dan saya setuju apa yang diperlukan adalah kawasan-kawasan bandar juga yang disebut sebagai *grey area*. Di mana kawasan tersebut kadang-kadang kita melihat kawasan perumahan, satu lorong itu ada *connectivity* tapi lorong sebelah itu tidak ada *connectivity*. Ini menjadi satu masalah yang besar dan dalam SKMM kita ada satu badan yang melihat kepada masalah-masalah ini dan ia terdiri daripada wakil-wakil daripada *telco*.

Kebanyakan masalah dan aduan yang saya dapat khususnya melalui *Twitter* Yang Berhormat, kebanyakan daripada masalah itu terus disampaikan kepada *telcos* dan mereka ini mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah itu. Akan tetapi saya cukup setuju apa yang kita kena pastikan kalau boleh kita ada *road map* dan *road map* untuk lima tahun dalam ANCP itu dalam proses penyediaan, kita boleh tunjukkan sebenarnya apa yang hendak kita laksanakan, *every six months*, apakah KPI kita, *our projected reach* itu semua kita akan buat dan juga dari segi bila ada *breakdown*.

Yang Berhormat, baru-baru ini kita lihat bagaimana ada *breakdown* yang besar yang melibatkan banyak kawasan di seluruh negara tetapi tidak ada maklumat. Saya memberikan arahan kepada SKMM supaya memberikan arahan kepada semua *telco* kalau ada *breakdown* perlu untuk mereka mengeluarkan maklumat itu melalui media massa untuk memberitahu kepada semua pengguna perkhidmatan mereka bahawa ada

masalah dan mereka juga kena beritahu tempoh masa dalam mana ia diperlukan untuk diperbaiki.

Itu adalah satu langkah yang kita ambil untuk kita cuba membantu dalam keadaan tersebut tapi dalam masa yang sama ini tidak bermakna bahawa mereka ini boleh melengah-lengahkan proses memperbaiki kerana kita semua tahu banyak perniagaan dan sebagainya yang mereka ini, *they are relying on connectivity for their businesses and so forth*. Jadi kita ini kena pastikan bahawa kita juga ada KPI untuk mereka selesaikan masalah itu. Akan tetapi Yang Berhormat pun fahamlah masalah-masalah itu ia berbeza, bila berlaku ia melibatkan perkara-perkara yang berbeza.

Ini adalah satu perkara yang saya lihat dan saya akan memberikan pandangan kepada cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi dalam soalan tadi. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dengan itu tamatlah sesi jawapan-jawapan lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.41 pg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 15 Oktober 2019.”

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[11 Oktober 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menjemput Yang Berhormat untuk memulakan perbahasan, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dihadkan masa seperti berikut, ini diputuskan selepas perbincangan.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang selama 90 minit, wakil Pakatan Harapan selama 90 minit iaitu Yang Berhormat Sungai Petani, semua Ketua-ketua Parti selama 30 minit, Ahli Yang Berhormat yang lain selama 20 minit. *[Tepuk]* Mungkin pada akhir-akhir itu kita pendekkan kepada 15 minit. Saya harapkan tahun ini kita tidak perlulah menggunakan masa yang drastik. Faham maksudnya drastik, lima minit dan sebagainya. Kalau kita boleh berucap dalam lingkungan yang saya sebutkan tadi adalah baik untuk semua.

Jadi sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang, silakan 90 minit dari sekarang.

11.45 pg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan 2020. Saya pasti situasi ekonomi yang agak tidak memberangsangkan sepanjang tahun ini, kos sara hidup yang meningkat serta harga barang yang tidak juga turun selepas pelaksanaan SST menyebabkan Belanjawan 2020 menjadi belanjawan yang amat dinanti-nantikan oleh semua pihak.

Harapan rakyat yang kebanyakannya sudah pasti menggunung mengharap sesuatu yang bukan saja progresif tetapi mampu memberikan kesejahteraan kepada kehidupan mereka. Malangnya, Belanjawan 2020 yang dibentangkan Jumaat lepas nampaknya lebih memfokuskan kepada golongan pemodal, pelobi dan syarikat-syarikat besar dan tidak memberikan perhatian serius kepada rakyat biasa serta mereka yang lebih memerlukan.

Sebelum saya menghujahkan secara terperinci, inisiatif yang dibentangkan dalam Belanjawan 2020, saya ingin mengajak seisi Dewan untuk mengimbas beberapa kegagalan Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun ini khususnya dalam pelaksanaan Belanjawan 2019. Seperti yang kita tahu untuk tahun 2019, Kementerian Kewangan telah menyediakan belanjawan berasaskan harga minyak mentah pada kadar USD70 satu tong. Sandaran ini adalah susulan keyakinan kerajaan bahawa pengurangan hasil cukai dipercayai dapat diimbangkan dengan tambahan hasil berkaitan petroleum yang pada masa tersebut dijangka berjumlah 5.4 bilion.

Pihak pembangkang dalam perbincangan Bajet 2019 telah mengambil tindakan bertanggungjawab dengan memberikan peringatan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa negara akan terperangkap dan hilang pendapatan sekiranya harga minyak turun sekali gus menegaskan yang perancangan kewangan kerajaan bukan saja tidak stabil malah berisiko. Malangnya Menteri Kewangan seperti biasa berdegil dan kekal dengan keputusannya dan seperti yang dijangka seawal tahun 2019 sehingga data terkini, purata harga minyak mentah *brand* adalah USD64.62 se tong dengan harga paling rendah pada USD53.23 satu tong.

Perbezaan harga minyak mentah *brand* sekitar USD6 ini telah memberikan kesan kepada pelbagai perancangan perbelanjaan kerajaan dan negara. Ketidacermatan Menteri Kewangan dalam merangka Bajet 2019 telah memaksa kerajaan mengambil tindakan kontingensi yang bukan saja terdesak tetapi cuai dan teruk seperti menjual aset-aset strategik negara serta membuat pinjaman berbilion ringgit

malah mengambil *special* dividen dari Petronas sebanyak RM30 bilion untuk menutup kelompangan belanjawan tersebut.

Laporan Tinjauan Ekonomi 2020 menunjukkan perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak RM2.4 bilion daripada RM259.9 bilion kepada RM262.3 bilion. Alasan peningkatan RM2.4 bilion kononnya adalah untuk menampung keperluan tambahan bagi program sedia ada berdasarkan keperluan perbelanjaan kritikal oleh kementerian. Ini termasuklah program subsidi minyak, bantuan makanan untuk sekolah berasrama penuh, perkhidmatan pembersihan sekolah dan bekalan kesihatan berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi 2020.

■1150

Namun, tiada spesifikasi dan pecahan amaun diberikan bagi setiap program ini. Saya mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan pecahan tersebut secara terperinci. Bukan itu sahaja, terdapat peningkatan sebanyak RM797 juta dari anggaran asal RM25 bilion kepada RM26.6 bilion yang disebabkan oleh kenaikan tahunan ataupun *annual increment* dan keperluan untuk menampung kira-kira 853,000 pesara dan penerima yang tidak dimasukkan pada peringkat awalnya.

Adalah sangat cuai dan tidak masuk akal bahawa ketika merancang perbelanjaan mengurus, kerajaan tidak mengambil kira keperluan kenaikan tahunan dan bayaran kepada pesara. Adakah perkara ini disengajakan? Oleh sebab kita tidak pelik kerana sepanjang tahun ini kerap kali wakil-wakil Pakatan Harapan memberikan cadangan untuk mengurangkan dan menghapuskan pencen pesara.

Rupa-rupanya golongan pesara ini sudah dari awal-awal lagi dikeluarkan daripada perbelanjaan mengurus. Kegagalan ketiga adalah anggaran perbelanjaan 2019 yang jauh berbeza dengan jumlah perbelanjaan pembangunan yang sebenar. Jika tadi dalam merancang perbelanjaan mengurus, peruntukan kurang dan tidak cukup sebanyak RM2.4 bilion, untuk peruntukan pembangunan pula, peruntukannya ada tetapi ia gagal dimanfaatkan dengan baik menyebabkan berlaku perbezaan peruntukan sebanyak RM1 bilion antara peruntukan sebenar berjumlah RM53.7 bilion berbanding jumlah asal sebanyak RM54.7 bilion.

Jika kita teliti dengan lebih mendalam, mengikut sektor perbelanjaan pembangunan dalam perdagangan dan industri misalnya mencatatkan nilai sebenar hanya RM3 bilion iaitu RM2.7 bilion atau 47 peratus lebih rendah daripada peruntukan asal yang jauh lebih tinggi iaitu RM5.7 bilion. Perbelanjaan pembangunan juga telah gagal dibelanjakan dengan baik untuk subsektor tenaga dan utiliti awam. Peruntukan

asal adalah sebanyak RM4.6 bilion namun hanya RM2.6 bilion yang berjaya dibelanjakan.

Saya hairan dan menuntut penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan bagaimana boleh berlaku perbezaan anggaran peruntukan sebanyak RM2 bilion atau 43.5 peratus di dalam isu ini.

Kesemua perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding perbelanjaan yang dirancangan ini menunjukkan dengan jelas ketidakupayaan Menteri Kewangan untuk membuat anggaran yang baik di dalam pengurusan kewangan negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adalah berasas dan tidak pelik untuk pembangkang meragui segala perancangan kewangan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan untuk Belanjawan 2020. Tambahan pula, bukan sahaja perancangan kewangan Belanjawan 2019 ini gagal dan tidak teliti, malah inisiatif yang diumumkan di dalamnya juga telah gagal dilaksanakan.

Saya berikan tiga contoh kegagalan inisiatif dalam Belanjawan 2019. Contoh pertama, Belanjawan 2019 gagal mengambil kira semua golongan sasar dengan teliti sehinggakan golongan bujang telah tercicir dari kategori penerima Bantuan Sara Hidup. Kita semua masih ingat, hanya selepas pembangkang mendesak dan terus mendesak, Kementerian Kewangan akhirnya menyedari kesilapan mereka lalu menawarkan RM100 kepada 3 juga individu bujang di dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup atau BSH 2018.

Ringkasnya, telah dibuktikan bagaimana Belanjawan 2019, sama ada dari segi perancangan mahupun pelaksanaan inisiatifnya adalah sebuah belanjawan yang gagal dan mengecewakan. Pada peringkat ini sahaja, kita harus berwaspada dan berhati-hati kerana banyak sekali inisiatif yang diumumkan di dalam Belanjawan 2020 tempoh hari, sebenarnya mungkin dibuat secara tergesa-gesa dan tidak berfikir panjang.

Jangan sampai, "*pisang berbuah dua kali*". Kegagalan di dalam merancang Belanjawan 2019 tidak seharusnya akan terus merebak ke Belanjawan 2020. Saya membuat amaran ini bukan secara suka-suka Yang Berhormat. Ini kerana Belanjawan 2020 sepatutnya menjadi belanjawan yang paling penting. Terdapat sekurang-kurangnya empat pemberat atau *weightage* unit yang menjadikan belanjawan kali ini

extra important dengan izin ataupun *super critical*, dengan izin berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Belanjawan tahun ini adalah belanjawan untuk Wawasan 2020. Tahun yang sepatutnya menyaksikan Malaysia mencapai status negara maju dengan acuan kita sendiri. Maka untuk tahun yang hebat ini, belanjawannya juga mesti hebat. Ia mesti menawarkan kelainan dan kesegaran yang selayaknya, bukan sekadar meneruskan titik-titik sentuhan yang telah pun dilaksanakan dulu dengan peningkatan dan penambahan jumlah dana semata-mata.

Keduanya, ini kerana Belanjawan 2020 ini dibentangkan selepas pelancaran rasmi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ataupun WKB 2030. Memandangkan Wawasan Kemakmuran Bersama dibentangkan sebagai pelan besar kerajaan atau lanjutan kepada Wawasan 2020 yang nampaknya gagal dicapai, maka belanjawan ini mesti memberikan jalan awal yang jelas serta strategi-strategi penting bagaimana matlamat di dalam WKB 2030 akan dapat dicapai. Ini khususnya dalam menguruskan kesenjangan masyarakat yang merupakan inti pati utama WKB 2030.

Malangnya, Belanjawan 2020 sedikit pun tidak mengambil kira tentang WKB 2030 yang dijuarai oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Akan tetapi saya boleh faham mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengabaikan WKB 2030 dalam belanjawan kali ini kerana WKB 2030 sendiri itu sebenarnya memang bermasalah dan mempunyai beberapa keanehan yang sangat mengelirukan. Misalnya, yang pertama pengiraan peratusan pertumbuhan ekonomi yang diperlukan untuk mencapai...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Bera. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera berkaitan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dilancarkan tempoh hari. Apakah pandangan Yang Berhormat Bera? Adakah WKB ini adalah satu lagi taktik untuk mengaburi apa yang telah dijanjikan dalam *Manifesto Buku Harapan* ini? Yang ini belum tertunai dan mereka ingin beralih kepada Wawasan Kemakmuran Bersama supaya rakyat melupai apa yang telah tercatat begitu banyak janji-janji dalam *Manifesto Buku Harapan* ini tidak ditunaikan. Minta pandangan Yang Berhormat Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Paya Besar. Saya teruskan.

■1200

Misalnya, yang pertamanya adalah pengiraan peratusan pertumbuhan ekonomi yang diperlukan untuk mencapai sasaran KDNK di dalam WKB 2030 adalah tidak tepat. Oleh kerana, kadar pertumbuhan yang kita perlukan sebenarnya adalah 7.36 peratus dan bukannya 4.7 peratus seperti yang dibentangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Malah, jawapan Menteri kepada perbezaan tersebut, kononnya kerana mengambil kira faktor inflasi adalah tidak meyakinkan.

Kedua, di bawah WKB 2030, sasaran pendapatan minimum isi rumah B40 yang hendak dicapai pada tahun 2030 adalah sebanyak RM5,800. Barangkali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi tidak sedar sasaran ini menunjukkan kenaikan hanya 0.9 kali ganda iaitu tidak sampai 1 kali ganda pun pendapatan isi rumah B40 berdasarkan kaji selidik yang terkini yang dijalankan pada tahun 2016 iaitu RM3000. Ini bermakna dari tahun 2016, sebagai titik rujukan sehingga tahun 2030 iaitu 14 tahun, sasaran kenaikan pendapatan isi rumah B40 oleh Pakatan Harapan di bawah WKB 2030 tidak sampai pun satu kali ganda.

Saya ingat mereka akan sasarkan sekurang-kurangnya kenaikan satu kali ganda sekali gus menjadikan pendapatan isi rumah sebanyak RM6,000. Walhal, tanpa WKB pun, kerajaan Barisan Nasional untuk tempoh yang hampir sama iaitu dari tahun 1999 hingga 2016 iaitu 17 tahun, telah dapat memberikan kenaikan pendapatan minimum sebanyak 2.4 kali ganda. Untuk tempoh 2009 hingga 2016 sahaja, angka pendapatan B40 ini boleh naik sebanyak 1.1 kali ganda. Jadi berdasarkan wawasan tinggi melangit, bahawa KDNK yang dirumuskan mencecah 3.4 trilion, hasil daripada kenaikan inflasi sebanyak RM890 bilion adalah agak pelik jika pendapatan minimum B40 disasarkan naik kurang daripada satu kali ganda.

Pada masa yang sama, peratusan sumbangan pampasan pekerja kepada KDNK atau *compensation of employees* untuk wawasan ini disasarkan pula naik sehingga 48 peratus berbanding 35.7 peratus yang dicatat pada tahun 2018. Persoalannya sekarang, jika kenaikan isi rumah B40 disasarkan naik hanya 0.9 kali ganda, maka bagaimana untuk kita mencapai sasaran 48 peratus *compensation of employees* ataupun CE ini. Jawapannya mudah- mungkin penggunaan angka mutlak peningkatan pendapatan isi rumah B40, kepada RM5,800 di bawah WKB 2030 sebenarnya hanyalah bertujuan untuk mengaburi mata rakyat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi. Sedangkan mekanisme dan sasarannya adalah tidak praktikal, tidak tepat dan tidak pun menggambarkan satu perkongsian kemakmuran bersama. Kita mungkin boleh tukar

Wawasan Kemakmuran Bersama ini kepada “Wawasan Penderitaan Bersama”...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan *weightage* ketiga ataupun pemberat ketiga yang menjadikan Belanjawan 2020 sebagai super kritikal adalah kerana ia berakhirnya RMK-11.

Berasaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan telah merancang supaya projek pembangunan sosioekonomi berimpak tinggi akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, terutamanya di dalam merapatkan jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri.

Untuk itu penekanan yang lebih besar akan diberikan kepada negeri yang kurang membangun terutamanya Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis bagi memastikan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang. Malangnya, sekalipun Belanjawan 2020 ini adalah belanjawan terakhir RMK-11, ruang dan peluang ini tidak sedikit pun digunakan untuk memberi penekanan kepada pembangunan wilayah secara seimbang.

Berbanding Sarawak dan Sabah yang mendapat pelbagai peruntukan, Perlis yang menerima peruntukan untuk Chuping, Kedah- peruntukan pembangunan beras pulut di Langkawi dan kompleks Bukit Kayu Hitam, malah, negeri Menteri Kewangan sendiri Pulau Pinang turut menerima RM100 juta bagi pembinaan kereta *cable*-sedangkan Pulau Pinang adalah negeri berpendapatan tinggi, dan amat malang kepada Kelantan dan Terengganu, nampaknya terus diabaikan tanpa sebarang projek berimpak tinggi. Di manakah...

Dato’ Takiuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Minta laluan Yang Berhormat Bera. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Saya meneliti ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi mengenai agihan peruntukan belanjawan untuk tahun ini. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak. Berbanding dengan Pantai Timur, negeri Pantai Timur khususnya Kelantan dan Terengganu. Kita dengar Yang Berhormat Bagan masa bentang Belanjawan 2020, apa yang diperoleh oleh Kelantan dan Terengganu hanya lah sebuah sekolah di Tumpat, Kelantan dan sebuah sekolah di Marang, Terengganu. Itu sahaja peruntukan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang agihan ini? Terima kasih.

Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya- itu yang saya hendak sebutkan tadi bahawa sepatutnya Kelantan dan Terengganu mendapat peruntukan yang besar terutamanya projek yang berimpak tinggi dan tentu sahaja yang akan memberikan

faedah kepada negeri dan juga rakyat negeri Kelantan, yang saya kira dari segi pendapatan per kapitanya adalah amat rendah sekali.

Akan tetapi ini tidak berlaku. Oleh sebab itu, kita hendak tanya- saya mungkin bersama dengan rakan-rakan yang lain ingin tanya Menteri Kewangan, adakah ini hukuman kepada rakyat Kelantan kerana memberikan undi kepada PAS, sehinggakan PAS membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu? Adakah Kelantan dipinggirkan dan diketepikan kerana menghukum Kelantan yang diperintah oleh kerajaan pembangkang?...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Laluan sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat. Sebagai rakyat negeri Kelantan, kita amat terkilan dengan bajet yang dibentangkan, jelas nampak sangat bagaimana dipinggirkan, negeri-negeri yang sebelum ini kami dihina dengan negeri yang paling miskin, tetapi peruntukan tidak diberi sebagaimana yang diberi kepada negeri-negeri yang lain. Banyak projek-projek yang dijanjikan masih tertangguh.

Terutama Yang Berhormat, iaitu projek tambatan banjir. Sekarang kita akan berdepan dengan musim banjir yang sudah berpuluh kali saya sebut, dan sudah dibincangkan dengan begitu lama. Begitu juga kita tengok projek pembangunan, contohnya Taman Industri Halal dalam kawasan saya seperti projek gajah putih, tidak ada apa-apa pun, hanya tapak sahaja.

Jadi, sejauh mana pandangan Yang Berhormat? Adakah kerajaan hari ini kerajaan yang betul-betul prihatin yang mengotakan janjinya dalam manifesto? Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju dengan Yang Berhormat. Bukan sahaja manifesto, tetapi di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-11 telah pun disebut mengenai- merapatkan jurang antara kawasan ini. Jadi, sebab itulah kita hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, di manakah peruntukan untuk projek berimpak tinggi seperti yang ditegaskan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-11?

Pada rakyat di Kelantan dan Terengganu, oleh kerana tiada projek berimpak tinggi, mungkin boleh kita tuntutan royalti 20 peratus daripada kerajaan Persekutuan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan melihat perkara ini dengan lebih serius lagi.

Pemberat keempat yang menjadikan Belanjawan 2020 sebagai kritikal...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Bera, sedikit lagi sebelum Yang Berhormat pergi tajuk lain.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat pernah menjadi Menteri dahulu, dari segi keputusan Kabinet. Bagaimana kalau sekiranya dalam satu belanjawan satu tahun, kerajaan telah meluluskan satu projek sebagai contoh untuk dalam konteks Kelantan, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah di-*award*-kan kepada kontraktor tertentu, akhirnya apabila Kerajaan Pakatan Harapan datang sebagai kerajaan, mereka telah membuat tender baharu, akhirnya dalam Bajet 2020 hilang terus, yang tender baharu ini tidak tahu macam mana, terus hilang dan tidak muncul lagi di dalam bajet ini. Apakah ini satu perkara yang sewajarnya ataupun bagaimana? Terima kasih

■1210

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya percaya apabila kita meluluskan satu-satu projek, kita telah ambil kira dari segi kesediaan kewangan untuk dibelanjakan. Jadi, walaupun bertukar kerajaan, tidak sepatutnya projek yang memberikan impak tinggi kepada negeri dan rakyat itu ditarik balik dan mungkin diberikan ke tempat-tempat lain dan sebagainya.

Jadi, tidak sepatutnya. Dia tidak boleh melihat kerajaan apakah yang memerintah di negeri itu, yang lebih penting adalah rakyat Kelantan juga seperti rakyat di negeri lain berhak untuk mendapatkan segala projek yang telah pun dijanjikan oleh kerajaan. Rakyat Kelantan seperti rakyat lain adalah *tax payers* yang membayar cukai kepada kerajaan dan perlu diberikan layanan yang sama seperti negeri lain. Jadi...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Bera, boleh mencelah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya ingin rujuk kepada apa yang dicadang oleh Yang Berhormat Bera tadi erti royalti petroleum sampai 20 peratus. Masalah Kelantan sekarang ini, lima peratus yang dijanjikan itu belum diberikan. Kalau dalam konteks wang *refund* GST yang kita bising beberapa ketika lalu, RM19.4 bilion tak masuk ke dalam akaun amanah GST, masuk ke dalam akaun wang yang disatukan.

Dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai dirompak. Jadi kalau Petronas bayar tiap-tiap tahun kepada Kerajaan Pusat tak masuk kepada kerajaan negeri, adakah kita boleh kata wang royalti Kelantan ini dirompak oleh Kerajaan Pakatan

Harapan dan kalau dia tanya siapa kepala perompak? Adakah boleh kita kata Yang Berhormat Menteri Kewangan kepala perompak?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya boleh bersetujulah, tepat sekali kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan boleh saya minta hendak masukkan dalam ucapan saya, sebahagian daripada ucapan saya. Pemberat keempat yang menjadikan Belanjawan 2020 sebagai kritikal adalah kerana tahun hadapan adalah tahun yang sukar dari segi cabaran ekonomi, sama ada secara mikro mahupun makro. *Index Global Economic Policy Uncertainty* yang dirumuskan oleh OECD dan diguna pakai oleh IMF menunjukkan kebarangkalian akan berlaku kegawatan pada tahun depan adalah tinggi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Bera, boleh mencelah? Ringkas sahaja. Berkenaan isu royalti kepada Kelantan khususnya yang dibangkitkan tadi, saya ingin bertanya dalam pemerintahan Barisan Nasional dalam 60 tahun itu, berapa banyak royalti petrol telah dibayar kepada Kelantan, berbanding dengan kerajaan Pakatan Harapan yang baharu setahun setengah ini? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sebenarnya kita memberikan wang ehsan kepada Kelantan dan Terengganu dan jumlahnya lebih besar daripada royalti. [Tepuk] Satu lagi, kita tidak berjanji. Pakatan Harapan berjanji, itu bezanya. Jadi, berjanji dalam Islam mesti ditepati. Itu yang Kelantan *demand*, Terengganu *demand*, Sarawak pun *demand*, Sabah pun *demand* kerana janji.

Jadi, sebab itu saya hendak rumuskan sebelum saya patutnya saya rumus kemudian. Bagaimana kita hendak yakin kepada bajet ini, kalau manifesto pun tipu, Bajet 2019 pun gagal, bohong dan Bajet 2020, saya percaya juga bohong seperti yang lepas-lepas juga.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sedikit lagi mengenai tuntutan royalti petroleum Kelantan ini, bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi. Sebenarnya keadaan yang berbeza. Pada beberapa tahun yang lepas semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Kelantan telah memasukkan satu saman sivil di mahkamah di Malaysia ini terhadap Petronas untuk menuntut bayaran royalti yang tertunggak.

Apa yang berlaku, apabila Pakatan Harapan menjadi kerajaan, mereka telah berjanji kepada Kerajaan Negeri Kelantan sekiranya saman itu ditarik balik tanpa apa-apa dipanggil, *without liberty to fight a fresh* tidak boleh saman balik, maka Kerajaan Pusat akan bagi royalti kepada Kelantan dan perkara ini saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah pun diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga

Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Menteri yang menjaga Petronas tetapi katanya Yang Berhormat Bagan tak nak lepas peruntukan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya, yang pertamanya apa yang dijanjikan tidak boleh dipercayai sama sekali. Itu prinsip asas dia. Apabila berjanji dengan Kerajaan Pakatan Harapan, tidak perlu kita hendak pegang kepada janji kerana mereka pastinya tidak akan menunaikan janji tersebut.

Jadi, yang kedua tadi, saya akan masukkan dalam ucapan saya minta supaya Yang Berhormat Kewangan menjawabnya. Jadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan tengah bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi rujuk kepada *Hansard* lah apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Kota Bharu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan. Yang Berhormat, saya bersimpati kenapa terlalu banyak perkara ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tuduh macam-macam? Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ini dahulu dikenali sebagai Umar Abdul Aziz. [*Dewan ketawa*] Mempunyai watak-watak seperti keadilan dan kebijaksanaan Khalifah Umar Abdul Aziz. Mungkin Yang Berhormat, mungkin dapat bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah dia masih lagi Umar Abdul Aziz hari ini, ataupun Aziz Satar ataupun yang lain-lain.

[*Dewan ketawa*]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Abdullah bin Ubai.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Keduanya Yang Berhormat, tadi disebutkan tentang soal tekanan dan ketidakadilan dan juga cakap dan janji yang tidak ditunaikan. Minggu lepas dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimana projek yang telah diluluskan dalam Parlimen ini, diumumkan dalam Parlimen ini, kemudian telah pun dilaksanakan terutamanya Maktab Rendah Sains MARA di Kelantan juga. Dua Maktab Rendah Sains MARA, Yang Berhormat Padang Terap dahulu berhempas pulas mengorbankan tanah Kementerian Pelajaran untuk membolehkan MRSM itu dibuat dan proses sudah berjalan, konsultan telah dilantik, pelan, tender sudah siap dan sebagainya dan dalam Parlimen yang sama, saya bertanya dahulu projek itu memang akan diteruskan, kerajaan hari ini juga jawab.

Tiba-tiba dalam soalan saya minggu lepas, dijawab untuk MRSM Ketereh hendak dibatalkan, MRSM Tanah Merah diteruskan. Adakah itu kerana Tanah Merah melompat parti dan Ketereh belum atau tidak akan melompat bukan melompat tetapi tidak akan

melompat. [*Dewan riuh*] Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan kerajaan ini, [*Disampuk*] Apa itu?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak akan. 'Belum' itu tarik balik Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Macam mana saya hendak lompat kalau saya kesian dengan Yang Berhormat Sungai Petani pun dizalimi di sebelah sana. [*Dewan ketawa*] Jadi, hendak lompat pergi masuk dalam kawah panas ini tidak mudah. Mudah-mudahan Yang Berhormat Sungai Petani ini tidak lompat ke mari akan tetapi soalan yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Ketua Pembangkang ialah, adakah ini menjadi satu trend pentadbiran sekarang iaitu menggunakan politik intimidasi, menggunakan politik tekanan, barang siapa yang telah melompat, maka bersihlah masalah terowong kah, masalah apa semua bersih. Akan tetapi kalau selagi menjadi pembangkang, mesti ditekan, mesti dihina, mesti didakwa dan sebagainya. Adakah ini satu bentuk kerajaan yang baik pada masa ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya lihat itulah *trendnya* iaitu sesiapa yang menentang akan ditekan sehabis-habisnya seperti dalam kes yang melibatkan 80 penerima wang yang dituduh menerima daripada 1MDB sedangkan kes 1MDB belum pun selesai. Tidak diputuskan lagi kes 1MDB, tiba-tiba dituduh menerima wang 1MDB tersebut.

Seperti kita tahu di dalam senarai tersebut, dahulu ada Ahli Parlimen daripada Masjid Tanah. Akan tetapi selepas Ahli Parlimen Masjid Tanah melompat, nama dikeluarkan. Jadi, inilah *trendnya* memang betul apa Yang Berhormat Ketereh, inilah ...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat, bukan sahaja Yang Berhormat Masjid Tanah, yang sudah menjadi menteri pun ada terima. Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun ada terima tetapi tidak keluar pun dalam notis kompaun sebab sudah duduk sebelah sana.

■1220

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Maknanya, ada *double standard* di dalam pelaksanaan undang-undang. Jadi, saya hendak teruskan. Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, teruskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Malah pada Julai lepas, pakar ekonomi organisasi tersebut di dalam persidangan persiapan pelan Rancangan Malaysia Ke-12 yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah

dimaklumkan perkara yang sama. Jadi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pun pasti peka akan perkara ini.

Namun, barangkali maklumat penting ini tidak dikongsi dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana seperti yang saya katakan tadi mungkin kedua-dua mereka mempunyai agenda tersendiri. Pada masa yang sama, laporan *Trade and Development* 2019 oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu yang baharu yakni yang baharu sahaja dilancarkan turut mengatakan bahawa kebarangkalian kegawatan ekonomi global tahun depan adalah satu risiko yang amat nyata yang merisaukan kita sekarang.

Keupayaan negara untuk berhadapan dengan semua ini adalah sangat rendah dan membimbangkan. Ketidakupayaan ini disebabkan oleh beberapa aspek, antaranya ruang untuk tindakan polisi yang efektif bagi negara bagi masa terdekat ini semakin mengecil. Sungguhpun defisit fiskal negara yang diunjurkan pada 3.2 peratus pada KDNK masih pada tahap yang tidak kritikal. Struktur pendapatan hasil semasa Kerajaan Persekutuan pada ketika ini adalah amat membimbangkan.

Struktur cukai yang masih kelam-kabut, ketiadaan dividen khas dari Petronas, kehilangan dividen dari aset-aset kerajaan yang telah dijual, cukai pendapatan petroleum yang mengecil, serta pungutan cukai SST yang sub par dari pungutan GST yang direkodkan tiga tahun sebelumnya dan hasil Kerajaan Persekutuan diunjurkan menguncup sebanyak 7.1 peratus pada tahun 2020.

Kesemua ini menggambarkan yang pendapatan kita adalah tidak menentu dan ruang polisi fiskal kita sangat merisaukan. Pada masa yang sama, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka terus meningkat sebanyak RM58 bilion menjadikan RM799.1 bilion pada tahun 2019 setelah sebanyak RM54 bilion naik. Sebanyak RM54 bilion pada tahun 2018. Ini bermakna, Kerajaan Pakatan Harapan telah menambah hutang sebanyak RM112.3 bilion dalam masa setahun setengah sahaja pemerintahan mereka. Secara puratanya, Pakatan Harapan telah menambah hutang sebanyak RM74.9 bilion setahun.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya dengar dan teliti penyampaian Yang Berhormat pada pagi ini dan saya dapati Yang Berhormat kerana sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh ke peringkat antarabangsa. Saya teliti Yang Berhormat, setuju tidak Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa bajet yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan bukan sahaja

bajet yang menipu dalam soal pengagihan tetapi menipu dalam pelbagai kaedah dan cara.

Pertama, menggunakan struktur ayat dan juga angka yang boleh membeli jiwa rakyat tetapi sebenarnya dalam kaedah yang sebenar adalah berlaku sebaliknya. Saya hendak beri contoh Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sebut wawasan OKB atau Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Maknanya, kemakmuran dalam soal pengagihan bajet, pengagihan untuk kaum dan bangsa. Kalau Kelantan dan Terengganu tidak dapat apa yang mereka miliki, Negeri Sembilan saya boleh kata *is a second valley in the making* dengan izin.

Maknanya, *were Klang Valley*, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *full*. Sudah penuh. Sepatutnya penumpang kerajaan kepada Negeri Sembilan untuk membolehkan limpahan pelaburan daripada negara-negara luar kepada kepentingan negara. Pertama Yang Berhormat. Saya ambil masa sedikit lagi.

Kedua Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat apa komen Yang Berhormat. Saya hendak baca ini apa yang di bentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia. Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia. Yang Berhormat Bagan lah. Pertama Yang Berhormat, dalam soal bantuan RM50 juta Program Keusahawanan Bumiputera. Ayat pertama. Kedua, RM20 juta Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Tadi guna program keusahawanan yang ini skim pembangunan usahawan dan yang ketiga, RM100 juta Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina.

Pertama, saya hendak minta Yang Berhormat tolong ulas dalam pembentangan Ketua Pembangkang ini dan yang paling penting yang saya hendak sebut Yang Berhormat ialah dalam soal keadilan untuk menaik taraf sekolah. Kalau Yang Berhormat Bagan bagi tahu sekolah kebangsaan RM300 juta. Sekolah kebangsaan *confirm this is another* orang kata satu lagi kaedah untuk *buying hard*. Kaedah untuk membeli jiwa rakyat. Sekolah kebangsaan RM300 juta, sekolah jenis kebangsaan Cina RM50 juta, sekolah jenis kebangsaan Tamil RM50 juta. Saya hendak minta Yang Berhormat tolong ulas dan komen dalam soalan pendetilan bermain dengan angka yang sekali lagi diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat. Baling Yang Berhormat. Boleh?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jawab dahulu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada di dalam ucapan saya mengenai peruntukkan kepada sekolah. Iaitu peruntukkan itu tidak berdasarkan kepada jumlah murid dan juga jumlah sekolah. Memang kita nampak dari segi *on the surface*-nya, dari segi luaran memang sekolah kebangsaan mendapat RM250 juta jauh lebih tinggi. RM300 juta. Akan tetapi, apabila dibahagikan dengan jumlah sekolah dan sebagainya, begitu rendah sekali. Saya akan masukkan di dalam ucapan saya. Sudah ada di dalam teks saya. Saya akan sebut nanti.

Sebagai perbandingan tentang hutang kerajaan tadi. Hutang kerajaan Persekutuan hanya bertambah sebanyak RM38.4 bilion sahaja pada tahun 2017. Berbanding dengan RM74.9 bilion setahun di dalam sewaktu pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Nisbah hutang kerajaan kepada KDNK pula meningkat daripada 48.7 peratus pada suku pertama sebelum Pakatan Harapan mengambil alih menjadi 52.7 peratus pada September tahun 2019 selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih.

Selain daripada itu, ekonomi negara berhadapan dengan risiko pertumbuhan yang sangat perlahan. Nilai mata wang ringgit berada pada tahap paling lemah bukan sahaja berbanding dengan mata wang utama dunia tetapi juga mata wang serantau termasuk perbandingan dengan wang *Baht* daripada Thailand. Malah, indeks saham juga turut menjunam kepada paras terendah dalam masa empat tahun dan pelbagai lagi kegagalan yang jelas.

Pada masa yang sama, rizab antarabangsa negara sebenarnya semakin mengecil iaitu daripada USD17.8 bilion pada akhir suku pertama tahun 2018 kepada USD103 bilion pada suku ke tiga tahun 2019. Apa yang pelik dan ajaibnya semasa pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Bagan menyifatkan rizab antarabangsa negara kita kekal teguh. Adakah maksud Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika berlakunya penguncupan rizab antarabangsa ya masih layak dikatakan sebagai kekal kukuh.

Lebih penting lagi semua kelemahan dan kerapuhan yang saya ceritakan ini tidak juga bertambah baik sekali pun setelah kerajaan menjual pelbagai aset strategik negara di bawah GLC. Sebagai contohnya, IHH *Healthcare* Berhad dari Khazanah kepada Mitsui & Co., ORC daripada MPlus S kepada beberapa firma Hong Kong dan Singapura serta Hotel Andaz di Singapura.

Sehingga kini saya difahamkan jumlah penjualan aset negara dianggarkan sudah mencecah hampir RM41 bilion yang kebanyakan adalah aset Khazanah Nasional Berhad yang selama ini mendatangi pulangan yang tinggi kepada kerajaan dan

semuanya ini terjual dalam masa kurang daripada satu tahun. Pembangkang akui bahawa jual beli aset ini bukan perkara yang pelik dan salah tetapi ia haruslah dipimpin oleh pertimbangan komersial yang baik dan strategik.

Saya juga akui bahawa adalah wajar jika kita menjual dan melepaskan aset yang bermasalah persoalannya, apakah rasionalnya menjual aset-aset yang tidak bermasalah yang sedang memberikan pulangan yang baik.

■1230

Misalnya, pegangan IHH bukan sahaja memberikan kita pulangan, malah pegangan dalam hospital bertaraf dunia seperti Prince Court Medical Centre sudah pastilah bertentangan dengan aspirasi Kerajaan Malaysia ini yang ingin menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang disebutkan sendiri di dalam Belanjawan 2020 ini.

Pada saya, semua ini sebenarnya tidak ubah seperti satu karnival mega *sale* oleh Pakatan Harapan. Jual dan terus jual kerana sehingga saat ini kerajaan tidak pun membentangkan bagaimanakah hasil penjualan aset-aset strategi ini yang akan digunakan sama ada untuk membayar hutang ataupun perkara-perkara lain. Jika ianya bertujuan untuk mengambil peluang keuntungan dan merancang pelaburan semula, saya menuntut pihak kerajaan untuk membentangkan pelan sedemikian dengan jelas dan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Bera? Yang Berhormat Bera?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Baru-baru ini, indeks persaingan dunia menunjukkan bahawa...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Bera? Yang Berhormat Bera? Sikit?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap. Kedudukan Malaysia yang berada pada tangga ke-27 terus merosot jatuh lagi anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Sedangkan, mengikut laporan prestasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), sasaran Pakatan Harapan adalah untuk berada pada tangga ke-20 pada tahun ini dan tahun hadapan.

Justeru, saya ingin membangkitkan adalah tatkala kita sudah tergelincir tujuh anak tangga dari sasaran yang juga merupakan terburuk dalam sejarah negara, mengapakah Belanjawan 2020 tidak memperincikan inisiatif khusus yang jelas bagi meningkatkan tahap kebolehsaingan negara? Apa yang ada adalah kenyataan bahawa

beberapa langkah dan prosedur tertentu dalam melakukan perniagaan akan dikurangkan selain penambahbaikan Pelabuhan Klang. Sedangkan, kebolehsaingan negara sangat tergantung kepada pelbagai aspek termasuklah dasar dan pendirian kerajaan yang mesti bersifat profesional dan tidak boleh bercanggah-canggah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Bera? Sikit? Boleh, sikit sahaja? Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera berkaitan pihak Kerajaan Pakatan Harapan membuat karnival mega *sale* aset negara. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera, adakah dakwaan anak-anak muda hari ini bahawasanya penjualan aset-aset negara merupakan satu penghinaan yang besar dan pengkhianatan kepada bakat-bakat anak muda negara?

Apabila kita menjual aset-aset negara seperti IHH, kita seolah-olahnya telah menutup peluang bakat anak-anak muda yang mempunyai kepakaran dan mereka belajar bersungguh-sungguh mempunyai pakar untuk berkhidmat di syarikat-syarikat besar negara. Apabila kita jual syarikat-syarikat besar negara ini, bagaimana pandangan Yang Berhormat Bera potensi anak-anak muda Malaysia yang akan berkhidmat di sektor-sektor penting kerana sudah pastinya pemilik saham yang terbesar akan memilih rakyat mereka untuk berkhidmat di syarikat tersebut. Itu yang pertama.

Kedua, kita buat program *brain drain* kita buat program *brain gain* tetapi dengan keadaan kita menjual aset-aset strategik negara, adakah ia sebenarnya semata-mata hanya untuk menguntungkan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menunjukkan prestasi ekonomi tetapi melupakan dari segi gambaran yang besar iaitu bakat-bakat anak muda Malaysia. Minta pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Paya Besar. Saya difahamkan beberapa syarikat *investment* dan beberapa syarikat pelaburan di bawah Khazanah dan sebagainya mungkin akan ditutup dan sebagainya. Tentu sahaja apabila terlepas ke tangan orang lain, kemungkinan besar akan berlaku pembuangan pekerja dan sebagainya. Jadi, bakat-bakat yang selama ini kita pupuk mungkin akan hilang begitu sahaja apabila syarikat lain dimiliki oleh pihak lain dan sebagainya.

Penutupan syarikat-syarikat tertentu yang saya difahamkan akan berlaku tentu sahaja akan menyebabkan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda bukan sahaja tertutup malah yang sudah bekerja pun mungkin akan diberhentikan.

Keempat, pemberat ataupun *weightage* unit yang saya nyatakan tadi menjadikan Belanjawan 2020 sebagai super kritikal dan *extra important*. Cuma, yang hairan dan peliknya kenapa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menjadi begitu cuai

sehinggakan Belanjawan 2020 tidak langsung mengambil sebarang jalan proaktif untuk memasukkan langkah-langkah kontingensi dan mitigasi di dalam berhadapan dengan kemungkinan kegawatan ekonomi. Ataupun mungkin Pakatan Harapan bercadang untuk mengambil jalan pintas dengan menjarah sahaja pemberian dividen istimewa daripada PETRONAS sekali lagi seperti yang dilakukan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangkang percaya banyak pengumuman dan inisiatif yang telah diumumkan tidak lebih dari sekadar “menanam tebu di bibir”, “indah khabar dari rupa”. Apa yang lebih penting kita boleh merumuskan yang Belanjawan 2020 ini adalah belanjawan *capitalist* yang meminggirkan masyarakat luar bandar, yang meminggirkan masyarakat miskin bandar dan yang kaya diutamakan, yang miskin dan memerlukan tidak begitu dipedulikan.

Misalnya, demi menjaga dan memelihara *capitalist* dan para pemodal besar, Belanjawan 2020 menawarkan inisiatif yang sangat menarik iaitu misalnya, pelaburan baru bagi taman tema antarabangsa diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun atau elaun cukai pelaburan daripada 100 peratus ditolak sehingga tujuh peratus untuk 50 tahun. Dasar terbaru yang merendahkan nilai ambang kepada warga asing yang sangat memihak kepada pemaju dan berorientasikan keuntungan. Malah, pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun iaitu langkah strategik untuk menarik Syarikat Fortune 500 dan Global Unicorn untuk mengukuhkan ekosistem pembuatan dan perkhidmatan.

Apa yang menyedihkan, tidak pula ada sebarang dasar baru atau inisiatif khas secara besar-besaran dan jelas untuk menambah baik kehidupan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar dan mereka yang memerlukan. Sebagai contoh, kita lihat kepada nelayan. Terima kasih kerana masih lagi meneruskan elaun sara hidup nelayan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu. Cuma, bezanya dulu kita memberikan RM300 sekarang diturunkan kepada RM250. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, selepas Program Proses Pemutihan Nelayan, berapakah jumlah nelayan yang akan menerima bantuan sara hidup bulanan ini.

Sepatutnya, ketika zaman semakin mencabar dan hasil berkurangan, bantuan ditambah bukan dipotong. Kita memerlukan satu dasar dan pelan yang khusus untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan golongan ini. Namun, tidak ada pengumuman dasar baru bagi membantu nelayan meningkatkan pendapatan mereka. Isu asas yang paling besar yang dihadapi oleh nelayan adalah tekanan daripada pihak orang tengah. Sewaktu Barisan Nasional dahulu, kita telah melancarkan jihad

memerangi orang tengah untuk memastikan nelayan tidak terikat dengan orang tengah. Pelbagai program telah pun dilaksanakan bagi memastikan orang tengah dikurangkan peranan mereka. Akan tetapi, kita tidak tahu apakah dasar ataupun program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutamanya bagi memastikan isu orang tengah ini dapat dikurangkan.

Apa yang kita dengar adalah nelayan untuk menambahkan pendapatan mereka diminta untuk menanam nanas dan juga rambutan di belakang rumah. Saya ingin jelaskan, beberapa program telah pun dilaksanakan untuk menambahkan pendapatan nelayan iaitu program-program yang berkaitan dengan laut, aku seperti gamat di Langkawi, ikan hiasan, akuakultur dan sebagainya. Semua ini untuk membantu nelayan tetapi itu merupakan program di bawah Kerajaan Barisan Nasional dan tidak kita dengar apa yang baru ataupun kalau diteruskan berapakah jumlah dan sebagainya yang telah diperuntukkan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Mohon penjelasan Ketua Pembangkang, saya rasa terpanggil untuk membawa satu isu melalui Ketua Pembangkang baru-baru ini saya berada di Kukup, Tanjung Piai. Saya difahamkan 76 orang penternak ikan masin, di kawasan paya bakau.

■1240

Mereka ini menghadapi masalah ikan itu mati sebanyak 100 tan, kerugian sebanyak RM5 juta. Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani turun tetapi tidak boleh buat apa-apa kerana mereka menganggap ini sebagai fenomena biasa, ikan mati sahaja. Akan tetapi saya tanya Yang Berhormat, apakah yang sepatutnya yang dilakukan oleh Pakatan Harapan, bukan sekadar untuk menghadapi PRK. Apa yang penting ialah bagaimana kita hendak membantu golongan ini yang mengalami kesengsaraan dan bagaimana kerajaan mengenal pasti masalahnya.

Sungai tercemar, BOD terlalu tinggi, kandungan ammonia tinggi. Ini nelayan tidak boleh buat apa-apa. Sepatutnya kita kenal pasti masalah pencemaran, adakah disebabkan Sungai Kim Kim yang membawa pencemaran sampai mati. Pencarian rezeki mereka tidak ada, ini demi penduduk di Kukup saya minta Ketua Pembangkang, supaya bekas Menteri Pertanian, apa yang seharusnya dilakukan daripada dia turun kata tidak boleh buat apa kerana ini fenomena biasa. Mati— dia kata ikan mati di mana-mana sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat dan saya rasa kita patut membela nasib golongan ini seramai 76 orang, bukan kurang, patutnya ini pencarian rezeki bagi setiap keluarga. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju pelan jangka panjang perlu ada. Pelan jangka sederhana, pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang. Kita patutnya, seperti kata Yang Berhormat itu melihat kepada isu yang sebenar. Bukan— apa yang berlaku sekarang ini adalah *fire fighting*, berlaku isu, selesaikan tetapi tidak ada program khusus, program yang jelas untuk membantu nelayan dari segi jangka panjang dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian kepada isu padi. Isu padi kalau kita lihat peruntukan untuk industri padi dan beras telah pun dipotong oleh kerajaan daripada RM69.2 dipotong menjadi RM66.1 juta. Saya ingin tanya kepada kementerian, apakah dasar sara diri dari segi padi ini diteruskan ataupun tidak lagi diteruskan ataupun dikurangkan.

Saya ingin tanya kementerian, baru-baru ini berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi sah. Pesawah sepatutnya menerima benih padi dalam waktu yang ditetapkan kerana Kementerian Pertanian telah mengeluarkan jadual penanam padi kepada pesawah untuk memastikan *yield* ataupun pendapatan mereka bertambah dan sebagainya. Mereka sepatutnya mendapat benih padi untuk ditanam sebelum akhir September, selewat-lewatnya awal Oktober tetapi benih padi tidak sampai. Ini menyebabkan pesawah-pesawah mungkin akan menghadapi masalah yang besar kerana tidak mempunyai benih yang sepatutnya dihantar oleh Kementerian. Saya ingin...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menjawab dengan jelas mengapa isu ini berlaku.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih. Berkenaan dengan benih padi ini, saya mendapat sungutan daripada— di Jerai sendiri bagaimana benih padi sekarang harganya tinggi. Adakah ini dimonopoli oleh pengusaha-pengusaha benih padi yang ada di seluruh negara sekarang ini? Minta penjelasan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya Yang Berhormat, memang benih padi dimonopoli oleh beberapa syarikat tertentu yang dilantik oleh kementerian. Kementerian melantik mereka. Jadi, pesawah tidak ada pilihan selain daripada membeli daripada syarikat-syarikat besar ini. Monopoli di dalam industri padi ini begitu membimbangkan. Saya bertemu dengan wakil Persatuan Pengilang Padi Bumiputera Malaysia dan juga wakil Pengilang Padi Sino-Malay Negeri Kedah. Kilang-kilang mereka ditutup kerana gagal bersaing dengan kilang-kilang padi besar yang dibantu oleh kerajaan. Mereka dibantu dari segi benih, mereka dibantu dari segi pengilangan dan sebagainya.

Kilang-kilang besar ini menguasai keseluruhan rantai nilai daripada benih padi kepada mengilang padi sehinggalah kepada mengedar beras dan sebagainya. Semuanya dikuasai oleh beberapa kilang besar di negeri-negeri jelapang padi dan lain-lain. Jadi pihak kementerian, saya harap perlu melihat perkara ini dengan teliti, kerana kilang padi Sino-Malay kalau tidak silap saya tinggal lapan lagi daripada beratus-ratus dahulu. *Figure* itu saya akan dapatkan. Jadi, monopoli inilah sebenarnya yang memberi tekanan kepada pesawah-pesawah yang hari ini tidak ada undang-undang yang jelas.

Misalnya dahulu, waktu dahulu padi tidak boleh merentas negeri dan kawasan untuk dihantar, untuk dikilangkan. Akan tetapi kerana hari ini tidak ada dasar yang jelas dan peraturan yang jelas, padi daripada tempat lain, jauh daripada kawasan kilang besar tadi, boleh dihantar ke kilang-kilang besar. Ini yang menyebabkan— walaupun padi berada di kawasan kilang kecil, tetapi kerana monopoli yang dilaksanakan oleh kilang besar, maka pesawah-pesawah menghantar padi ke kilang yang besar walaupun kilang kecil berada di kawasan mereka. Perkara ini tidak ditangani oleh kementerian dan kita jangka jika ini berterusan, maka akhirnya seluruh industri padi di kawal oleh beberapa pengilang-pengilang besar ini.

Tadi saya sebutkan bahawa, belanjawan ini adalah untuk menjaga kepentingan kaum pemodal dan kapitalis dan tidak menjaga kepentingan rakyat di luar bandar. Saya hendak maklumkan bahawa peruntukan-peruntukan untuk petani dan sebagainya dipotong. Peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dipotong. Peruntukan untuk pertanian daripada RM194 juta diturunkan kepada RM180 juta. MARDI yang sebagai penyelidik diturunkan bajet daripada RM215 kepada RM212, peruntukan Industri Agro Makanan dan Usahawan Tani, kita memang mempromosikan usahawan tani untuk membantu anak-anak muda di luar bandar dan sebagainya untuk terlibat di dalam industri makanan, daripada RM262 juta dipotong menjadi RM244 juta.

Masalah petani, pesawah dan sebagainya adalah masalah pemasaran. Untuk membantu pemasaran, petani memasarkan produk mereka, kerajaan mempunyai FAMA membantu petani. Akan tetapi bajet untuk FAMA yang patutnya ditingkatkan, diturunkan sebanyak RM11 juta daripada RM182 juta kepada RM121 juta. Malah Pertubuhan Peladang yang selama ini yang membantu petani termasuk pesawah, menjadi pusat pengumpulan produk-produk pertanian untuk dipasarkan dan sebagainya, sepatutnya diberikan bajet tambahan tetapi kali ini diturunkan sebanyak RM26 juta daripada RM190 juta kepada RM164 juta. Saya amat berharap di bawah kerajaan yang baharu ini, di bawah Kerajaan Malaysia Baharu ini, supaya memberikan

perhatian kepada golongan-golongan pesawah yang selama ini memberikan sumbangan yang amat besar kepada negara.

Saya ingin beralih kepada isu kelapa sawit. Saya hendak bangkitkan tentang kelapa sawit mengenai pekebun-pekebun kecil sawit yang bukan di bawah FELDA. Sebelum ini mereka mendapat insentif penanaman semula sawit iaitu secara geran percuma yang diberikan oleh kerajaan. Akan tetapi di dalam bajet kali ini, sudah tidak ada lagi geran untuk mereka dan yang ada hanyalah pinjaman. Di dalam keadaan harga sawit yang jatuh ketika ini, kehidupan mereka terhimpit, maka kita himpitkan lagi kehidupan mereka dengan tidak lagi memberi geran tetapi minta mereka supaya berhutang untuk tanaman semula sawit.

Penanam sawit di luar bandar, pekebun-pekebun kecil merupakan golongan yang telah lanjut umurnya. Jikalau mereka berhutang, bermakna putaran hutang ini akan berterusan sehingga membawa sehingga akhir mereka. Sepatutnya kerajaan masih perlu meneruskan geran ini kerana pekebun kecil merupakan golongan yang miskin dan tentunya tidak mampu untuk membayar hutang dan sebagainya.

■1250

Bagi FELDA, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, di dalam Kertas Putih FELDA, kerajaan mengumumkan sebanyak RM6.2 bilion kepada FELDA. Soalan saya, adakah ia merupakan suntikan dana oleh kerajaan? Kalau suntikan dana oleh kerajaan, di mana bajetnya kerana kita tidak nampak ada tertulis di dalam Bajet 2020. Kalau hutang dan kerajaan menjadi penjamin kepada hutang tersebut, kalau RM6.2 bilion ini dianggap sebagai hutang FELDA, apakah ia akan dimasukkan sebagai hutang kerajaan? Ini kerana pengiraan Kementerian Kewangan, jaminan kerajaan juga boleh dianggap sebagai hutang negara sebab itu menjadikan RM1 trilion dahulu. Jadi adakah hutang RM6.2 bilion ini akan menjadi hutang kerajaan kalau ia dijamin oleh kerajaan

Saya ingin mendapatkan jawapan, berapakah jumlah geran daripada kerajaan dan berapakah jumlah hutang daripada FELDA kepada institusi tertentu ataupun daripada kerajaan? Kita ingin mendapatkan pecahan daripada RM6.2 bilion tersebut dan apakah status sehingga hari ini?

Yang Berhormat, isu kejatuhan harga sawit tidak nampak diperjelaskan di dalam belanjawan ini. Isu yang besar adalah boikot kelapa sawit daripada negara EU. Terbaru, kemungkinan besar India juga akan mengurangkan pembelian minyak kelapa sawit sebagai reaksi daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai isu Kashmir. Apakah perancangan yang dilakukan oleh kerajaan jika

EU terus meneruskan boikot mereka dan dalam masa yang sama, India juga mengurangkan pembelian mereka ataupun memberhentikan jualan.

Tidak cukup untuk minum kelapa sawit semata-mata, tidak cukup. Kita ingin tahu apakah status perundingan yang dilakukan oleh Menteri yang berkaitan, Menteri Industri Utama di sini dengan negara-negara Eropah. Kita baca di dalam media, dalam surat khabar, setiap bulan kita nampak Menteri dan sebagainya berada di luar negara untuk mengadakan rundingan. Kita perlu mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri tentang rundingan yang dilakukan bersama dengan pihak EU yang memboikot kita. Perlu diingat, EU tidak membangkitkan dari segi keselamatan minyak kelapa sawit tersebut tetapi EU memboikot kerana isu penebangan hutan dan sebagainya. Jadi, apakah hasil daripada rundingan tersebut?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencilahan sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, bersetuju kah dengan saya bahawa sekiranya kerajaan gagal menangani masalah harga komoditi kelapa sawit ini, ia bukan sahaja memberi kesan kepada orang-orang Melayu yang merupakan pekebun-pekebun kecil yang bergantung kehidupan mereka kepada hasil kelapa sawit.

Ini adalah punca kehidupan orang luar bandar selain daripada getah, kelapa sawit satu-satunya. Adakah pihak Menteri yang berkenaan tidak sedar dalam perkara ini atau sengaja hendak melihat orang Melayu di luar bandar, pekebun kecil hancur kehidupan mereka dan bersusah selama-lamanya? Saya tidak fikir begitu. Akan tetapi secara tidak sedar, sedar atau tidak sedar, ia akan menyusahkan orang-orang Melayu, pekebun kecil. Kita duduk di bandar ini kita tidak mengetahui perkara ini.

Kedua, saya hendak mengingatkan Menteri Kewangan iaitu eksport kelapa sawit merupakan satu punca pendapatan kepada negara kita, *foreign exchange* yang terbesar ialah daripada eksport kelapa sawit. Jangan main-main, kena beri perhatian yang betul. Kalau sekiranya kelapa sawit jatuh, industri komoditi kelapa sawit jatuh ekonomi, negara kita akan hilang punca pendapatan salah satu punca yang terbesar. Jadi, jangan main-main, kena beri perhatian yang serius dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil perkataan Yang Berhormat tadi, jangan main-main. Jangan main-main. Isunya besar melibatkan ratusan ribu peneroka FELDA, 100,000 lebih peneroka bersama keluarga mereka, tidak termasuk pekebun-pekebun kecil sawit di kampung-kampung. Bukan

setakat orang Melayu tetapi juga di tempat saya, pekebun-pekebun kecil terdiri juga daripada orang Cina dan sebagainya.

Jadi isu harga kelapa sawit ini amat besar sekali dan perlu ditangani dengan lebih jelas, apa perancangannya. Bukan setakat teringat hendak buat minum kelapa sawit, umum minyak kelapa sawit, teringat tanam buluh, umum tanam buluh, sedangkan tidak ada perancangan yang kita pun tidak tahu tanam buluh. Adakah sewaktu menunggu tanaman buluh itu, boleh di *harvest* itu, boleh dituai, kerajaan akan memberikan bantuan dan sebagainya?

Berapa jumlah yang hendak diberi kepada setiap pekebun sawit ini apabila mereka menanam buluh. Tidak adapun di dalam bajet yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, saya percaya tidak adapun kalau kita lihat tentang bajet, belanjawan untuk membantu pekebun-pekebun sawit menanam buluh ini. Jadi ini bermakna hanya pengumuman, apabila teringat untuk membuat pengumuman, umum sahaja tetapi tidak ada perancangan yang jelas dan sebagainya.

Begitu juga dengan getah. Harga getah masih lagi di dalam tahap yang sama. Turun naik harga getah terus berlaku. Masih dalam sekitar RM3 lebih. Masih lagi rendah. Ketidakmampuan penoreh getah ini juga perlu diberikan perhatian. Lebih malang lagi apabila peruntukan Lembaga Getah Malaysia yang sepatutnya menjalankan R&D untuk getah ini dipotong. Bukan sahaja dipotong RM1 juta, dipotong RM10 juta menjadikan kosong. Kosong, tidak ada, *zero*, kaput. Tidak ada apa-apa pun untuk *research*, untuk meningkatkan getah dari segi mutu dan sebagainya.

Apa yang disebutkan adalah perkara yang telah dilaksanakan sebagai contoh *rubberized roads* ataupun jalan berasaskan getah telah pun dilaksanakan di bawah Kementerian Luar Bandar ketika saya menjadi Menteri, perkara ini telah dilaksanakan. Beberapa jalan luar bandar, kita telah pun bina dengan jalan berasaskan getah. Kita tidak tahu apa perancangan baru yang dibuat oleh pihak kementerian.

Oleh sebab itu, saya katakan tadi bahawa bajet ini meminggirkan terus masyarakat miskin di luar bandar tetapi memberikan keutamaan kepada kapitalis-kapitalis dan juga pemodal-pemodal besar di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui terdapat beberapa inisiatif yang baik yang diumumkan oleh kerajaan. Antaranya pemerksaan ekosistem perbankan dan ekonomi Islam, peruntukan kepada sistem penjagaan kesihatan dan perubatan negara termasuk vaksinasi *pneumococcal* untuk kanak-kanak dalam Program Imunisasi Kebangsaan, pemfokusan yang besar kepada ekonomi digital pelbagai peringkat dan peruntukan yang besar dalam sektor pendidikan.

Namun untuk sektor pendidikan, walaupun menerima peruntukan yang besar, kalau kita teliti tidak ada bajet yang khusus untuk Kementerian Pendidikan Tinggi. Kalau dahulu, jelas ada Kementerian Pelajaran, ada Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi tidak ada jelas di dalam bajet ini. Kita tidak tahu berapakah sebenarnya yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Apa yang jelas, minggu lepas berlaku rusuhan di luar Parlimen oleh pelajar-pelajar kerana tidak berpuas hati kerana yuran telah pun dinaikkan dan sebagainya. Jadi, kita tidak nampak peruntukan untuk Kementerian Pengajian Tinggi.

Saya hendak mengulas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu tadi. Walaupun sektor pendidikan menerima peruntukan yang besar, jika diteliti ia sebenarnya sangat tidak adil dan tidak berpadanan. Walaupun kerajaan cuba untuk memerangkap kita dengan sentimen inklusif dan kesamarataan. Sebagai contoh, 60 buah sekolah menengah persendirian Cina mendapat RM15 juta. Apabila dihitung puratanya, satu sekolah menengah persendirian Cina mendapat kira-kira RM250,000 satu sekolah. Jumlah ini sebenarnya 6.5 kali ganda ataupun 555 peratus lebih tinggi daripada purata jumlah peruntukan yang diterima oleh sekolah kebangsaan yang menerima hanya RM38,172 untuk satu sekolah. Sekiranya dibandingkan SJKC dan SJKT, mendapat purata 2.5 kali ganda lebih banyak berbanding dengan SKJC. Kalau dibandingkan SKJT dengan SKJC.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, masa sudah pukul satu. Sambung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul satu. Dewan berhenti rehat, disambung semula 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tgh.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Saya diberitahu Yang Berhormat Ketua Pembangkang, ada 14 minit lagi. Silakan.

2.32 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya berhenti, sebelum berehat pukul 1 tadi, saya membangkitkan mengenai pemberian peruntukan untuk sekolah-sekolah yang kalau dilihat dari segi *figure*nya, jumlahnya sekolah kebangsaan menerima peruntukan yang paling besar iaitu RM300 juta. Walau bagaimanapun, apabila dibuat perbandingan dan dikira berdasarkan jumlah kelas dan sekolah, penerimaan untuk setiap sekolah rendah adalah begitu rendah berbanding dengan sekolah-sekolah lain.

Sebagai contoh, untuk sekolah rendah berdasarkan bilangan kelas, sekolah rendah hanya akan menerima RM1,986 satu sekolah. SJK(C) akan mendapat RM2,602 satu sekolah, SJK(T) akan mendapat RM11,299 satu sekolah dan saya sudah sebutkan tentang sekolah persendirian Cina, mendapat RM250 ribu satu sekolah.

Kita tak nak mempersoalkan apa yang diperoleh tetapi kita perlukan keadilan untuk semua sekolah. Jadi, jika sekolah kebangsaan hanya mendapat RM1,986 dan untuk berlaku adil katakan semua sekolah perlu mendapat RM50 ribu satu sekolah. Jadi, kita perlu tambah peruntukan yang telah pun diperuntukkan kepada sekolah kebangsaan. Jadi, kita tak nak tarik peruntukan lain untuk sekolah lain tetapi kita mesti tambah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah kebangsaan. Jadi kita perlu berlaku adil di dalam isu pemberian sekolah bukan hanya hendak mengaburi rakyat berdasarkan *figure* yang ditunjukkan. Seolah-olah sekolah kebangsaan perlulah berpuas hati kerana mereka menerima peruntukan yang paling besar berbanding dengan peruntukan-peruntukan lain.

Yang keduanya saya ingin merujuk kepada isu yang lebih besar hari ini iaitu cadangan kerajaan menjual pangsapuri...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Bera, minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Bernilai RM600 ribu kepada warga asing.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Bera, sebelum masuk, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta masa sedikit sebelum masuk ke topik baru Yang Berhormat Bera, masih sekolah. Tadi saya sudah timbulkan soal bantuan kepada sekolah. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera, kita setuju tidak? Pandangan Yang Berhormat Bera, kita bukan persoalkan peruntukan kerajaan kepada sekolah menengah persendirian Cina, sekolah kebangsaan Cina, India dan sebagainya kerana kita faham bahawa pendidikan adalah merupakan satu faktor penting dalam melahirkan generasi yang berkualiti pada masa akan datang.

Cumanya persoalan saya, saya hendak minta Yang Berhormat Bera bersetuju atau beri sedikit ulasan tentang bantuan sekolah ini. Sebanyak RM300 juta, saya beritahu tadi bajet yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan hanya untuk membeli jiwa rakyat. Kita tengok sekolah kebangsaan RM300 juta, apa lagi yang *you question* pada bajet ini kerana melebihi.

Kalau kita tengok ya Yang Berhormat Bera ya, saya tengok ini, sekolah menengah persendirian Cina, SPMC RM15 juta. Kalau kita agih mengikut sekolah, dia dapat RM250 ribu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bera. Saya tidak pertikai. *By all means*, kita bagi sekolah Cina, bagi sekolah India, tidak apa. Akan tetapi kita mesti berlaku adil kepada sekolah kebangsaan yang terdiri daripada 10, tadi saya ada data, Yang Berhormat Paya Besar ambil data saya. Saya cari-cari sudah tidak jumpa pula.

Sebanyak 10 ribu sekolah Paya Besar, sekolah kebangsaan hampir *close to 10 thousand*. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bera adakah ini merupakan bajet untuk beli jiwa rakyat melalui angka ataupun ini adalah merupakan satu *hidden agenda* dalam melaksanakan bajet yang tidak adil kepada semua masyarakat dan kaum yang ada dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa bajet di sekolah ini adalah untuk mengaburi mata rakyat supaya sekolah kebangsaan berpuas hati apabila melihat kepada RM300 juta tadi. Sebab itu saya harap pihak kementerian...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat....

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pihak kementerian mesti mempunyai asas dalam memberikan peruntukan. Kalau asasnya jumlah bilangan pelajar, jadi berdasarkan bilangan pelajar. Kalau asasnya kepada bilangan sekolah atau bilangan kelas, maka berasaskan bilangan kelas. Bukan setakat *pick the figure*, sebut saja *figure* dan umumkan, tetapi asasnya kita tidak tahu kenapa sekolah kebangsaan yang begitu banyak, diberikan RM300 juta saja. Ada sekolah yang tidak banyak diberikan sehinggakan per kapita untuk sekolah mereka sehingga RM250 ribu satu sekolah.

Jadi, ini yang perlu ada kepada kerajaan hari ini iaitu saya hendak minta kementerian memberikan jawapan atas asas apa jumlah yang diperuntukkan ke sekolah-sekolah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, minta pengesahan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar seluruh rakyat Malaysia yang menonton sekarang ini sedar bahawa penduduk Malaysia ini dari segi komposisi kaumnya, Bumiputera 70 peratus, orang Cina 22.8 peratus, orang India 6.9

peratus dan lain-lainlah lepas itu. Jadi, apakah asas yang digunakan untuk memberi bantuan pendidikan termasuk juga bantuan-bantuan lain?

Kenapa tidak dipakai asas kepada kependudukan di negara ini? Kalau sekiranya kita dasarkan jumlah penduduk itu, kemudian dari segi agama, agama Islam 63 peratus, agama Kristian 19 peratus, agama Buddha 11 peratus, tetapi sekolah mubaligh dapat RM50 juta sama seperti sekolah agama. Jadi, apakah kerajaan hendak fikir balik ataupun Timbalan Perdana Menteri tidak sempat baca draf itu sehingga Yang Berhormat Menteri Kewangan telah terlajak terbaca, sehingga menyentuh rasa sanubari, perasaan orang-orang Bumiputera dan juga orang Melayu di negara ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sambung sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Point* yang sama. Adakah Yang Berhormat Bera bersetuju bahawa dasar DAP kesamarataan telah pun dilaksanakan. Dia berbeza dengan kita dulu, kita kesaksamaan. Ini kesamarataan. Jadi, kalau hendak pakai kesamarataan, ini yang kita tidak boleh terima, konsep perjuangan DAP. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sebenarnya Yang Berhormat, kalau konsep kesamarataan itu digunakan untuk bajet ini, tentu sekolah kebangsaan dapat lebih banyak. Sekarang ini, dasar ketidaksamarataan yang dilaksanakan, dasar yang tidak adil dilaksanakan. Sekolah kebangsaan yang begitu banyak mendapat jumlah peruntukan yang amat kecil berbanding dengan sekolah lain.

■1440

Saya sebut tentang 600,000 rumah pangsa untuk dijual, pangsapuri... *[Disampuk oleh Yang Berhormat Arau]* Saya masukkan Yang Berhormat Arau dalam ucapan saya. Jadi, 600 ribu daripada awal saya sebutkan bahawa bajet ini adalah bajet untuk kepentingan kapitalis dan pemodal. Jelas di dalam isu rumah ini. Isu menurunkan RM1 juta kepada RM600 ribu untuk warga asing ini dilihat sebagai salah satu langkah untuk membantu pemaju perumahan. Bukan untuk membantu pembeli rumah.

Kalau tidak laku, dari segi biasa saja kalau tidak mampu dijual, mereka boleh turunkan harga daripada RM500 ribu, turun kepada RM200 ribu atau RM300 ribu. Lebih ramai rakyat Malaysia yang boleh beli. Bukan meningkatkan harga menjadi-menurunkan RM1 juta kepada RM600 ribu dan membuka jualannya kepada rakyat asing.

Bayangkan, kalau jiran kita Singapura- untuk membeli rumah pangsa di Johor, rumah pangsapuri di Johor RM600 ribu, hanya USD200 ribu. Murah bagi rakyat

Singapura dan saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah pembelian ini satu orang berhak membeli satu ataupun satu orang berhak membeli satu blok bangunan yang kondonya berharga RM600 ribu dan sebagainya. Saya bimbang kalau dibenarkan seperti itu, akhirnya rakyat Malaysia menjadi penyewa di negara sendiri di pangsapuri yang dimiliki oleh warga asing...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Lenggong, siapa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Gilir-gilir.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bagi Lenggong jap.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kementerian Perumahan dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tanjong Karang.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Okey.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baik, saya setuju dengan apa yang Yang Berhormat Bera kata tadi. Akan tetapi, apa yang lebih menarik saya ialah kenyataan-kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kata, ini keputusan daripada Menteri Kewangan. Ini dasar yang baharu. Waktu saya dulu menjadi Menteri KPKT, bila hendak buat dasar harga ini, saya kena bawa kepada Kabinet.

Jadi saya hendak tanya ini, Timbalan Perdana Menteri ada. Adakah dasar ini tidak dibincangkan ke dalam Kabinet? Hanya ikut suka hati Menteri Kewangan hendak buat keputusan. Mana ada *collective responsibility* sebagai Kabinet? Kalau Kabinet pun sudah cacamarba, macam mana bajet ini kita boleh terima dengan baik. Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa Kerajaan PH ini kerajaan ikut suka hati Menteri Kewangan. Dia hendak buat dasar, dia buat tanpa bincang di dalam Kabinet seolah-olah kerajaan ini DAP yang punya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa daripada Yang Berhormat Bera. Saya hendak sambung topik yang sama, isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang diberi laluan, Yang Berhormat Jelebu kah Yang Berhormat Arau?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya beri Yang Berhormat Arau dulu. Lepas Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Lenggong. Lepas itu Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tanya Yang Berhormat, tanya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tanya Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau dulu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Okey, okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahawa Thailand, Indonesia tidak benarkan pembelian rumah langsung kecuali kita, melalui orang tempatan. Akan tetapi, kita lihat ekonomi Thailand dengan Indonesia sudah melambung. Pasaran Indonesia melambung, Thailand melambung. Malah, duit Thailand mendahului duit kita berkali-kali di hadapan. Dengan tidak membenarkan orang asing berleluasa beli rumah, mereka telah menyelamatkan negara mereka dari pelbagai angkara. Sekarang ini kita dengar cerita, permusuhan yang berlaku di Hong Kong banyak dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak sewajarnya.

Mereka telah memindahkan wang mereka ke sebelah sini, tetapi Singapura tidak benarkan mereka beli rumah. Kenapa kita benarkan mereka beli? Bukan sahaja mereka beli, tetapi mereka beli dengan harga RM600 ribu dan RM600 ribu ini bagi orang tempatan, orang luar mesti ada angka khusus.

Oleh sebab Kementerian Kewangan tidak bincang dengan anggota Kabinet yang lain, apakah Yang Berhormat hendak cadang supaya RM600 ribu ini ditarik balik dengan disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri... [*Memandang kepada YAB Pandan*] Beliau sedang melihat kepada suaminya untuk menjadi Perdana Menteri masa hadapan. [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bera, apa saya hendak cakap, sebahagian telah pun disebut oleh rakan-rakan tadi. Akan tetapi, tentunya dasar yang dibuat ini nampak sangat ia tidak dibawa dalam meja perbincangan antara kementerian terbabit dengan Kementerian Kewangan. Ia dibuktikan dengan kenyataan Menteri.

Apakah bajet ini nampaknya terang-terang didominasi oleh Menteri Kewangan tanpa mengambil kira pandangan-pandangan kementerian dan bersetuju kah Yang

Berhormat kalau dasar ini dibuat, maknanya nikmat dia hanya diperoleh oleh satu kaum sahaja? Saya bukan rasis, tetapi nampak jelas di situ Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit, sedikit sambung sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak, dak.* Sambung sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh sambung *sat* ni. Sambung ini, saya tidak habis tadi.

Yang Berhormat, orang yang beli rumah ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, orang yang beli rumah, dia datang sini, dia menikmati subsidi di sini. Betul *dak*? Semua subsidi yang rakyat Malaysia terima itu, mereka tumpang makan. Jadi, mereka dapat dua. Dapat beli rumah murah, kerana duit kita jatuh dan yang keduanya mereka mendapat menumpang segala nikmat yang sepatutnya dinikmati oleh warganegara, dinikmati oleh rakyat asing. Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah menyebut dengan terang dalam ucapannya semalam bahawa, mereka ini selepas duduk 20 tahun, akan jadi warganegara. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung, saya setuju dengan ucapan Yang Berhormat Arau. Masukkan ucapan Yang Berhormat Arau ke dalam celahan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera, satu lagi Yang Berhormat Bera...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berapa betul ni.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera kata ada sedikit *limitation*, maknanya ada tak had untuk warga asing memiliki rumah RM600 ribu ini. Mungkin dia boleh beli satu blok, mungkin boleh beli 10 unit atau 20 unit untuk mewujudkan spekulasi harga selepas mereka memiliki RM600 ribu. Cumanya, tidak dinyatakan dalam bajet ini Tuan Yang di-Pertua, tentang RM600 ribu ini boleh dimiliki oleh warganegara asing dalam bentuk kuota. Ada kuota atau tidak dalam sesuatu projek? Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, RM600 ribu masih lagi mampu dimiliki oleh warga tempatan.

Akan tetapi, apabila pemaju permohonan untuk setel masalah lambakan rumah yang tidak terjual, mereka lebih berminat kepada warga asing. Saya cuma *calculation*

tadi mungkin Yang Berhormat Bera silap kira, kalau RM600 ribu, *Singapore Dollar* baru SG150 ribu sahaja. Mereka sudah dapat rumah yang mana SGD150 ribu itu kalau *diconvert* dengan duit Malaysian Ringgit, kita hanya peroleh oleh masyarakat M40 Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, setuju Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Yang di-Pertua: Tinggal lima minit saja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, tadi Yang Berhormat Tanjong Karang bangkitkan mengenai kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri KPKT. Dia kata dia akan rujuk kepada Menteri Kewangan. Kita dulu, apa sahaja isu yang berkaitan dasar, kita rujuk kepada Kabinet. Maknanya hari ini, kuasa Menteri Kewangan jauh lebih tinggi daripada kuasa Perdana Menteri dan Kabinet Malaysia. Ini gambaran yang diberikan oleh kenyataan daripada Menteri KPKT.

Saya lihat Yang Berhormat, sepatutnya apabila harga rumah, apabila rumah tidak laku dijual, apabila pangsapuri tidak laku dijual, yang akan mendapat faedah adalah rakyat tempatan kerana pemaju terpaksa turunkan harga. Apa yang berlaku hari ini, kerana RM600 ribu boleh dijual kepada warga asing, saya takut nanti semua rumah-rumah akan dinaikkan harganya supaya mereka boleh jual kepada warga asing. Mereka naikkan dengan sengaja. Harga rumah yang tidak dijual, dinaikkan kepada RM600 ribu supaya mereka dapat menjual kepada warga asing.

Siapa yang hendak membina rumah yang murah selepas ini? Lebih baik bina rumah yang harga RM600 ribu ke atas supaya pemaju boleh jual kepada warga asing. Dasar kita sepatutnya membantu golongan rakyat yang miskin, terutamanya di bandar-bandar untuk memiliki rumah. Ini kerana, isu yang paling besar sekarang adalah isu perumahan. Akan tetapi, fokus kepada kerajaan hari ini bukan hendak menjaga kepentingan golongan-golongan miskin di bandar...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Minta lalu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukan untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia, tetapi menjaga kepentingan rakyat di luar negara.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini satu perkara yang saya pelik.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *You, sekejap. U-turn* ini. Dulu *Forest City*, bergambar lah wakil-wakil Pakatan Harapan, bergambar di depan *Forest City* mengatakan inilah lambang negara kita, menjual negara kepada negara China dan

sebagainya. Hari ini siapa yang jual negara? Jadi, *U-turn* ini berlaku menunjukkan bahawa yang jual negara kita dengan lelong hari ini adalah Kerajaan Pakatan Harapan...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada satu isu. Boleh ya?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Last* isu.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat dari Bera dan sedikit. Bera, Bera, *sorry*, maaf. Dua penjelasan yang saya ingin dapat dari Yang Berhormat Bera.

■1450

Nombor satu, sejak tahun ini, sekiranya Yang Berhormat tahu, kerajaan telah mengemukakan, memperkenalkan satu skim dinamakan Home Ownership Campaign yang mana dalam kempen ini, harga rumah yang tidak dapat dijual, dikurangkan sebanyak 10 peratus dan pada yang sama, untuk mereka yang membeli rumah mendapat pengecualian setem duti untuk pembelian RM1 juta sehingga RM2.5 juta. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan skim ini, yang jelas untuk membantu rakyat Malaysia untuk memiliki rumah impian mereka? Itu nombor satu.

Nombor dua, tadi Yang Berhormat kata bahawa pemaju mungkin akan menaikkan harga jualan kepada harga RM600,000 untuk dijual kepada warga asing. Tahukah Yang Berhormat bahawa, di bawah undang-undang sedia ada, khasnya perjanjian dalam *schedule G* yang mana merupakan satu perjanjian jual beli standard dalam segala pembinaan dan penjualan rumah yang dikawal oleh KPKT, terdapat satu *ceiling price* ya, satu siling harga jualannya yang tidak boleh ditingkatkan sewenang-wenang. Apakah penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pertama tadi, apa dia soalan? Sekali lagi.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Soalan pertamanya berkenaan dengan *Home Ownership Campaign* sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa itu merupakan satu *effort*, satu usaha yang positif daripada kerajaan ini untuk memastikan bahawa, untuk membolehkan rakyat Malaysia membeli rumah impian mereka berbanding dengan kerajaan yang lama langsung tidak ada *plan* seperti ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kempen untuk membeli rumah impian adalah rumah yang berharga RM250,000 kalau tidak silap saya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Harga RM2.5 juta dan ke bawah. Okey, siapa boleh bantu?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya minta jelaskan sebab dia ada sebut Barisan Nasional tidak buat. Saya kena tolong jawab sebab saya dahulu Menteri KPKT. Ya lah, Yang Berhormat mana tahu. Saya hendak beritahu, yang pertama siapa kata kita tidak buat kempen. Soalnya sekarang ini ialah bukan kempen. Kempen ini kita buat, karnival ini selalu kita buat. Soalnya pinjaman bank itu susah dapat. Itu sebab, kalau betul Menteri Kewangan ini betul-betul *powerful*, gunakan kuasa dia supaya memudahkan pinjaman bank. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat kata, harga ini bukan ditentukan oleh KPKT. Harga siling rumah ini ditentukan oleh pihak kerajaan negeri. Bukannya KPKT. Ha ini, saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, yang kedua. Kedua, saya hairan, daripada dahulu sampai ke *la* saya jadi Ahli Parlimen, saya lihat puak-puak DAP selalu memperjuangkan orang asing. Ada apa-apa hubungan dengan orang asing kah?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Duduklah, duduk!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah terlibat dengan aktiviti-aktiviti dengan orang asing kah?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Biar saya bagi soalan tambahan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Satu. Nombor dua. Eh! Saya bukan tanya kamu!

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa lah Yang Berhormat Arau. Tidak apa. Tidak apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kamu duduk.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dah lah. Dah lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Duduk. Duduk. Eh! Kamu jangan campur tangan! Dia bagi peluang dekat saya. Duduk. Duduk.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa. Tidak apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Sit down boy. Sit down.*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa. Tidak apa. *Uncle, sit down uncle. Don't worry uncle, sit down uncle.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh! Eh!

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua Yang Berhormat harus duduklah. Masa...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *Uncle, uncle sit down. Uncle Arau sit down.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *No. No.* Saya minta kebenaran dia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan *extend* eh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa DAP sering memperjuangkan orang asing?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa tidak perjuangkan orang tempatan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, sila duduk. Belum sampai pukul 4.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang tempatan, peruntukan diberi kurang. Orang asing diperjuangkan warganegara.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ini sangkaan jahat. Tadi saya berkata berkenaan dengan *Home Ownership Campaign* untuk rakyat Malaysia, bukan untuk rakyat asing.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa, kamu ini orang asing kah orang warganegara?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Eh! sila lah jawab sahaja. Saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk menjawab dan saya minta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya mencadangkan supaya Menteri Kewangan ini diberi dua jawatan iaitu Menteri Kewangan dan Menteri Perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tamat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan daripada Ketua Pembangkang daripada Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tamat. Kalau tidak, macam mana saya hendak uruskan masa.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Bera belum habis lagi. Yang Berhormat Bera ada masa tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa. Habis dah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dah berikan masa tambahan. Tidak ada dah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi dia gulung. Bagi dia gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Gulung lah. Kesimpulan.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung sahaja boleh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ha! Gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Tanpa celahan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tanpa celahan. Tanpa celahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya minta dengan Yang Berhormat Bera kalau itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani sedang bersedia hendak bercakap.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Tanjong Karang telah pun menjawab. *Last* sekali Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebelum *last*, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada laluan lagi, sebab tidak ada masa.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya minta dengan pembahas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya menetapkan masa. [*Ketawa*] Kalau begitu, minta pada Tuan Yang di-Pertua lah. Ya, silakan. Macam mana ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, *last* topik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Last* topik.

Tuan Yang di-Pertua: *Last* topik? Baik, satu minit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Satu sahaja. Sedikit. Secara ringkas. Mengenai subsidi petroleum bersasar ini. Pemberiannya kepada penerima "*basah*". Penerima "BSH" yang akan dimasukkan sebanyak RM30 sebulan iaitu RM1 satu hari. Okey. Apa yang kita tidak beri penekanan adalah kesan kepada apungan minyak tersebut. Apabila minyak diapungkan, tentu sahaja harga barang akan meningkat kerana kos *transportation* untuk mengangkut barang, minyak akan terlibat. Jadi, harga barang akan meningkat apabila minyak diapungkan.

Kedua, yang kedua Yang Berhormat kesan daripada pengapungan ini, harga pengangkutan awam juga pasti akan meningkat seperti bas. Bas ekspres hendak balik kampung bagi orang-orang yang berpendapatan rendah menyebabkan harga tambang

bas juga meningkat. Menyebabkan tambang teksi meningkat. Akan tetapi, yang mendapat *benefitnya* hanyalah sekitar 3 juta yang menjadi penerima “BSH”, yang mempunyai kenderaan. Oleh sebab itu, apabila penerima BSH yang tidak mempunyai kenderaan ini, mereka menaiki bas dan sebagainya, mereka yang lebih tertekan. Sudahlah mereka tidak mendapat RM30 sebulan, tetapi dalam masa yang sama, harga bas meningkat, mereka tidak dapat duit, mereka terpaksa gunakan *transport* yang harganya mahal dan sebagainya.

Jadi, jelas menunjukkan bahawa banyak perkara-perkara yang diumumkan oleh kerajaan hari ini sebagai kesimpulannya, adalah tidak menjaga kepentingan rakyat miskin. Bukan sahaja di luar bandar seperti yang saya sebutkan dalam ucapan tadi, termasuk juga kemiskinan bandar yang akan lebih tertekan akibat daripada perkara-perkara yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan. Siapa yang mendapat untung, adalah kumpulan kapitalis dan juga pemodal-pemodal ini yang dijaga dengan begitu baik...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...oleh kerajaan seperti ada *tax exemption* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sungai Petani. Silakan 90 minit.

2.57 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bila rakyat telah membuang undi dan kerajaan terbentuk dalam sistem demokrasi yang diamalkan negara ini, bermakna rakyat sudah tiada kuasa dalam membuat apa-apa keputusan dalam perjalanan dan pentadbiran negara. *Stop there.* Perjalanan dan pentadbiran negara ditentukan oleh kita semua, 222 orang yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Semua undang-undang yang mengawal kehidupan rakyat untuk selama lima tahun ditentukan di sini. Oleh sebab itu, amat penting dan mustahak kita yang berada dalam Dewan ini betul-betul berfikir secara terbuka dan meletakkan kepentingan rakyat yang mengundi dan meletakkan kita di sini secara insaf dan prihatin kepada mereka.

Alhamdulillah, bajet yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu, suatu bajet yang penuh dengan debaran sebenarnya. Rakyat termasuk kita di sini juga ternanti-nanti bagaimanakah rupa bajet yang akan dibentangkan memandangkan Kerajaan Pakatan

Harapan yang baharu mengambil alih kerajaan tidak sampai dua tahun. Baru ambil alih dari sawah kerajaan yang telah 60 tahun memerintah, yang akarnya amat dalam ke bumi dan amat luas sayapnya yang merentasi semua urusan menutupi agensi dan badan eksekutif. Bukan mudah Tuan Yang di-Pertua, untuk tandingi sawah kerajaan yang telah berkuasa selama 60 tahun yang begitu lama, malah direkodkan di antara yang terlama memerintah dalam sistem demokrasi yang diamalkan oleh dunia kini.

Kita tidak boleh menidakkan kejayaan-kejayaan yang dibawa oleh kerajaan yang lalu. Kita tidak menidakkan. Ramai yang mendapat manfaat daripada usaha kerajaan yang lalu membangunkan bidang pelajaran dan pendidikan.

■1500

Malaysia di antara negara di dunia yang *literacy ratenya* yang tinggi. Hampir tidak ada anak Malaysia tidak boleh membaca dan menulis. Paras kesihatan rakyat juga adalah di antara yang terbaik di rantau ini dengan perkhidmatan kesihatan yang hampir percuma. Rangkaian jalan raya yang agak baik merentasi kawasan dan daerah walaupun masih boleh diperbaiki di Sabah dan Sarawak tetapi di Semenanjung agak kemas dan membanggakan.

Perkhidmatan tenaga elektrik sampai ke mana-mana kota dan desa dengan kadar yang berpatutan. Peluang pekerjaan yang banyak walaupun gaji dan upah tidak tinggi berbanding dengan negara jiran tetapi kerja ada. Keselamatan negara tenteram dan urusan undang-undang boleh dibanggakan.

Namun Tuan Yang di-Pertua, apabila kita di Dewan ini mereka yang mempunyai kuasa ke atas kehidupan rakyat terbanyak melupai dan melukai hati rakyat. Tidak dapat meyakini rakyat bahawa yang kita buat dan kita lakukan tidak menekan dan menyusahkan rakyat, rakyat mula bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak mana khidmat dan jasa kita kepada rakyat, apabila sampai masa dan *moment* kita sebagai pemerintah tersalah langkah, tidak mendengar jeritan rakyat, tidak merasai keresahan dan keluhan hati rakyat, di waktu itu rakyat boleh dan akan membuat keputusan. Rakyat akan gunakan kuasa mutlak yang mereka ada untuk buat pilihan dan itulah yang terjadi dalam pilihan raya yang lalu. Soal hati rakyat, soal yang paling utama kerana hal-hal lain mudah diuruskan tetapi soal hati dan perasaan salah perhitungan, padah akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* kerajaan baru ini telah mengambil kira soal hati dan perasaan rakyat. Soal kesusahan, keperitan dan soal perasaan diambil kira dengan menghidangkan sebuah bajet yang bagi saya yang agak *reasonable*, yang tidak

menjanjikan bulan dan bintang di cakerawala tetapi bajet yang mengajak rakyat dan kerajaan bekerjasama bagi membangunkan negara tercinta ini.

Bajet yang tidaknya hanya memberi tetapi juga menuntut rakyat memberi komitmen untuk membangunkan diri sendiri. Bajet yang bertekad untuk memajukan pertumbuhan dalam ekonomi baru dalam era digital yang melabur ke atas rakyat dengan harapan meningkatkan keupayaan modal insan yang dambakan masyarakat yang bersatu, inklusif dan saksama di mana jua kita berada sama ada di desa atau di kota, di Sarawak, Sabah atau Malaya.

Kita ajak semua Cina, Melayu, India, Bajau, Murut, Kadazan, Orang Sungai, Melayu Brunei, orang asal, Siam asalkan mereka rakyat Malaysia dan anak Malaysia tanpa kira kaum, agama dan kepercayaan dan kefahaman parti politik sama-sama memulihkan institusi dan kewangan awam yang dilihat pincang dan jika tidak dipulihkan kita akan menjadi hamba kepada institusi kewangan yang memberi hutang kepada kita, hamba kepada mereka untuk satu masa yang panjang. Amat hina di mata dunia.

Di antara jeritan rakyat bertahun lamanya ialah mereka terpaksa membayar tol yang tinggi yang akibatnya kos kehidupan dan perniagaan menjadi tinggi. *Alhamdulillah*, ini semua telah pun diumumkan oleh kerajaan pada hari Jumaat yang lalu di mana menyaksikan RM85 juta diperuntukkan untuk mengurangkan kesesakan di Tambak, Johor.

Saya masih ingat lagi bagaimana saya berada di sana pada dua tahun, tiga tahun yang lalu. Inilah yang kita bangkitkan bagaimana kita melihat kesesakan yang luar biasa di Tambak, Johor. Akhirnya, hari ini kita selesaikan dengan memberikan satu jumlah yang agak besar untuk menyelesaikan kesesakan itu.

Begitu juga dengan lebuhraya khususnya Lebuhraya PLUS. Saya masih ingat lagi ramai di antara kita khususnya Yang Berhormat Puchong waktu itu dan juga banyak wakil rakyat yang mengeluh kerana terpaksa membayar tol tetapi terperangkap dalam *jam*. *Alhamdulillah*, dalam bajet yang lalu kita menyatakan bahawa 18 peratus, 18 *percent* diskaun akan diberikan *across the board*.

Kerajaan juga akan mengambil alih lebuhraya secara berperingkat-peringkat beberapa lebuhraya seperti KESAS, LDP, SPRINT dan SMART dan akan memberikan tol percuma pada waktu bukan puncak.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Rakyat ini juga isu harga minyak bertahun dibincangkan dan sekarang kita lihat bagaimana kerajaan baru ini berani mengemukakan formula yang memberikan subsidi secara adil walaupun dikatakan tidak sempurna. Saya tidak mengatakan ini satu sempurna tetapi keberanian untuk

memperkenalkan. Itulah yang kita nanti-nanti. Tidak ada keberanian di waktu yang lalu walaupun kita kemukakan berbagai-bagai cadangan. Akan tetapi oleh kerana sesuatu sebab yang kita sendiri tidak tahu, kenapakah subsidi yang lebih bermakna ini tidak dapat diberikan kepada rakyat jelata. Mereka yang susah mendapat subsidi tetapi yang mampu... [Disampuk]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani, mohon penjelasan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Biar saya habiskan ayat ini sekejap. Mereka yang susah mendapat subsidi tetapi mereka yang mampu mestilah membayar dengan harga yang berbeza dengan mereka yang tidak mampu kerana mereka yang memiliki kereta Tuan Yang di-Pertua yakni empat hingga lima biji Mercedes, CRV khususnya yang banyak, khususnya Ahli Parlimen yang duduk tiga hingga empat penggal di sini. Mereka ini mesti membayar pada harga yang berbeza dengan orang-orang yang susah di luar bandar. Ya, Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Apa yang dibuat subsidi yang bersasar itu iaitu kumpulan-kumpulan B40 akan dibantu. Persoalan saya ialah RM12 untuk sebuah motosikal dan RM30 untuk sebuah kereta yang dibayar empat bulan sekali itu, adakah kaedah empat bulan sekali itu boleh ditukar kepada sebulan sekali? Adakah yang RM30 dan RM12 itu mencukupi? Saya kira tidak mencukupi.

Seperkara lagi ialah ada berjuta-juta rakyat M40 yang terkeluar daripada subsidi ini. Adakah ingin dicadangkan supaya M40 itu diadakan juga subsidi? Ini adakah sesuatu yang baik, subsidi bersasar tetapi mengapa sarapan orang kaya pun dapat sarapan pagi? Bukankah itu satu perkara yang tidak baik kalau kita ingin hanya membantu sebagaimana subsidi bersasar minyak hanya orang yang patut dapat, kenapa sarapan orang kaya pun diberi juga? Bukankah itu satu pembaziran? Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kita beri subsidi bukan sahaja kepada minyak, sarapan tetapi juga kita bantu banyak. Semua rakyat di hospital dan lain-lain. Kita mula dengan minyak dahulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini benda yang tidak pernah dibuat, kita buat dahulu. Sekiranya kita ada peluang untuk memberikan kepada M40 tetapi *it has to start from somewhere. That somewhere come from this* kumpulan dahulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi, saya rasa kalau kita hendak ikutkan, Kenapa tidak buat itu? Kenapa orang ini tidak dapat? sampai bila pun tidak buat. Pokoknya mesti kita buat dahulu, ada keberanian untuk memulakan dengan minyak bersubsidi ini.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Amat Berhormat Sungai Petani. Boleh?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tolong perbetulkan Yang Amat Berhormat kah ini? Bakal ya?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat, saya terharulah satu-satunya wakil kerajaan yang mengakui kemampuan kerajaan terdahulu dalam mengurus kewangan negara dalam ucapan awal Yang Amat Berhormat tadi. Cuma satu Yang Amat Berhormat, cuma satu saya hendak kepastian. Minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat bahawa macam mana Kerajaan Pakatan Harapan ini buat manifesto ini? Kalau sudah tengok sistem kewangan Barisan Nasional dahulu stabil. Kita punya bajet daripada tahun ke tahun bertambah baik daripada semasa ke semasa mengikut suasana dan keadaan ekonomi negara. Bagi saya cakap dahulu.

■1510

Mengikut suasana dan keadaan ekonomi negara tetapi berbanding dengan Kerajaan PH walaupun baru tetapi bajet yang dikemukakan itu tidak menyebelah kepada kehendak rakyat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau dulu PH buat manifesto hendak hapus tol berasaskan kepada mana? Sampai masa tidak hapus tol ambil konsesi menambah perbelanjaan negara bukan membantu kewangan negara.

Kemudian harga minyak kata hendak RM1.50 buat pula *corner* pergi ke lain yang terkeluar, tergelincir terus daripada Manifesto Pakatan Harapan. Soalan saya, saya minta penjelasan Yang Amat Berhormat adakah manifesto itu betul-betul *useless*, tidak berguna langsung ataupun cuba hendak lari daripada apa yang telah dirangka awal. Terima kasih Yang Amat Berhormat. *Insyaa-Allah*.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini kawan-kawan saya semua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Amin, ya rabbalalamin.*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Isunya macam ini. Soalan pertama saya ialah sudah kah Yang Berhormat Jelebu baca *page to page* buku kita itu. Kita tidak sebut seperti yang saudara sebut sebab apa, kita tidak sebut kita akan hapuskan tol hari ini. Kita kata, "*Tol secara berperingkat-peringkat*" itu yang disebut. Berperingkat-peringkat ini bermaksudnya mungkin setahun, mungkin dua tahun, mungkin tiga tahun itu disebut secara berperingkat-peringkat.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hidup dalam dua alam. Saya pernah hidup dalam UMNO dan Barisan Nasional, saya juga pernah hidup dalam Pakatan Harapan, saya juga pernah menjadi pembangkang dan saya juga sekarang sudah berada dalam kerajaan. Isunya macam ini Yang Berhormat Jelebu, benda yang baik saya tetap kata baik... [*Tepuk*] Benda yang tidak elok saya tetap tegur itu prinsip kita dalam Dewan ini.

Cumanya bagi peluang kepada Pakatan Harapan baru kita memerintah dua tahun. Siapa yang akan buat *judgement* kita? Siapa yang akan menentukan adakah Pakatan Harapan buruk atau lebih baik daripada Barisan Nasional ataupun akhirnya selepas lima tahun giliran rakyat lihat Barisan Nasional rupanya lebih baik daripada Pakatan Harapan. Waktu itu rakyatlah yang akan menentukannya.

Kita di peringkat kita akan kita buat terbaik sebab Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah mahu mengulangi apa yang saya tidak kata semua, ada benda-benda yang BN buat salah. Salah itulah yang mendapat perhatian rakyat ditambah pula dengan media sosial, ditambah pula dengan pemikiran-pemikiran pelbagai. Akhirnya rakyat percaya bahawa PH ada peluang lebih baik daripada BN. *Now*, sekarang kita tidak tahu lagi sebab itu kita buat yang terbaik dengan harapan, dengan apa yang kita hidangkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Insya-Allah* mereka akan buat keputusan. Rupa-rupanya PH ini memang betul cantik daripada yang lalu itu saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Arau. [*Ketawa*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bagi Yang Berhormat Arau pula.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau ya, okey. Yang Berhormat yang pertama sekali Yang Berhormat saya bimbang dengan pendekatan manifesto tidak tunai janji ini saya cukup bimbang. Saya takut yang janji untuk pengganti Perdana Menteri juga tidak ditunaikan. Jadi apakah Yang Berhormat sedar bahawa janji ini Yang Berhormat kena tepati.

Macam Yang Berhormat dijanjikan dengan jadi Menteri Besar Kedah jadi apakah mereka hendak tunaikan janji ataupun tidak sebab saya bimbang ini saya takut nanti mereka tidak tunai janji sebagaimana mereka tidak tunai manifesto. Apakah Yang Berhormat tidak bimbang tentang itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Jelebu hendak tanya silakan. *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sekarang ini saya turunkan sikit Yang Berhormat saja, esok saya naikkan balik Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat Sungai Petani saya sudah baca manifesto ini. Salah satunya Yang Berhormat, saya tidak bawa manifesto fasal manifesto ini semua auta. Rakyat tertipu dalam PRU14 fasal manifesto ini Yang Berhormat. Seolah-olah rakyat hendak hidup dalam satu dunia yang baharu itu pasal PH menang.

Sekarang ini Yang Berhormat, Janji 100 hari PH ini berasaskan kepada apa? Asasnya apa? Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik sebab itu kalau izinkan saya teruskan ucapan saya, banyak janji-janji kita yang kita tunaikan *insya-Allah* lebih banyak lagi pada tahun hadapan, tahun 2020 *insya-Allah*. *[Tepuk]* Walaupun ada tohmahan dan fitnah kononnya Kerajaan Pakatan akan hapuskan bantuan BR1M kepada golongan miskin. Waktu itu misalnya kita kempen.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tolong jawab soalan saya Yang Berhormat, untuk masuk dalam ucapan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Itu saya jawab *last*, ada, ada jawapan ini ada, ada.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi nyata berita dan tohmahan itu tidak benar kerana Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020 diuruskan dengan lebih cekap dan sasarannya tepat kepada mereka yang betul-betul memerlukan dibantu.

Sebagai contoh Yang Berhormat Jelebu, saya hendak bagi contoh kita ada daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Apabila kita menyemak balik tentang BR1M ini terdapat satu kumpulan orang yang ada 50 kereta. Ada juga yang dapat 13, 14 kereta yang ramai mendapat BR1M. Maksudnya seolah-olah kerajaan memberikan duit BR1M ini kepada semua orang seolah-olah walaupun mereka ini tidak layak.

Oleh sebab itu dalam kes kita ini, Bantuan Sara Hidup kita pastikan mereka yang betul-betul layak saja menerima sebab isunya begini. Isunya duit yang kita beri kepada rakyat itu datang daripada pelbagai sumber termasuklah dari cukai pendapatan kita. Harapan kita sudah tentu kita hendak menolong yang miskin. Harapan tentulah dengan duit yang ada itu kita hendak memberikan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang betul-betul harus terima.

Akan tetapi malangnya oleh kerana sistem yang tidak tepat, tidak telus akhirnya duit yang sepatutnya pergi kepada orang miskin, tidak pergi ke orang miskin tetapi pergi kepada orang-orang yang tidak patutnya mendapat subsidi itu. Saya hendak bagi kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti perbincangan awal Yang Berhormat Sungai Petani dan saya dengar banyak kali sebelah sana kata, "*Tidak tunai janji, janji dimungkir*". Bila yang kita dengar PH tidak mahu tunai janji, bila yang kita dengar PH tidak berkata dia tidak akan tunaikan janji.
[Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Masa *you* jadi kerajaan dulu, *you* cakap macam itu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sedar diri itu, sedar diri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Masa Yang Berhormat Bagan Serai jadi kerajaan itu ayat dia.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang saya dengar, ini siapa?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan Serailah. Yang Berhormat Bagan Serai waktu dia jadi kerajaan dulu. Waktu dia pembangkang dia cakap macam itu sebelum lompat parti.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sedar diri sikit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagi saya bercakap sedikit. Saya dengar, saya tidak pernah dengar PH kata dia tidak mahu tunai janji tetapi yang saya dengar yang di sebelah sana asyik mengulang-ulang endokrin rakyat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Letak jawatanlah Yang Berhormat Serai, lawan balik.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kenapa cakap macam ini. Cakap macam ini tidak berasas.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Manifesto bukan kitab suci.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kerajaan yang baharu satu setengah tahun yang sedang berusaha untuk menunaikan janji tetapi oleh sebab masalah-masalah yang tidak dapat ditunaikan secepatnya, tetapi itulah dikatakan mungkir janji. Cakap fikir sikitlah [*Dewan riuh*].

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Cermin diri dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani boleh teruskan dan jawab.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua inilah contoh Yang Berhormat Bagan Serai juga hidup dua alam.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Bagan Serai dua alam.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dulu dia dekat alam sana sekarang dia berpindah ke alam ini kerana dia rasa sebelah ini lebih adil.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Setuju Yang Berhormat Bagan Serai memang selalu dua alam.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sungai Petani, yang betul saya cakap betul yang tidak betul saya tentang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai sudah.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sudahlah Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Bagan Serai janganlah macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You* pun kempen pukul *depa* juga sebelum ini.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Sungai Petani, pertama saya hendak sebut betullah Yang Berhormat Bagan Serai dua alam. Saya hendak sebut di sini yang pertama yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi berkaitan dengan minyak tadi. Bagaimana hendak subsidi secara tunai yang hendak dibagi RM30 sebulan kepada yang kereta, RM12 motosikal.

Tadi masa Ketua Pembangkang cakap tadi bangkit mengenai dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Menteri Kewangan sebab Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan keluar *statement* hari ini dalam surat khabar dia tidak tahu RM600,000 ini. Ini disebut oleh Menteri Kewangan, okey balik kepada subsidi ini saya tidak dapat daripada mulut Menteri KPDNKK tapi dengar perkhabaran di sekitar Parlimen ini mengatakan bahawa Menteri mempunyai cadangan lain dan Menteri Kewangan mempunyai cadangan lain.

Kita minta penjelasan Yang Berhormat Sungai Petani kalau Yang Berhormat Sungai Petani tahu bahawa KPDNKK ada cadangan lain dan Menteri Kewangan ada cadangan lain. Kalau inilah yang berlaku tadi Menteri Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan pun sebut dalam media hari ini dia tidak tahu, ini Menteri Kewangan yang sebut jadi maknanya kebanyakan daripada yang dibentangkan hari Jumaat yang lalu Tuan Yang di-Pertua, adalah pembentangan daripada Menteri Kewangan yang datang daripada Parti DAP dan ada daripada parti-parti lain tidak tahu.

■1520

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun. Dr Mahathir bin Mohamad tiga hari sebelum pembentangan ada menyatakan bahawa Ketua-ketua Parti Pakatan Harapan membuat mesyuarat pada malam itu membuat penyelarasan mengenai dengan bajet hari Jumaat. Jadi kami— saya nampaklah Yang Berhormat Sungai Petani bahawa ada benda yang tak kena mengenai pembentangan ini. Ada sesuatu yang mungkin tak dapat diceritakan secara terang tetapi sesuatu yang tak kena dengan pembentangan. Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat Sungai Petani benda ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Padang Terap terima kasih. Oleh sebab saya di luar Kabinet hari ini, jadi saya tidak dapat jawab. *Insyallah*

kalau doa Yang Berhormat Padang Terap saya masuk Kabinet, esok saya jawab. *[Dewan ketawa]* Sekarang Yang Berhormat Baling pula.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat yang amat ku kasihi. Saya mendengar, meneliti segala perbincangan Yang Berhormat tadi. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat ini manusia yang, “*call a spade, a spade*” tak pernah membelakangkan kebatilan. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Oleh kerana itu saya hendak tanya dua perkara.

Pertama sekali, Yang Berhormat ini mewakili Kedah khususnya berdekah, berdekah, berdekah bahas hari ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan pun tiada. Zaman kita dahulu Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti ada punya untuk ambil segala nota kan? Lazimnya Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri, bukannya wakil MOF. Hari ini Yang Berhormat berdekah, berdekah tak ada. Akan tetapi saya hendak bertanya atas nama negeri Kedah Darul Aman. Saya tengok peruntukan RM100 juta telah diberikan kereta kabel di Bukit Bendera di Pulau Pinang ya. *Alhamdulillah* untuk orang Pulau Pinang baguslah.

Kita di negeri Kedah ini, kerajaan yang Yang Berhormat Bagan Serai kata dahulu janji tidak betul. Kita dulu dah janji dengan rakyat di Kedah selesaikan masalah air, ‘A’ orang Baling kata ‘A’ tadi dan kelulusan telah diberi, kontraktor dan dilantik mereka untuk melaksanakan masalah air termasuk di Sungai Petani, Merbok, Baling dan sebagainya. Hari ini projek itu semua terkandas dan tidak dilakukan. Tidak diteruskan. Apa yang ada kita tengok hari ini Langkawi sahaja dapat sekolah dan sebagainya. Apa ulasan dan pandangan Yang Berhormat yang ku kasihi?

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Baling yang ceria dan rupa sentiasa ada *nur*. Terima kasih. Saya difahamkan sebagai wakil rakyat daripada Kedah saya difahamkan bahawa kerajaan bukan sahaja akan memberikan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion untuk selesaikan bukan masalah ‘A’, masalah *ayaq* tetapi telah pun ditukar menjadi geran.

Cumanya mungkin proses untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang akan dibuat—kawasan-kawasan baharu khususnya di Merbok dan Baling, *insya-Allah*. Akan tetapi geran itu telah pun diallokatkan dan kita mengharapkan mungkin Jerlun selepas ini dia akan mengambil *pick-up* dari situ untuk selesaikan masalah *ayaq* di Baling dan juga *ayaq* di Merbok tetapi geran itu sudah ada. Pertama.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apabila pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan tiada. Untuk makluman dan untuk

rekod, tiada langsung pembentangan dia baru-baru hari Jumaat yang lalu berkaitan dengan *ayaq* ini, tak ada langsung untuk negeri Kedah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Oh! Yang *ayaq* ini *depa habaq* tahun sudah. Dia sudah bagi sudah baik. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung. Silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Semua kawan-kawan saya belaka ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Pusing juga bakal Menteri Besar ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Ini saya bimbang ini janji ini. Kita tahu bahawa bakal Perdana Menteri ini kalau ikut ada—hendak ikut seorang. Sekarang sudah jadi dua. Sekarang mungkin jadi tiga. Jadi, adakah janji-janji ini dia boleh pilih selalu orang bertiga. *Depa* kata Yang Berhormat Port Dickson, *depa* kata Yang Berhormat Gombak, *depa* kata Yang Berhormat Pagoh. Kalau tak ada semua sana datang ke sini. Jadi, janji mana kita hendak pakai Yang Berhormat?
[Dewan ketawa]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Untuk makluman Yang Berhormat Arau, zaman dahulu semasa dalam Barisan Nasional, dia ada 14 parti. Memang susah hendak buat keputusan kerana UMNO dominan 80 lebih. Jadi, UMNO tunjuk jadi sahaja, jadi. Akan tetapi dalam Pakatan Harapan, kita ada empat parti sahaja dan masing-masing *share* idea dan membuat keputusan mengikut *consensus*. Jadi, kita tunggulah waktu tiba masanya akan buat *consensus* siapakah yang bakal menjadi Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, isu peralihan kuasa itu tidak masuk dalam bajet. Jadi kita hendak jawab pun payah juga, tak tahu butiran mana. Jadi kita tunggulah sampai *consensus* itu datang, *insya-Allah*.

Baik, saya hendak teruskan. Bagi dua minit. Bagi saya *move* sedikit. Saya sangkut *tang* dua lagi. Tuan Yang di-Pertua, mereka yang bujang dalam...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, jadi Yang Berhormat Port Dickson tak *conform*lah ya?

[Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Topik di luar bajet Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Itu keluar topiklah Yang Berhormat Arau. Keluar topik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Perdana Menteri tukar, bajet tukar tau. Itu sebab saya cukup *concern*. Benda yang penting besar ialah pemerintahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita hendak minta Yang Amat Berhormat Langkawi teruskan sampai lima tahun...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, ganggu perbahasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita punya masa Yang Berhormat Sungai Petani susah hendak berbahas. Jadi silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Teruskan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, mereka yang bujang berusia melebihi 40 tahun dan berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan dan golongan OKU akan menerima RM300 sebulan. Maknanya itu yang kita janjikan. Maknanya masalah rakyat terbanyak yang susah, tidak kita abaikan khususnya mereka yang OKU. Isu yang mencemaskan rakyat Tuan Yang di-Pertua, terbanyak bila mana anak-anak kita apabila lulus dari universiti tidak punya pekerjaan. Bukan sahaja mereka resah akan tetapi ibu bapa yang mengharapkan juga kecewa.

Skim Malaysia Kerja yang diperkenalkan amat bertepatan pada masanya. Tuan Yang di-Pertua, RM500 sebulan untuk selama dua tahun kepada graduan menganggur dan RM300 kepada majikan jika graduan diambil bekerja dengan syarikat tersebut, sekali gus membantu memiliki pekerjaan di pasaran di mana graduan akan berpeluang untuk mula terdedah kepada alam pekerjaan dan majikan pula tidak tertekan kerana melibatkan kos pentadbiran.

Ini sesuatu yang jalan keluar yang suatu kita kira suatu yang sepatut sambut baik kerana inilah masalah yang kita hadapi kerana kita mempunyai jumlah graduan yang ramai dan majikan-majikan pula tak berani ambil pekerja kerana takut tambah kos. Akan tetapi dengan skim yang kita perkenalkan ini sekali gus akan menyelesaikan paling tidak pun masalah-masalah graduan yang menganggur khususnya di kalangan mereka yang dari B40. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih. Saya ada dua isu tadi Tuan Yang di-Pertua. Pertama tadi fasal- memanglah boleh janji. Tak ada dalam bajet. Akan tetapi isunya janji. Macam bajet ini janjilah, boleh tunai tak boleh tunai? Kalau sudah janji dengan rakyat pun tak boleh tunai, macam mana bajet hendak dilaksana? Jadi, sebenarnya ada kaitan Tuan Yang di-Pertua dengan bajet ini, janji Perdana Menteri yang akan datang.

Soalan saya tadi Yang Berhormat, menyalahkan kami ini daripada BN. Apabila kata orang yang dapat BRIM ada 15 kereta, orang 15 kereta boleh dapat BR1M dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, yang sekarang ini bagi apa BSH ini ambil nama daripada mana? Adakah ambil satu sistem yang baharu ataupun pakai eKasih kami yang kata tak betul itu? Daripada mana skim baharu? Adakah pegawai yang sama sistemnya sama? Itu Yang Berhormat kena terima. Kalau cara kami tak betul, janganlah pakai eKasih. Buatlah cara baharu. Itu yang kedua.

Ketiga, RM500 sebulan saya hendak bertanya Yang Berhormat bila pelajar yang bekerja ini dapat? Adakah dia dapat tiap-tiap bulan atau bila yang dapat RM500 sebulan ini? Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Isunya Yang Berhormat Tanjong Karang bila bertukarnya kerajaan, dalam sistem kita... [*Tidak jelas*] Bila tukar kerajaan tetapi pegawai kerajaan masih pekerja yang sama. Maknanya apabila kerajaan bertukar, kita tak pernah buang pun pegawai kerajaan. Sebab itu sama ada dia eKasih atau sistem-sistem yang telah sedia wujud. Kita gunakan sistem yang sama kerana mereka ialah pegawai-pegawai kerajaan.

Apa yang kita tengok adalah supaya kita pastikan sistem itu berjalan lancar dan ada yang tak elok itu kita perbaiki. Itu sahaja. Saya tidak menyebut bahawa eKasih itu milik kerajaan saya atau milik kerajaan siapa-siapa, tidak. Itu ialah milik kerajaan, maknanya mereka ialah birokrat yang menjalankan tugas itu. Cuma kita letakkan perimeter-perimeter yang harus mereka ikuti. *Alhamdulillah* kita telah buat perimeter baharu dan akhirnya mereka ikuti dan ini bukan suatu yang saya kata *reinvent the will*. No, bukan.

Ada pun yang kedua sekali tentang graduan yang mendapat ini adalah cadangan yang baik, peruntukan telah dibuat dan *insya-Allah* satu garis panduan akan dikeluarkan saya kira untuk semua menyelesaikan masalah ini. Baik, bagi saya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Fasal RM500 tadi. Yang Berhormat kata satu garis panduan dibuat? Adakah Yang Berhormat perasan kalau baca betul-betul kenyataan itu bahawa duit RM500 itu akan dimasukkan ke dalam KWSP? Yang Berhormat perasan ke tak perasan benda itu?

Bermakna ia bukan dapat sekarang. Budak kerja RM500, tunggu dia pencen baru dia dapat. Ini menunjukkan hendak menipu rakyat. Kalau betul-betul hendak bagi, saya rasa bagi tiap-tiap bulan. Mengapa kena masuk KWSP? Yang Berhormat baca betul-betul ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong, silakan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sungai Petani, betul sebagai mana disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi.

■1530

Nikmat RM500 itu bukan dapat serta-merta, ia dimasukkan ke dalam KWSP, tidak masuk dalam sistem ekonomi sekarang, maknanya dia pencen baru dapat. Saya hendak rujuk program warta kerja, Malaysia Kerja, yang dikatakan dapat menyediakan sebanyak 350,000 peluang pekerjaan tetapi ia dicipta dalam tempoh lima tahun. Barangkali, Yang Berhormat tidak sempat melaksanakannya kerana kerajaan sudah bertukar. Cuma sebab itu dalam setahun ia hanya boleh menyediakan sebanyak 87,500 peluang pekerjaan.

Soalnya saya hendak tanya, mampukah warga kerja, kita dapat sediakan dalam program-program kerja 3D ini. Jadi, nampak sangat sebanyak 350,000 ini bukan dalam tempoh penggal ini, ia juga dua tahun selepas ini. Maknanya, hendak mengelat juga bajet itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak Yang Berhormat, isunya sekarang ini ialah ini satu skim. Pada jangkaan kita ia akan berterusan, bukan kita hendak buat tahun hadapan sahaja, maknanya satu skim yang akan berterusan dan kita tidak jangka yang kita akan memerintah untuk satu penggal juga. Kita akan jangka berterusan.

Jadi, apa pun juga skim ini sepertilah yang telah pun diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu iaitu Skim BR1M yang ingin diteruskan tetapi akhirnya kerajaan tidak dapat memerintah. Maknanya sekarang ini adalah satu skim yang akan berterusan *insya-Allah*. Hendak kata kenapa untuk tahun ini tidak boleh hendak- itu cerita lainlah. Itu maknanya harus ada satu skim...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat maksudnya kalau BR1M contohnya...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya hendak...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Diumumkan tahun hadapan RM2,000, maknanya tahun hadapan RM2,000, dapat tahun hadapan. Bajet ini sepatutnya kalau diumumkan 350 ribu peluang pekerjaan, tahun depanlah, bukan lima tahun akan datang.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini lima tahun Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat jangan silap.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul, tetapi harus di...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sebanyak 350 ribu itu dalam tempoh lima tahun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi harus *start* bulan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul, tetapi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Maknanya dalam setahun, kerajaan hanya mampu menyediakan sebanyak 87 ribu sahaja berbanding dengan kerajaan dahulu yang melaksanakan program ECRL, Bandar Malaysia dan sebagainya. Jutaan itu pekerjaan dapat Yang Berhormat. Itu berbeza.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, apa jaminan- baik, Tuan Yang di-Pertua saya tidak payah *debate* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa pun tinggal 54 minit Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini isu besar Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Iaitu kita sering mendengar suara-suara wakil rakyat yang memperkatakan harga rumah yang mampu dilihat tetapi tidak mampu dibeli kerana harga yang terlalu tinggi dan mengabaikan pihak berwajib terhadap penghuni di kawasan mereka yang susah seperti di kawasan PPR.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekejap-sekejap, *sat ja sat ja* bagi saya bergerak *sat*.

Isunya ialah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana boleh kita lihat, kita pun ada bekas Menteri di sini. Kerajaan ingin melihat bagaimanakah perumahan ini menjadi isu yang besar dan perumahan ini ingin kita selesaikan. Bagaimanakah Skim *Rent to Own* ini kita bincang saya ingat semasa dalam sesi Parlimen yang lalu pun ada. Skim *Rent to Own* satu skim yang bijak saya kira kerana memberi peluang kepada anak muda khususnya untuk memiliki rumah sendiri.

Kita bincang panjang dalam sesi Parlimen yang lalu dan kita cadangkan macam-macam. Akan tetapi tidak ada keputusan pada waktu itu bahawa Skim *Rent to Own* ini adalah suatu yang terbaik. Oleh sebab itu kadang-kadang kita sebut Tuan Yang di-Pertua, rumah ini terlalu mahal. Akan tetapi kalau, kita beri peluang kepada anak muda untuk *rent first* sampai satu tahap, dua tahun dia boleh dapat *loan* oleh sebab pendapatan dia naik, dengan sendirinya kita *convert*kan apa juga *rent* yang dibayar itu sebahagian daripada pembiayaan untuk memiliki rumah itu. Jadi, ini akan memberikan peluang kepada anak muda khususnya anak-anak muda yang baru keluar dari universiti untuk memiliki rumah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak minta sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Di samping itu Skim Perumahan Belia yang menawarkan pembiayaan penuh...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dan bantuan ansuran yang sekitar RM200 sebulan untuk dua tahun pertama menyaksikan kerajaan faham tentang kehendak warga belia di negara ini. Sila Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit sahaja, saya hendak balik kepada *point rent to own* tadi. Apakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju, kalau sekiranya kerajaan memperkenalkan program ini kepada rumah yang berharga RM600,000 yang hendak dijual kepada warga asing, lebih baik diberi kepada rakyat Malaysia dengan sistem yang sama. Saya fikir itu lebih baik pemilikan dapat kita kawal, minta pandangan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju, *rent to own* itu bukan sahaja terhad kepada rumah yang berharga rendah, tetapi juga kalau rumah itu berharga mahal, apa salahnya. Sekiranya orang yang menyewa tersebut meyakini dia bahawa dia boleh mempunyai pendapatan dalam masa dua tahun ini yang boleh dijadikan asas untuk dia mendapat pinjaman bank. Saya rasa itu satu pandangan yang baik dan *insya-Allah* saya rasa harus dikemukakan oleh kerajaan bagi pihak-pihak pemaju-pemaju untuk melihat inilah di antara contoh-contoh yang boleh kita ikuti.

Baik Tuan Yang di-Pertua, di samping itu tidak mengabaikan mereka di kawasan PPR yang saban hari berhadapan dengan pelbagai masalah perkhidmatan termasuk kerosakan lif-lif dan kerosakan lain di *flats* mereka. Saya juga bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk memberikan peruntukan untuk menyelenggarakan dan naik taraf sekolah-sekolah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang

sebab dia datang ke Paya Nahu di tempat saya waktu dia menjadi Menteri hari itu, dia bagi RM4 juta. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Cuma tidak sempat hendak *perabih* duit itu, tukar kerajaan.

Hari ini kita tambah sedikit iaitu supaya akhirnya rakyat di situ mendapat faedah daripada apa juga saluran bantuan yang diberikan. Saya melihat bahawa- oleh sebab pemikiran yang itu pemikiran yang baik, jadi kita mencadangkan kerajaan teruskan untuk membantu mereka yang berada di *flats* khususnya di kawasan-kawasan yang cukup daif Tuan Yang di-Pertua. Rumah sudahlah banyak tingkat, lif pula rosak dan kadang-kadang lain-lain perkhidmatan itu tidak dapat diberikan oleh sebab kedudukan kewangan yang sama ada tidak cukup ataupun kerajaan tidak mampu. Akan tetapi dengan peruntukan yang ada ini, nampaknya bolehlah membantu mereka khususnya di Selangor. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, terima kasih. Penyelenggaraan ini nama dia dulu adalah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M). Dahulu kita dapat sebanyak RM200 juta, tetapi sekarang ini RM100 juta sahaja, tentulah tidak cukup, itu tidak mengapa.

Hanya saya hendak balik fasal PPR. Yang Berhormat tadi- saya hendak sambung apa yang Yang Berhormat Baling cakap tadi. Yang Berhormat daripada Kedah, Yang Berhormat kena tolong perjuangkan masalah perumahan orang Kedah. Saya dahulu- kita dah janji hendak buat rumah PPR di Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya betul.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak buat satu rumah PPR di Alor Setar yang dekat Kedah ini, ada lagi satu saya sudah lupa, ada tiga tempat. Akan tetapi sudah setahun setengah tidak jalan. Saya dengar pun mungkin tidak jadi buat. Dalam Parlimen dia janji, dia akan buat. Macam mana Yang Berhormat hendak bersama-sama dengan kami ini, sebagai bakal Menteri Besar Kedah ini. Kena memperjuangkan, perjuangkan masalah rakyat Kedah ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila disebut bab Projek Perumahan Rakyat ini, saya rasa hendak sentuh sedikit sebab yang berlaku tempoh hari, lif yang jatuh itu di kawasan saya di PPR Kerinchi. Cuma adakah, Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju bahawa banyak daripada masalah yang kita hadapi sekarang ini, mungkin ia juga timbul akibat

daripada spesifikasi dari segi *design*, dari segi reka bentuk yang telah ditetapkan oleh pentadbiran dahulu. Bila masa banyak daripada- dari segi *maintenance* dia tidak berapa baik, mungkin ya. Mungkin adakah itu yang sebenarnya menyumbang kepada masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kita tidak ada teknikal, saya tidak ada *technical report* dan sebagainya. Akan tetapi, kalau itu menjadi isu, maka harus pihak berwajib melihat balik. Tidak ada gunanya kita *repair* tetapi strukturnya *problem*. Walau bagaimanapun, isu yang timbul ialah soal struktur kah, bukan struktur kah, penyelenggaraan harus kita berikan kepada mereka. Khususnya, isu lif dan juga isu bekalan air yang selalu menjadi masalah kepada penghuni-penghuni.

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang duduk di tingkat 8, tingkat 10, lif rosak, air tidak boleh naik, dia orang terpaksa bawa air dari bawah dengan baldi ke tingkat lapan, bulan puasa pula itu. Jadi, ini ialah suatu yang kita tidak ingini berlaku berterusan dan *insya-Allah* dengan pemberian peruntukan ini, kita harap dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana bukan sahaja sekolah-sekolah kebangsaan, tetapi telah disebut panjang tadi tentang sekolah Cina, sekolah Tamil, MRSM, sekolah Agama, sekolah Mubaligh, sekolah Tahfiz, sekolah Rakyat termasuk sekolah Pondok yang mendapat bantuan bagi/untuk *repair* dan sebagainya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Adapun masalah perkiraan *quantum* itu saya tidak ada jawapan, mungkin Yang Berhormat Menteri apabila menggulung dia boleh menjawab. Bagaimanakah beliau dapat mengeluarkan jumlah begitu mengikut kategori-kategori tetapi yang saya hendak sebut di sini, semua dapat, soalnya *quantum*. Akan tetapi saya tidak...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian dulu lah...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Adakah Yang Berhormat Sungai Petani setuju bahawa sebenarnya

jumlah yang diberikan oleh kerajaan yang diumumkan adalah di atas peruntukan sedia ada kepada sekolah-sekolah kerajaan? Jadi, sebenarnya kalau sekolah kerajaan-sekolah kebangsaan seperti SMK dan sebagainya bila ditambah ke jumlah sedia ada, ia sebenarnya jauh lebih tinggi daripada angka yang dikongsi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika pembentangan belanjawan tempoh hari?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekolah di Malaysia ini ada 10,208 buah. Sekolah menengah persendirian Cina ada 60 buah sekolah yang mendapat RM15 juta, yang 9 ribu kepada 10 ribu buah itu dapat RM300 juta. Dengan lain perkataan lebih kurang 30 ribu buah sekolah menengah dan sekolah kebangsaan. Sedangkan, sekolah menengah persendirian Cina, sebanyak RM250 ribu sebuah. Apa kata kalau kita bagi juga RM250 ribu setiap sebuah sekolah menengah dan sekolah kebangsaan? Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani, sebanyak RM250 ribu juga sebagaimana sekolah menengah persendirian Cina dapat, itu juga dapat untuk sekolah kebangsaan dan sekolah menengah?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya kira sudah tentu dapat sokongan saya kalau kita ada duit. Tidak ada masalah. Isu dia sekarang ini, kita tidak ada duit. Jadi, mungkin bermula dengan ini. Kalau ada duit, saya ingat Sabah dan Sarawak tidak ada masalah lah. Kita bukan hanya *repair* sekolah, kita buat baru semua. Isunya, kita tidak ada duit. Oleh yang demikian, kita kena berhempah dalam perkiraan untuk membahagikan peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Rakyat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sungai Petani?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekejap, sekejap...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sungai Petani, ada berita terkini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekejap, dua minit, dua minit...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Berita terkini. Ada berita terkini Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dua minit, dua minit. Tidak apa, baca kejam lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibagi laluan, Yang Berhormat Sungai Petani ingin teruskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Rakyat Malaysia mempunyai pilihan Tuan Yang di-Pertua dan tanpa paksa untuk memilih ke manakah anak-anak mereka akan mendapatkan ilmu asalkan mereka, anak-anak kita mesti belajar dan berilmu. Namun, ada sekolah yang mempunyai cukup kewangan ada yang tidak mampu. Di samping itu, dari segi keselamatan anak-anak kita juga penting bila mereka berada di sekolah.

Dengan adanya peruntukan ini, akan mengurangkan isu-isu ketidakselesaian dan keselamatan anak-anak kita bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat lagi bagaimana sebuah maahad tahfiz terbakar di Keramat. Ini disebabkan oleh- mengikut Lembaga Pengarah mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk penyelenggaraan dan sebagainya. Saya kira dengan tindakan kerajaan memberikan peruntukan kepada semua pihak, termasuklah melihat bagaimana *wiring* dan sebagainya- banyak kali sangat khususnya sekolah-sekolah agama maahad tahfiz dan juga sekolah pondok ini mengalami kebakaran disebabkan oleh yang pertama, tidak ada kewangan; kedua, tidak ada penyelarasan; dan ketiganya tidak ada fasiliti-fasiliti yang membolehkan mereka memadam api apabila berlakunya api kecil. Jadi, saya kira dengan ada bantuan yang sedemikian ini, menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sungai Petani, sikit? Sikit sahaja, sikit?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey saya bagi Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu ya. Ini berita terkini, Yang Berhormat Sungai Petani. Saya tidak mahu *bulldoze statement* Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Dia ada *gostan* sikit sebab Yang Berhormat Sungai Petani beritahu tadi, Yang Berhormat Sungai Petani cakap bahawa kerajaan terdahulu dalam melaksanakan BR1M ada yang tidak layak mendapat bantuan, ada individu yang mempunyai 14 buah kereta, ada yang mempunyai 20 kereta, ada yang mempunyai 50 buah kereta.

Ini Yang Berhormat Sungai Petani, saya baca *WhatsApp* daripada seorang Ketua Jabatan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang, dia jawab apa kepada saya, "*Yang Berhormat Dato', mana mungkin kelulusan BR1M diberikan kepada orang yang tidak layak- yang ada 14 buah kereta, 20 buah kereta, out of topic...*" Dia cakap orang putih, saya cakap orang putih. Dia beritahu Yang Berhormat Sungai Petani, pendapatan RM4,000 ke bawah untuk *household income*, kemudian pendapatan RM2,000. Mana-

mana pemohon yang mempunyai syarikat yang domain *company* yang disyaki mendapat pendapatan melebihi daripada syarat pun tidak diluluskan. Itu saya tidak *disclosed* ketua jabatan tetapi salah seorang daripada ketua jabatan Kerajaan Pakatan Harapan sekarang.

Satu Yang Berhormat Sungai Petani, BSH ini lagi peluang untuk orang yang layak dapat, tidak dapat. Masyarakat Orang Asli, dia minta surat nikah, Orang Asli di kawasan Yang Berhormat ada tidak surat nikah?

Seorang Ahli: Surat nikah Orang Asli, saya ada.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya mahu tanya. Mana mereka hendak ada surat nikah Yang Berhormat Sungai Petani? Dahulu dia dapat BSH, sekarang langsung tidak dapat. Walhal, mereka sangat memerlukan bantuan BSH ini Yang Berhormat Sungai Petani. Minta Yang Berhormat Sungai Petani komen sikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, yang pastinya ialah kita mendapat laporan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa, dalam rekod yang lalu menunjukkan bahawa ada orang yang dapat BR1M ataupun dapat peruntukan BR1M itu...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Namun begitu, saya juga masih ingat ada juga "Datuk" dalam dua tiga orang yang lalu bila kita umumkan BR1M itu ada juga dua, tiga orang "Datuk" dipaparkan di dalam akhbar mendapat BR1M. Ini mungkin kesalahan teknikal.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi isu yang kita mahu sebut di sini ialah bagaimana kadang-kadang apa juga yang kita buat tetapi *boundary* ataupun kelulusan yang kita berikan itu tidak merangkumi pihak-pihak tertentu tetapi akhirnya ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan. Apa yang kita hendak sebutkan di sini ialah bagaimana kita memperkembangkan sistem itu. Itu sahaja.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dengan mengambil kira...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa, lagi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Adakah Yang Berhormat Sungai Petani setuju dengan saya bahawa data yang diperoleh itu- saya pun nampak sendiri ialah hasil kajian *big data* yang merupakan padanan antara nombor IC penerima

Bantuan Sara Hidup dan sebelum ini BR1M, dengan data JPJ. Jadi, itu bagaimana mereka peroleh data tersebut. Jadi, bukannya data itu tidak ada asas untuk didapati.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya memang tidak mungkin mereka mendapat data itu *just plug in from the air*, sudah tentulah data-data yang diterima itu data-data yang berasas, bukan sahaja mengikut IC tetapi juga mengikut kaedah-kaedah lain yang boleh kita dapati dengan mudah di masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terus beralih kepada...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi Yang Berhormat Sungai Petani janji nak bagi sedikit, boleh? Terima kasih.

Saya ingat yang BR1M tadi Yang Berhormat Sungai Petani, yang menyusahkan itu syaratnya sahaja. Dahulu, kami tidak ada minta surat nikah. Sekarang ini minta surat nikah, pakcik sudah jual kereta, mana hendak cari surat nikah lagi? Saya cakap, kalau tidak dapat, nikah baru, bagi sahaja surat nikah baru. Sampai macam itu mereka cakap.

Okey, saya mahu tanya yang sekolah tahfiz ya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani, tetapi hendak ingatkan Yang Berhormat Sungai Petani bantuan sekolah tahfiz ini pada zaman kami pun sudah bagi. Mungkin Yang Berhormat Sungai Petani boleh terima.

Hanya mahu tanya pendapat pandangan Yang Berhormat Sungai Petani sebagai Ahli Parlimen, peruntukan diluluskan di dalam Dewan, apakah nanti- Yang Berhormat Sungai Petani setuju tidak seperti tahun lepas diluluskan di dalam Dewan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh bagi *mock cheque* kepada Yang Berhormat Menteri Agama peruntukan itu.

Adakah logik pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Sebagai Yang Berhormat Menteri Kewangan, apa motif dia bagi *mock cheque* kepada Yang Berhormat Menteri Agama, peruntukan tahfiz? Sedangkan kita luluskan. Jadi, kalau tahun ini juga berlaku, bahawa nanti ada satu Majlis, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan bagi *mock cheque* kepada Yang Berhormat Menteri Agama, adakah Yang Berhormat Sungai Petani setuju atau tidak dengan cara ini?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bagi saya, *mock cheque* itu ialah *form* yang penting ialah *substance*. *Substance* ini ialah duit. Kita berjanji hendak bagi maahad tahfiz, soalnya mungkin dia serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Agama kerana Yang Berhormat Menteri Agama yang mempunyai rekod, dia agihkan lah. Yang itu *form* sahaja lah, ya. *Substancenya* yang penting.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau begitu, semua kementerian, Yang Berhormat Menteri kena beratur lah? Ini Yang Berhormat Menteri

Pendidikan kau punya *mock cheque*. Yang Berhormat Menteri Belia, kau punya *mock cheque*. Bukan macam itu?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Inilah indahnyanya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi lah dasar yang betul, penjelasan yang betul.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang. Inilah indahnyanya Parlimen kita. Pembangkang akan memberikan teguran, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin pihak Yang Berhormat Menteri akan mendengar teguran ini dan dia akan *adjust accordingly*. Terima kasih.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, di samping...

Tuan Yang di-Pertua: Tinggal 38 minit lagi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa 38 minit lagi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, kerajaan mestilah bertegas dan berani dalam melaksanakan keputusan untuk mempertahankan- ini isu nelayan kita daripada dicerobohi dan nelayan dari negara asing, dan dari nelayan tempatan yang menggunakan pukot dan kaedah-kaedah lain yang merosakkan ekosistem lautan kita.

Nelayan pesisiran pantai juga mesti dipertahankan. Di samping menangkap ikan, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang dicadangkan oleh kerajaan tadi- Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, *reverse* sekali saya baca *page* silap Tuan Yang di-Pertua. Depa dok kacau saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Banyak juga celahan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul, betul. Saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menaikkan elaun sara hidup nelayan daripada RM200 kepada RM250 ya. Sebelum, di kawasan saya ada sedikit nelayan, tetapi yang penting sekali, saya yakin di bawah Kerajaan Pakatan Harapan nelayan tidak perlu mendengar syarahan berjam-jam lamanya sebelum mendapatkan elaun mereka.

Jadi, saya mahu minta supaya mana-mana pihak janganlah menggunakan platform untuk memberikan elaun ini kepada nelayan-nelayan, terpaksa mendengar syarahan-syarahan yang kadang-kadang memakan berjam-jam lamanya.

Saya juga ingin meminta kerajaan mempermudah nelayan mendapat lesen mereka. Birokrasi yang melampau, mengecewakan nelayan yang mahu menaik taraf

kehidupan mereka. Di samping itu, kerajaan mestilah tegas dan berani dalam melaksanakan keputusan untuk mempertahankan nelayan-nelayan dari kawasan mereka dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing dari nelayan tempatan yang menggunakan pukot dan kaedah-kaedah lain yang merosakkan ekosistem lautan. Nelayan persisiran pantai juga mesti dipertahankan.

■1550

Di samping itu, kerajaan mestilah bertegas dan berani dalam melaksanakan keputusan untuk mempertahankan nelayan-nelayan dari kawasan mereka dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing, dari nelayan tempatan yang menggunakan pukot dan kaedah-kaedah lain yang merosakkan ekosistem lautan. Nelayan persisiran pantai juga mesti dipertahankan. Tuan Yang di-Pertua, di samping menangkap ikan di laut yang luas, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua dan ingin menyeru kerajaan melihat peluang-peluang membangunkan ternakan ikan tawar di darat.

Kita ada terusan, sungai, paya, tali air, tasik. Saya kira medan yang belum diterokai secara komersial dan bersasaran adalah ternakan ikan tawar. Saya difahamkan protein ikan laut dan ikan tawar sama kedudukannya. Kami di Kedah Tuan Yang di-Pertua ada dua, kita sama-sama Tuan Yang di-Pertua juga orang Kedah. Kita di Kedah ada dua kekuatan termasuk Baling dalam bidang pertanian dan ramai rakyat Kedah dilihat terlibat dalam padi dan getah.

Terima kasih kerana kerajaan memperuntukkan RM200 juta untuk bantuan musim tengkujuh kepada pekebun getah dan RM100 juta untuk insentif pengeluaran getah. Apa yang baik kita ikut, tidak ada masalah itu. Namun, saya menyeru kerajaan agar melipatgandakan penyelidikan agar getah boleh menjadi bahan-bahan yang lebih luas penggunaannya. Kajian menggunakan getah sebagai sebahagian daripada pembinaan jalan raya telah lama kita dengar tetapi masih lagi belum dibuat secara besar-besaran dan secara komersial. Oleh sebab itu kita belum mendengar apakah hasil yang sewajarnya.

Saya juga ingin melihat kerajaan memperkembangkan hasil pengeluaran padi kita. Sebagai negeri Jelapang Padi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani, getah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apakah pandangan Yang Berhormat Sungai Petani terhadap dasar baru kementerian yang tidak lagi memberikan

geran apabila getah itu ingin ditanam semula. Katalah getah ingin ditanam semula kepada tanaman sawit ataupun sawit hendak ditanam semula kepada sawit yang baru, sawit lama, sawit tua berumur 20 tahun lebih perlu ditanam semula. Apakah pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Dahulu kita bagi geran, kita bagi wang tanpa pinjaman, sekarang ini kementerian telah menukar kaedah kepada pinjaman dan ini membebankan kepada lebih kurang 600,000 orang pekebun kecil yang ingin menanam semula. Adakah Yang Berhormat bersetuju, kita bagi pinjaman. Kerajaan dahulu bagi geran, apakah pandangan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya melihat ada dua isu di sini. Pertama sekali, adakah ia polisi yang dibuat oleh kementerian yang sama atau kementerian yang berbeza? Saya difahamkan, kementerian di FELDA. Kalau di FELDA, berbeza dengan kementerian primer industri. Oleh sebab itu saya ingat polisi itu mungkin berbeza seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi ia akan teruskan sistem yang lama kecuali berlaku perbezaan yang saya tidak perasan. Akan tetapi saya ingat ya, kementerian yang berbeza.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat telah diumumkan oleh Menteri bahawa bantuan tanaman semula yang secara geran itu dihentikan dan bantuan tanaman semula itu hanya sebagai pinjaman. FELDA dia lain Yang Berhormat, dia ada hal-hal lain tentang FELDA ini. Okey.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, kita minta Menteri menjawab ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita kembali kepada padi tadi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya melihat walaupun...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: ...Saya minta sedikit...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Pengeluaran padi berjumlah 855 ataupun RM855 juta diperuntukkan...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: ...Penjelasan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Namun hal-hal berkaitan dengan kualiti benih dan subsidi baja masih menghantui kami. Sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Berkaitan dengan perikanan tadi. Ada beberapa pandangan daripada persatuan-persatuan nelayan ini berkaitan dengan Dasar Perikanan Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Satu yang mereka minta ialah supaya dikaji semula dasar 50 peratus perikanan akuakultur di samping 50 peratus perikanan marin. Ini kerana dilihat nampak ada masalah ketika perikanan akuakultur ini

diangkat sangat tinggi. Di antaranya kesan kepada ekosistem itu sendiri termasuklah soal pukut tunda.

Perikanan akuakultur memerlukan ikan baja daripada marin. Jadi, ketika itulah nelayan-nelayan besar ini dia menggunakan pukut tunda untuk *supply* kepada perikanan akuakultur menyebabkan rosaknya ekosistem kita. Jadi minta Yang Berhormat, mungkin kita minta kementerian pertanian melihat balik dasar pertanian ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya bersetuju supaya kementerian melihat dasar ini kerana ada pandangan daripada pihak-pihak Yang Berhormat sebutkan tadi. Namun begitu, saya kira dalam menjawab permintaan ikan laut, kita bising kerana ikan kembung sampai RM18, RM20 satu waktu itu. Sedangkan kita mempunyai tanah, sungai, paya yang kita tidak terokai untuk kita mula membuat secara komersial bagaimana ternakan ikan tawar ini seperti contohnya di negeri saya di Kedah. Ini kawasan-kawasan yang amat luas yang kalau boleh komersialkan dan ini akan sekali gus menyelesaikan banyak masalah bukan sahaja daripada segi pemakanan tetapi juga pendapatan untuk orang kampung yang hidup kita di Kedah ini kebanyakannya di sekitar kawasan-kawasan lembah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Lenggong sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sedikit, isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pun memang ada dalam bajet ini perkara-perkara berkaitan dengan insentif kepada petani dan nelayan walaupun hakikatnya ia masih kurang berbanding dengan apa yang telah pun diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Cuma saya hendak sebut di sini nampak dengan jelas dalam bajet ini tidak kelihatan peruntukan dibuat kepada inovasi teknologi iaitu untuk memangkinkan pengeluaran input dan output. Ini kurang, maknanya kita masih lagi memberikan bantuan tetapi untuk meningkatkan teknologi, untuk meningkatkan output dan input ini kurang. Apakah pandangan Yang Berhormat kerana kalau ini tidak diberikan perhatian, maka ia memberi kesan kepada sektor ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, saya kira ini boleh dimainkan oleh agensi lain seperti TVET. Sementara kita hendak menunggu yang ada sekarang ini, kita didiklah anak-anak yang akan datang, *insya-Allah...*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Jauh lagi itu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak ada masalah, tidak ada masalah. Baik. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ini ialah negara-negara seperti Taiwan, Thailand, Vietnam dan beberapa negara lain telah jauh meninggalkan kita dari segi hasil keluaran padi ataupun *yield* ini. Kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kerajaan tidak memberikan penekanan betul-betul terhadap kualiti. Ada dua. Pertamanya ialah kualiti benih, kedua ialah baja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah petani-petani khususnya padi ini. Pertama, benih yang tidak berkualiti walaupun diumumkan berkualiti tetapi hakikatnya yang sampai kepada petani tidak mempunyai kualiti. Kedua, baja bantuan yang sampai tidak tepat pada masanya dan sebab itulah kita ada masalah, tanam padi khususnya sekarang ini kita buat padi serak ini, baja tidak sampai selepas itu air datang pula, belum pun padi itu dapat serap akarnya ke bumi baja tidak sampai akhirnya apabila air datang, habis hilang.

Oleh sebab itulah kita tengok saban tahun, setiap kali sampai sekarang ini musim hujan seperti ini, sekiranya baja tidak sampai pada waktunya, maka kita akan menghadapi bahawa padi itu akan mati dan di sawah itu akan ada lompong-lompong yang akhirnya...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Tidak memberikan apa-apa.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Komen sedikit fasal...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: ...Kenaikan harga benih padi di pasaran sekarang ini. Benih padi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya kira ini sesuatu yang luas dan amat diperkatakan oleh kami khususnya di Kedah. Kita tidak faham kenapa harus ada monopoli. Ada pihak-pihak kalau di Kedah itu, dua sahajalah yang ada monopoli. Jadi harus ada ketegasan oleh kementerian untuk membuka *supply* benih ini kepada lebih daripada jumlah yang ada sekarang. Ini kerana kalau ada persaingan begini, saya yakin ada pihak-pihak yang akan mengeluarkan bukan sahaja benih yang baik tetapi juga harga yang akan turun oleh sebab persaingan ini.

Jadi, saya minta...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh minta...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sedikit Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, tidak nampak kenapa ini tidak boleh dilakukan. Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat, mungkin masih ingat di mana Yang Berhormat Menteri Pertanian Industri Asas Tani dahulu memberi jaminan iaitu sistem monopoli ini akan dihapuskan termasuk beras iaitu akan ada satu, dua syarikat yang akan diangkat oleh kerajaan.

■1600

Akan tetapi, sehingga hari ini janji itu sudah lenyap. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kementerian bagaimana saranan daripada Menteri sendiri yang sistem monopoli akan dihapuskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Untuk ini saya bersama dengan Yang Berhormat. Saya langsung tidak bersetuju tentang sistem monopoli, harus dibuka medan ini seluas-luasnya. Ini kerana, kalau ada monopoli yang teruk yang menjadi mangsa ialah petani-petani. Oleh sebab itu saya mencadangkan kalau belum diusahakan untuk membuka peluang ini kepada orang ramai khususnya petani-petani itu sendiri yang berkemampuan untuk membekalkan benih ini saya kira kerajaan harus bertindak dengan serta-merta sebelum kita sampai ke musim seterusnya. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat, sedikit lagi tentang padi ini. Sik, Sik...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu yang kita agak rasa terujalah yang telah di umum oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. RM30 juta padi pulut di Langkawi ini. *Depa* hendak tanam tanah Langkawi ini. Tanah atas laut kah, di mana? Jadi, ada kewajaran kah ditanam di situ? Di Langkawi ini?

Kedua, di Kedah kita sendirinya di Sik ada projek padi organik yang telah diangkat kerajaan negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun pergi tengok di Sik. Akan tetapi, nampak tidak ada langsung bajet untuk penanam padi organik ini. Seterusnya sedikit lagi, tentang isu padi ini. Ada ura-ura pihak kementerian akan menandatangani satu yang dipanggil konvensyen yang berkaitan UPOV ataupun yang disebut Perlindungan Varieti Baru untuk benih padi ini. Maksudnya, satu konvensyen yang kita akan terikat dengan pihak luar di antarabangsa soal benih.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju untuk pihak kementerian melihat balik beberapa pandangan NGO-NGO pertanian ini supaya dilihat ia ada kesan buruk kepada industri padi kita ini. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat. Yang Berhormat pertama sekali, mungkin satu kajian mendalam telah pun diadakan sebab itulah kerajaan membuat keputusan untuk tanam padi pulut di Langkawi. Yang itu saya rasa kementerian sudah ada *research*. Yang kedua, saya setuju supaya kerajaan memberikan sedikit penekanan kepada padi organik ini khususnya yang telah dimulakan oleh anak-anak muda dari Kedah yang memulakan padi organik ini di Sik. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik ialah, banyak *researcher* yang datang dari luar negara termasuk Francis dan Itali yang datang ke Sik untuk melihat bagaimanakah padi organik ini yang sebenarnya jauh lebih baik kualiti kalau dibandingkan dengan padi yang menggunakan *chemical* atau baja yang berunsurkan *chemical*.

Satu lagi yang menarik Tuan Yang di-Pertua, ialah rakyat tidak kesah tentang harga kerana rakyat sekarang ini ada yang mempunyai pemikiran bahawa dia sanggup berbelanja lebih membeli beras organik berbanding dengan beras yang dihasilkan melalui baja *chemical* ini. Saya kira kerajaan harus melihat ini sebuah satu peluang di mana saya difahamkan di Indonesia mereka telah tanam padi Malaya. Nama pun padi Malaya dan ini saya kira satu yang boleh membantu petani-petani kita kerana walaupun mungkin padi organik ini hasilnya tidak setara dengan padi *chemical* yang menggunakan baja *chemical* tetapi dia boleh *top-up* dengan harga organik yang jauh lebih mahal daripada padi yang menggunakan baja *chemical*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada pelancongan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bercakap soal cara atau kaedah untuk menambahkan hasil pengeluaran padi dan beras negara. Akan tetapi, jarang kita bercakap soal kawasan padi luar jelapang. Sebenarnya, kawasan padi luar jelapang ini adalah juga merupakan suatu kawasan yang luas dan masalah utama Yang Berhormat ialah masalah pengairan. Terlalu banyak kawasan-kawasan tanaman padi luar jelapang ini yang mana pengairannya hanya mampu untuk menampung tanaman padi sekali setahun.

Bayangkan kalau ia boleh ditanam dua kali setahun? Apa yang saya dapat lihat dan saya tanya pada beberapa pihak yang berkaitan. Contohnya, kawasan padi luar jelapang hanya mampu untuk mengeluarkan lebih kurang 3.5 maksimum, 3.5 tan padi untuk satu hektar. Bayangkan kalau dapat dilipat gandakan pengeluaran ini sudah tentu ia akan membantu di dalam soal rizab padi negara.

Boleh tidak Yang Berhormat kalau kita minta khusus daripada pihak kerajaan, kementerian untuk melakukan suatu kajian dan juga peruntukkan yang khusus untuk sistem pengairan prasarana untuk kawasan padi luar jelapang ini. Setuju tidak Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya juga tertarik sebab itu di Sik di antara punca kenapa mereka tanam padi menggunakan organik ini kerana masalah perairan. Akan tetapi, apabila mereka memperkenalkan padi organik ini rupa-rupanya hasilnya jauh lebih baik walaupun ia tidak mempunyai air sebanyak yang kita harapkan tetapi hasilnya jauh lebih baik dan ia mendapat *demand* yang lebih luar biasa daripada rakyat yang hendakkan padi organik ini. Saya rasa mungkin salah satu yang kerajaan boleh buat ialah untuk memberikan bantuan kepada mereka yang padinya luar jelapang untuk memulakan tanaman padi organik yang akhirnya mungkin kita boleh jadi *champion* kepada pengeluaran padi organik di masa hadapan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua dengan mengatakan bahawa, sektor pelancongan saya ibaratkan sebagai gadis sunti yang cantik tetapi tidurnya terlalu lena dan lama. Ini sebab – *beauty queen who overslept* Tuan Yang di-Pertua. Sementara dunia berlumba-lumba perkemasan dan berusaha menarik pelancong ke negeri masing-masing tetapi kita terlalu lembap dan tidak bertindak secara pantas. Kementerian ini nampak tidak agresif untuk berbincang dengan semua pihak untuk terokai bidang pelancongan terutamanya dengan kerajaan-kerajaan negeri sedangkan bidang ini tidak perlukan pelaburan fizikal yang banyak.

Kita sepatutnya mengambil kesempatan sebagai negara yang dikelilingi oleh air, sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan di Sarawak. Laut kelilingi kita. Banyak negara dunia yang kedudukannya sebagai *landlocked* termasuk negeri-negeri di China yang ramai rakyatnya berduit mahu belanja tetapi mereka tidak pernah melihat air, sekarang mereka hendak tengok laut dan hendak tengok sungai. Inilah negara yang patut mereka datang dan melawat di Malaysia.

Kita juga mesti mengambil kesempatan, kerana kita berjiran dengan Thailand, Singapore, Indonesia yang ekonomi negara ini sudah ke hadapan dan rakyatnya mahu melancong. Jadi, kita patut– banyak tempat-tempat yang menarik di negeri ini tidak ada *connectivity* sebenarnya, untuk pergi ke satu-satu tempat susah dan tidak terurus. Apa yang saya maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sungai Petani. Sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kita mempunyai banyak tempat. Cukup banyak. Akan tetapi, hendak sampai tempat itu, ya Allah punya susah dan kadang-kadang orang tempatan pun tidak tahu yang betapa indahnya seperti di Baling...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sungai Petani, sedikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Seperti di Sik. Ya, Yang Berhormat Sik. Teruskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya hendak tanya sedikit. Berkaitan dengan pelancongan khususnya kita di Kedahlah Yang Berhormat Sungai Petani. Pelan kerajaan yang hari itu telah di umum oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk bina lapangan terbang di Kulim ini? KXP ini, RM1.6 bilion. Antaranya ialah hendak tarik ramai pelancong turun ke Kedah.

Akan tetapi, nampak dalam bajet yang di bentang tidak ada sebut sepatah pun ini? Lapangan terbang ada? Tidak ada *kot*. Tidak dengar. Jadi kah projek lapangan terbang untuk Kulim ini? Jadi, kalau nampak *ding-dong, ding-dong* di situ orang Kedah kecewalah dengan pembentangan bajet ini khususnya untuk Lapangan Terbang Kulim, untuk hendak tarik pelancong turun ke Sik ke Sungai Petani. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya. Saya pun tidak tengok dalam bajet itu ada ini mungkin PFI *kot*. Mungkin itu PFI. Jadi, yang itu dia akan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat. Oleh sebab pelancongan ini, Baling ini di antara tempat yang patut diberi keutamaan, kawasan luar bandar selain daripada pertanian adalah kawasan pelancongan. Dia panggil *virgin*. Air terjun dia, hutan dia, semualah. Jadi, banyak kelulusan yang telah diberikan oleh kerajaan terdahulu tetapi pada hari ini saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat boleh masukan dalam ucapan Yang Berhormat, segala kelulusan yang telah dibuat terdahulu semuanya telah dibatalkan sehinggalah Air Panas Lenggong, ada kawasan komunis sejarah dan kawasan tasik yang diluluskan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang waktu itu.

Sebanyak RM10 juta pun mereka sudah batalkan dan untuk makluman lagi satu Yang Berhormat. Yang Berhormat hebatlah hari ini bercakap hampir dua jam tetapi Menteri seorang pun tidak ada. Ada seorang sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat Yang Berhormat. Terima kasih.

■1610

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Sungai Petani, Hulu Rajang. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Sungai Petani mengenai pelancongan. Sarawak adalah sangat— siapa tidak kenal Mulu Cave, *it's the world heritage*. Jadi, saya minta Yang Berhormat Sungai Petani, Kementerian Pelancongan harus memberi peruntukan yang secukup ataupun memberi sepenuhnya prasarana yang supaya pelancong-pelancong dari luar negeri datang ke Mulu. *One of it, is direct flight* kalau boleh dan selain daripada itu kita ada *Niah Cave* dan pagi tadi saya mendengar Yang Berhormat Menteri Pelancongan, safari.

Baleh-Kapit *Raft Safari* adalah satu tarikan pelancong tetapi tidak juga Yang Berhormat Menteri Pelancongan sebut tadi. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri Pelancongan supaya memberilah peruntukan kepada dana kepada setiap negeri atau bahagian di negeri Sarawak supaya pelancongan dapat dari luar negara untuk melihat negeri Sarawak sebagai satu destinasi kita.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, terima kasih Yang Berhormat Baling. Seperti yang saya sebutkan bahawa negara kita mempunyai segala-galanya. Kita ada laut, kita ada pantai, kita ada tasik, kita ada air terjun, kita ada gunung, kita ada bukit, kita ada hutan tropika, kita ada rakyat yang berbilang kaum, yang menganut pelbagai agama, kita ada rumah ibadat yang banyak, yang cantik. Tapi semua ini kita tidak *marketkan* dan akhirnya ia tinggal menjadi bahan-bahan yang tidak memberi manfaat kepada kita sedangkan manfaat itu kalau berada di tempat lain, sudah tentu mereka akan mengambil kedudukan yang jauh lebih baik daripada kita.

Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Thailand, pergi Krabi lah. Saya ingat Yang Berhormat Baling selalu kita pergi Krabi Yang Berhormat Baling ya. Krabi bukan ada apa pun. Ada *ayaq* pun, ada kebun, biasa tetapi rakyat pergi ke Krabi dari seluruh dunia. Kita pun kadang-kadang pening, pasai apa depa pergi Krabi, tidak mai Pantai Merdeka. Kita pun hairan. Jadi orang datang bawa anak bini, bawa keluarga. Begitu juga dengan Yang Berhormat Hulu Rajang kata isunya sekarang ini ialah kita punya *marketing plan*, satu. Kita tidak jual betul-betul apa yang kita ada.

Kedua pula seperti yang Yang Berhormat Jerlun tanya tadi kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh itu, duit itu daripada kita buat pesta-pesta makan, pesta itu, pesta ini, saya bimbang ini, kita untuk Tahun Melawat Malaysia Tahun 2020 yang ini yang kena peruntukan yang cukup banyak RM1.1 bilion. Takut-takut kita buat pesta. Sedangkan pesta tidak selesai masalah. Yakni yang masalah kita ialah tempat-tempat

untuk melancong. Tandasnya, kedudukan keselamatannya itu, dia punya infrastruktur, ini yang lebih penting daripada membelanjakan duit untuk pesta. Saya rasa harulah kerajaan melihat bahawa yang kita perlukan ialah *investment* yang akan memberikan peluang pekerjaan dan juga pendapatan yang berterusan. Silakan Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi saya peluang. Saya cukup tertarik apabila Yang Berhormat cakap fasal pelancongan tadi. Tahun depan kita akan mengadakan *Visit Malaysia Year*. Inilah satu pulangan yang cukup lumayan sekali kepada negara kita. Akan tetapi dalam masa yang sama, kenapakah kita kuatkuasakan untuk *exit tax* kepada semua pelancong-pelancong.

Sepatutnya, *exit tax* ini kita masukkan dalam tiap-tiap ejen supaya mereka yang datang itu tidak terasa sangat. Kedua, Melaka sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan yang terbesar sekali. Patutnya Kerajaan Persekutuan bukan sahaja memberikan peruntukan yang secukupnya untuk memastikan supaya semua produk-produk pelancongan dapat dipertingkatkan.

Bahkan, kita mahu sebahagian daripada pendapatan daripada hasil pelancongan tadi diberikan terus kepada kerajaan negeri supaya mereka dapat mempertingkatkan lagi produk-produk masing. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Jasin. Kadang-kadang *exit tax* itu mempunyai konotasi yang agak negatif. Orang hendak datang ke Malaysia, lepas itu hendak keluar Malaysia dia kena bayar lagi. Kadang-kadang dia jadi masalah. Sebab itu, saya cadangkan supaya dikaji semula ataupun kita perkenalkan kaedah lainlah untuk dapatkan *tax* ini.

Kedua ialah apabila kawasan-kawasan produk pelancongan daripada negeri-negeri, Kerajaan *Federal* merasakan bahawa itu tanggungjawab kerajaan negeri. Perlu diingat kerajaan negeri ada kekangan dia. Dia ada *financial problem* dan *constraint*. Sebab itu kalau sekiranya kita ada dana yang cukup— kerana ini *investment* Yang Berhormat Jasin, betul tidak? Ini *investment*, lebih baik kita *invest* sekarang untuk dapatkan lima ke enam tahun pulangan dengan kempen kita. Kempen mesti berlaku dengan produk yang kita telah pun ubahsuai.

Maknanya kalau kita kempen, orang datang-datang tengok keadaan berserabut, ini memberikan pandangan yang negatif kerana bila dia datang tengok kawasan kita yang contohnya dia hendak *pi* ke Gua Inai, di Baling. Itu lima gua dalam satu gunung. Lupa sudah nama gunung itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Gunung Pulai.
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Gunung Pulai. *[Menuding jari]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak minta cakap sikit kalau boleh. Campur sikit masuk dalam ucapan Yang Berhormat. Hari ini kita tengah kempen Save Gunung Pulai. Gunung Pulai ini ada kayak di bawah dan yang ada lima lagi gunung-gunung di dalam terowong itu. Hari ini difahamkan mereka hendak *pi* buat macam-macam. Mereka hendak hancurkan tempat itu dengan pembangunan yang tidak menentu, yang tidak mendatangkan faedah. Yang Berhormat Menteri Besar hari ini tidak dengar. Jadi, saya harap yang bakal Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini boleh bantu kami untuk tengok kan Gunung Pulai ini. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya... *[Disampuk]*

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Sungai Petani. Sikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Merbok.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Saya harap dah alang-alang dah sebut fasal Kedah, saya juga ingin mengingatkan bahawa di Kedah ya kalau Tapak Arkeologi Sungai Batu ternyata lebih 2,000 tahun, lebih tua daripada Angkor Wat di Cambodia dan lebih tua daripada Borobudur di Jawa, Indonesia. Kita memang ada *potential area* itu. Jadi saya mohon respons.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Itu yang kita sebut tadi bahawa kita ada di Sarawak, ada di Baling, ada di Sik dan juga di Merbok. Ini ialah produk-produk yang baik. Kalau kita hendak *spend* duit *Visit Malaysia Year 2020*, RM1.1 bilion dan orang datang dan dia datang-datang terkejut tengok macam Yang Berhormat Baling kata tadi tempat yang cantik sungguh. Saya hendak kempenlah kepada Yang Berhormat. Sila *pi* Baling lah, *pi* tengok gunung dia cantik sungguh.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Gunung Jerai, Gunung Jerai.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ada gua dan sebagainya. Akan tetapi kalau dia *pi*, *pi* tengok berserabut, dia tidak *mai* dah lepas ini. Dia tidak akan balik *mai* cerita *mai*, *mai* Malaysia. Sebab itu, kita kena pastikan duit yang kita dapat peruntukan RM1.1 bilion digunakan semaksimumnya untuk memastikan produk yang kita ada itu...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, pohon laluan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...yang dijaga baik dengan harapan kita menjana pendapatan untuk berurusan. Silakan Yang Berhormat *Cameron Highlands*.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat memberitahu tadi. Saya pun ambil kira jugalah *ecotourism* di kawasan-kawasan Orang Asli kerana penempatan mereka ini cukup banyak tempat yang menarik-menarik dan saya rasa perlu diberi *emphasize*. Ini kerana secara tidak langsung akan dapat memberi sumber pendapatan pada masyarakat Orang Asli di pedalaman. Saya berharap sangat perkara ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju dengan Yang Berhormat *Cameron Highlands*. Kali pertama saya melawat Taiwan, kali pertama. Perkara yang pertama sekali disebut oleh pegawai yang bertemu kami di *airport*, dia kata negeri kami ini ada tiga jenis kelompok *Taiwanese*. Satu Taiwan yang beragama Islam, yang beragama Kristian, Buddha tetapi satu lagi *aborigines* dia kata, orang asal.

Maknanya bagi dia, dia *promote* orang asal, dia kata kalau *you* hendak, Yang Berhormat hendak tengok, kita akan bawa mereka. Mereka ini memang suatu yang luar biasa cantiknya. Nampak. Jadi, inilah yang tidak ada pada kita kadang-kadang. Kita anggap sebagai orang asal ini dia macam itu saja. Akan tetapi kita tidak menggunakan, kalau *quote and unquote wordnya* ialah satu produk yang baik, yang luar biasa kehidupan mereka yang tidak akan kita jumpa di mana-mana. Saya... [Disampuk]

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya sokong Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ada tujuh minit lagi. Saya hendak terus ke- untuk mengatakan bahawa kerajaan telah mengambil ketetapan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Namun begitu, ia terjejas akibat berlakunya beberapa skandal yang semua kita tahu dan saya tidak mahu ulang di sini dan kita semua terdedah dalam satu jumlah kewangan yang besar. Walaupun, kita rasa tertekan tetapi kita sebagai rakyat Malaysia berbangga kerana bila kerajaan memberi jaminan yang kita tetap komited untuk membayar semua obligasi pinjaman yang diwarisi daripada pentadbiran yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya begini. Walaupun kita mempunyai hutang dan sebagainya, tetapi isu yang di depan kita ialah kerajaan telah pun membuat

keputusan untuk membayar semua hutang-hutang kita dan ini memberikan kita suatu kedudukan yang mana walaupun ini kita terpaksa lunaskan hutang-hutang itu. Akan tetapi sebagai rakyat Malaysia walaupun kita sedih, tetapi kita rasa puas kerana inilah janji kerajaan untuk yang baru, untuk melunaskan hutang-hutang yang telah pun kita tanggung sekarang ini.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak sebut di sini ialah bagaimana kita harus memperkukuhkan institusi tadbir urus dan integriti kerana kalau sekiranya kerajaan yang lalu telah pun membuat beberapa kesilapan dan akhirnya menerima padah daripada kesilapan tersebut, ini tidak bermaksud setelah pun kerajaan yang lama mempunyai pengalaman mentadbir 60 tahun kalau berbandingkan kerajaan baharu. Maknanya, jangan ulangi masalah yang telah diulang dahulu, kerana ini juga boleh berlaku kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Oleh sebab itu, kecelaruan kita ini harus kita hentikan dan kita merasakan bahawa harus ada kekuatan untuk memperkukuhkan institusi tadbir urus dan integrasi bagi memastikan negara ini terselamat daripada masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini. Di negara kita yang ada segala-galanya, saya kira minyak, gas, hutan, bumi yang subur, negeri yang dikelilingi oleh laut dengan rakyatnya sekitar 30 juta sahaja tidak mampu mengeluarkan rakyatnya dari kemiskinan.

Disebabkan oleh keadaan ini, masih ramai yang berada dalam kumpulan B40 dan khususnya mereka yang di Kelantan, di Kedah, Sabah, Sarawak dan juga Perlis. Oleh sebab itu, saya amat sokong agar Pelan Anti Rasuah Nasional yang diperkenalkan mesti diperkemas sejak diperkenalkan pada 29 Januari 2019 hingga kini. Saya difahamkan 115 inisiatif telah pun diperkenalkan dan dari jumlah inisiatif ini, 15 peratus telah dilaksanakan. Ini termasuk melaksanakan pengisytiharan harta oleh Menteri dan Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Parlimen.

Saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan yang mahu tingkatkan tahap tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan prinsip cekap, akauntabiliti dan telus. Kita akan sokong apabila 100 orang kakitangan bagi memperkemas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2020. Kita rasa amat lega apabila kerajaan akan mengukuhkan unit integriti di sebuah kementerian dan agensi di semua kementerian. Tuan Yang di-Pertua, kita negeri kaya, amat kaya. Akan tetapi, rakyatnya masih kekal miskin. Di mana salahnya?

Oleh sebab itu, saya yakin dengan usaha-usaha kerajaan memperkukuhkan institusi tadbir urus dan integriti ini adalah hala tuju yang betul bagi membetulkan

keadaan yang terbabas pada masa yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, semasa menjadi pembangkang, sentiasa meminta agar kita berlaku adil kepada teman-teman kita yang berada di Sabah dan di Sarawak. Saya akan ulangi, saya akan terus bercakap tentang isu Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak adalah wilayah dalam Malaysia. Tanpa mereka, siapalah kita.

Saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Sabah dan Sarawak tertinggal jauh sekian lama. Inilah masanya kita sebagai kerajaan yang berpaksikan kepada rasa rakyat dan cita rasa rakyat boleh membetulkan keadaan. Dalam bajet kali ini, dari sejumlah RM1 bilion yang diperuntukkan untuk jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa Sabah mendapat RM326 juta dan Sarawak mendapat RM224 juta. Dua negeri terbesar di negara kita yang mendapat peruntukan yang besar ini.

Di samping itu, kita komited untuk siapkan Lebuhraya Pan Borneo, tetapi proses rasionalisasi kos telah dibuat dan hasil penjimatannya ialah sebanyak RM1.2 bilion. Di bawah kerajaan yang baharu ini dalam Bajet 2018, Sabah dan Sarawak merupakan penerima tertinggi pemberian kerajaan. Pada tahun 2018, Sabah mendapat RM1.14 bilion dan Sarawak mendapat RM1.3 bilion. Akan tetapi, *alhamdulillah* hasil daripada kerja kuat kita pada tahun 2020, *insya-Allah* Sabah akan mendapat RM5.2 bilion, manakala Sarawak mendapat RM4.4 bilion. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Just sentence* dia ya. Pemberian khas di bawah Perkara 112...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada satu minit lagi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Di Perlembagaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada geran persekutuan. Sejak tahun 1969, kadar pemberian khas tahunan sebanyak RM26.7 juta untuk Sabah dan RM16 juta untuk Sarawak belum pernah disemak semula. Buat pertama kalinya, sejak tahun 1969 pada Bajet 2020, kerajaan akan gandakan kadarnya iaitu pada RM53.4 juta untuk Sabah dan RM32 juta untuk Sarawak.

Kerajaan juga akan mengadakan kadar pemberian khas sehingga RM106.8 juta untuk Sabah dan RM64 juta untuk Sarawak dalam masa lima tahun. Isunya Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa mengatakan bahawa *what is yours, is yours, what is ours, is ours*. Jadi, oleh kerana Sabah dan Sarawak sebahagian daripada kita, kita mesti memberikan hak-hak mereka apa pun jua. Ini kerana, tidak adil untuk kita mengambil hak orang lain, memperkukuhkan diri kita sedangkan mereka tertinggal jauh. Ini gara-

gara kita terlepas pandang bagaimanakah berlaku adil kepada mereka. Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jika boleh, RM4.4 bilion Sarawak, RM5.2 bilion Sabah dari segi keluasan Sarawak lagi luas dan negeri dia lagi memerlukan. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani jika ditingkatkan untuk Sarawak lebih daripada apa yang dapat oleh Sabah dan bagaimana tentang 20 peratus royalti minyak yang dijanjikan? Kenapa tidak ditunaikan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya kira sebagai permulaan seperti yang saya katakan sejak tahun 1969, tidak pernah diadakan satu *review* pun. Ini ialah permulaan *review* yang baik dan kita mengharapkan pada tahun-tahun hadapan diberikan kadar yang lebih saksama dan ini akan memungkinkan kita hidup sebagai rakyat Malaysia yang menikmati apa juga yang *Allah Ta'ala* beri kepada kita dan sama-sama kita bangunkan negara ini demi untuk masa depan untuk anak-anak kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Rembau, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Batang Sadong dan diikuti oleh Yang Berhormat Jeli. Sila, 20 minit.

4.28 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya mengambil bahagian perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Belanjawan 2020 ini dibentangkan dalam persekitaran dunia yang sangat-sangat mencabar. Mengikut *US Federal Reserve, the trade war and geopolitic has increased likelihood of a recession in the medium term*, dengan izin. Belanjawan juga telah dibentangkan dalam keadaan ekonomi negara yang terus merudum jauh dari impian menjadi Harimau Asia.

Ekonomi Malaysia semakin menjadi tikus dengan kemerosotan dalam segala indikator. Wawasan kemakmuran bersama satu konsep yang bagus, tetapi seperti mana falsafah ekonomi negara sejak tahun 1971, pertumbuhan itu diperlukan untuk pengagihan, *growth with equity* dengan izin. Pembahagian keberhasilan hanya boleh dikecapi apabila ada pertumbuhan. Kalau tidak ada *growth*, apa yang pesat, apa yang

hendak diagihkan. Tahun depan, pertumbuhan disasarkan serendah 4.2 peratus. Defisit fiskal yang disasarkan pada 3 peratus, angka yang disahkan oleh Kajian Separuh Penggal tidak sampai setahun yang lepas telah pun diumumkan bahawa tidak dapat dicapai.

Segala indikator mikro melukiskan tinjauan ataupun *outlook* yang sangat pesimis untuk negara Malaysia. Siapa boleh lupa janji kalau Barisan Nasional turun, Ringgit akan meningkat, akan naik. Sebelum PRU14, saya ingatkan Dewan ini nilai RM3.85 = USD1.

■1630

Selepas 523 hari pentadbiran baharu, RM4.18 untuk USD1. Susut sebanyak lapan peratus. Mungkin ada yang memberi penjelasan ini terhad kepada *U.S. Dollar* sahaja, *unfortunately that's not the case*, dengan izin. Banding dengan Yen jatuh 6.5 peratus, banding dengan *Hong Kong Dollar* jatuh enam peratus. Banding dengan Rupee India jatuh, banding dengan *New Taiwan Dollar* jatuh, banding dengan Riyal Arab Saudi jatuh 5.6 peratus.

Akan tetapi mereka mungkin kata tetapi di rantau ini kita lebih kurang sama dengan jiran-jiran kita. Kita merosot tiga peratus dengan Dolar Singapura, 10 peratus dengan Baht Thailand, lima peratus dengan *Indonesian Rupiah*, 6.3 peratus dengan Peso Filipina, 3.9 peratus Dong Vietnam, 5.7 peratus dengan *Cambodian Riel*. Jadi, kita tidak boleh pakai alasan *trade war*, *geopolitics*. Ringgit merosot bukan hanya berbanding *U.S. Dollar* tetapi dengan hampir semua mata wang jiran kita.

Bila nilai mata wang ini merosot Tuan Yang di-Pertua, teori ekonomi mengajar bahawa eksport negara itu akan berkembang. *Exports become cheaper as your currency depreciate* dengan izin, dan ini boleh membawa keuntungan kepada negara. Malangnya, keadaan itu pun tidak berlaku. Walaupun mata wang kita lemah, eksport kita susut. Kalau kita lihat tempoh Januari-Ogos untuk tiga tahun sebelum ini, eksport sentiasa bertumbuh. Tahun 2016 Januari-Ogos naik sebanyak satu peratus, tahun 2017 naik sebanyak 22 peratus. Tahun lepas kembali perlahan tetapi masih lagi positif 68 peratus. Akan tetapi tahun ini, Januari hingga Ogos eksport kita dalam keadaan ringgit kita merosot telah menguncup sebanyak 0.4 peratus.

Jadi, di situ pun tidak dapat hendak melihat apa-apa keuntungan yang datang daripada nilai mata wang ringgit yang sudah jadi begitu merosot sekali. Kalau kita tengok *indicator* yang lain, walaupun pasaran saham itu bukanlah segala-gala *indicator*. Akan tetapi kalau kita tengok sejak 523 hari pentadbiran Pakatan Harapan, indeks KLCI menjunam sebanyak hampir 16 peratus. Mungkin ini adalah trend daripada semua

emerging market sebagai contoh. Jadi, saya buat perbandingan penting. SDI Singapura naik 0.7 peratus, Thailand naik 2.2 peratus, Filipina empat peratus, Shanghai 18 peratus, Bombay 45 peratus, Nikkei 7.7 peratus.

Jadi, kita— *something is wrong somewhere* Tuan Yang di-Pertua. Sebab ini bukan konteks Malaysia *tracking* yang lain. Akan tetapi di konteks ini, Malaysia satu-satu negara yang mana pasaran modal kita atau *capital market* kita terutamanya pasaran saham merudum dengan begitu teruk sekali. Bloomberg menyatakan bahawa *worst major stock market in the world* dan juga mata wang ringgit kita masih lagi lemah dan tidak ada sinar di hujung terowong, dengan izin.

Jadi, apabila kita melihat kepada *indicator macro* yang lain Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan dan kekhawatiran ini semakin bertambah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh sedikit Yang Berhormat Rembau?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sedikit sahaja. Tinggal 20 minit sahaja. Ringkas. Padat. *Please*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Penurunan lebih kurang 300 mata KLCI itu menghilangkan lebih kurang RM400 bilion daripada pasaran ekonomi Malaysia. Apakah langkah yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan sekarang untuk mengembalikan pasaran saham?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Adalah untuk menyuntikkan keyakinan, untuk membuat pelaburan, untuk melihat supaya GLC-GLC kita tidak terus dijual asetnya, tetapi dikembangkan lagi asetnya. Akan tetapi sebaliknya apa yang dilihat adalah tidak ada usaha langsung untuk melihat kepada keyakinan pelabur dalam kita kembalikan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya. Bukan hanya itu, saya dapat angka-angka yang terbaharu yang mengatakan bahawa pelaburan swasta— itu pelaburan pasaran saham. Ini pelaburan swasta, *private investment*. Dalam keadaan *public investment* itu kurang disebabkan kekangan fiskal dan sebagainya, pelaburan swasta separuh pertama 2019 tahun ini merudum 1.9 peratus. *Business* tidak melabur. *They are not investing in machinery, in equipment* sebab tiada hala tuju yang jelas dari segi ekonomi dan ada *political uncertainty*.

Tadi dibangkitkan soal peralihan kuasa, jadi bahan jenaka dan sebagainya. Saya hendak sebut bahawa saya jumpa dengan ramai pelabur-pelabur antarabangsa dan mereka sebut bahawa masalah peralihan kuasa ini bukan hanya masalah politik, bukan masalah bahan jenaka politik. Akan tetapi ini adalah masalah yang serius apabila tidak

ada satu *timeline* yang jelas yang mengatakan bila akan berlakunya peralihan kuasa ini, *businesses do not invest*.

Ini adalah maklum balas yang saya terima daripada syarikat-syarikat tempatan ataupun pelabur daripada luar negara yang mengatakan bahawa Malaysia unik di mana keputusan untuk buat pelaburan itu banyak berkait dengan *political certainty*. Sekarang ini keadaannya *political uncertainty*. Disebabkan tidak ada satu peralihan yang jelas, maka berlakulah apa yang kita lihat hari ini pelaburan swasta merudum pada separuh tahun pertama pada tahun ini dan ini adalah satu *indicator* yang teruk sebab apabila merudum maksudnya *business* tidak buat *investment* untuk beli *machinery* baharu dan saya harap mungkin daripada belanjawan ini akan ada sedikit pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh berkenaan dengan disiplin fiskal. Disiplin fiskal yang ada pada bajet ini. Saya dah sebutkan tadi bahawa defisit tiga peratus yang kita sasarkan daripada dulu tidak dapat dikecapi, sekarang ini 3.2 peratus. Akan tetapi persoalan yang lebih serius Tuan Yang di-Pertua, adalah bagaimana untuk jangka masa sederhana dan akan datang kerajaan akan dapat meningkatkan pendapatan. Sekarang ini kita melihat bahawa Petronas sudah mula semula menjadi *piggy bank* untuk kerajaan kita.

Kalau dahulu tahun 2016 dan 2017, apabila kita kenalkan GST, kita telah kurangkan *dependency* dengan izin, kebergantungan kita kepada hasil petroleum sampai tahap 14.6 peratus pada tahun 2016. Sebab kita hendak *diversify source of income* bagi kerajaan ya. Hari ini sudah kembali pada paras 20.7 peratus. Tahun lepas tolak dividen khas Petronas 19.3 peratus. Sekarang ini 20.7 peratus. Mana usaha untuk kita menjadi sebuah negara yang kalis masa hadapan, *future-proof*? Apabila kita masih lagi melihat Petronas sebagai satu-satunya kebergantungan hasil pendapatan kerajaan meningkat. Petronas meningkat, bukannya dikurangkan tetapi meningkat ya.

Itu belum lagi sebut tentang GST. Bagaimana GST telah mewujudkan satu kelompongan dalam hasil kerajaan yang masih lagi tidak dapat diisi oleh SST. Tidak termasuk, tidak tercakup apa yang kita tidak nampak iaitu ketirisan yang sedang berlaku yang sudah pasti tidak dapat kita *quantify* pada hari ini apabila kita kembali kepada sistem SST daripada GST. Jadi persoalan di sini adalah bagaimana kita hendak kurangkan hutang negara yang semakin meningkat— bukannya turun, semakin meningkat. Bagaimana kita hendak kurangkan defisit negara bila tidak ada satu hala tuju yang jelas di manakah akan datang pendapatan negara untuk tahun-tahun yang akan datang ya?

Saya melihat bahawa untuk tahun ini mungkin dapat lagi daripada Petronas dan sebagainya. Akan tetapi ini *short-term* dan ini bukanlah satu langkah jangka masa panjang yang dibuat oleh Barisan Nasional dahulu untuk kita memperluaskan asas cukai kita ataupun *tax based* kita. Sebab itu, kita tingkatkan lagi *indirect tax*. Bukan senang-senang kita buat. Kita buat kerana kita tahu bahawa *tax based* kita terlalu kecil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada isu-isu yang khas. Saya melihat bahawa tidak ada *game changer* dalam belanjawan ini. Saya melihat ada banyak yang diteruskan dasar Barisan Nasional disebabkan teguran daripada pihak sini. Saya ucapkan terima kasihlah sekurang-kurangnya diteruskan dasar-dasar Barisan Nasional. Terima kasih kerana meneruskan dasar BN, memberi elaun sara hidup untuk nelayan walaupun RM250, kita bagi RM300 dahulu. Dahulu tidak bagi, tegur, bagi semula.

Terima kasih kerana mengembalikan bayaran musim tengkujuh kepada penoreh getah yang pada tahun lalu telah dimansuhkan walaupun Menteri kata boleh keluar menoreh pada musim hujan. Terima kasih kerana akhirnya bersetuju pemberian subsidi petrol secara bersasar dan bukannya secara pukal. Tadi Yang Berhormat Sungai Petani tidak betul. Dia kata ini kali pertama kita buat subsidi bersasar. Tidak, kita dah buat dah. Kita kaitkan dengan Bantuan Rakyat 1Malaysia dahulu, boleh sahkan oleh Bank Negara Malaysia.

Akan tetapi ada juga banyak perkara yang tidak disentuh. Baucar buku yang diminta oleh mahasiswa, yang dijanjikan oleh Menteri Pendidikan dalam dialog di Universiti Malaysia, Kelantan pada bulan Mac yang lepas tidak disebut langsung. Yang Berhormat Lenggong, ini ucapan belanjawan yang bersejarah kerana ini ucapan belanjawan yang pertama dalam mungkin 10 ke 20 tahun yang langsung perkataan PTPTN tidak disebut. Langsung. PTPTN tidak disebut sebab malu hendak sebut.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak berani. Tidak berani.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Malu hendak sebut sebab manifesto tidak dapat ditunaikan ya.

■1640

Sekurang-kurangnya sebutlah kalau tidak dapat ditunaikan ya. Zaman Barisan Nasional kita juga bagi diskaun. Diskaun itu pun tak nak bagi lagi dah. Kalau *consistent payment* kita bagi diskaun dahulu. Akan tetapi sekarang langsung tidak sebut PTPTN, malu. Apa sesi libat urus yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan hendak keluarkan kerangka dasar baru PTPTN, *krik, krik* langsung tidak ada dalam belanjawan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh beberapa langkah-langkah khusus dan saya hendak bagi teguran sedikit kepada kerajaan. Ada banyak perkara yang kita setuju tidak apa. Ini kita secara membina kita mainkan peranan kita sebagai pembangkang.

Pertama adalah #MalaysiaKerja atau #Malaysian@Work. Saya ambil daripada dokumen kerajaan sendiri, tinjauan ekonomi 2020. Apakah sebab berlakunya pengangguran. Isu tersebut termasuk ketidakpadanan antara permintaan dan penawaran buruh, pengangguran berterusan dalam kalangan belia yang baru menamatkan pengajian tidak penuh dalam kalangan tenaga kerja mahir dan apabila ditengok, graduan Bumiputera menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan yang sesuai disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kemahiran *interpersonal* dan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah.

Selain itu wujud juga ketidakpadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh industri dengan kelayakan yang diperoleh oleh graduan bumiputera. Jadi, masalah utama pokok dalam isu pengangguran ini adalah masalah kemahiran, masalah *mismatch*, ketidakpadanan, masalah mereka tidak ada *skills*, kemahiran dan sebagainya. Bukannya masalah hendak bagi tambahan RM500 – RM500 itu pun bukan dia dapat seperti mana yang disahkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. *Fine print* yang ada dalam ucapan belanjawan bukannya dia dapat setiap bulan RM500 itu. Jumlah RM500 itu masuk dalam KWSP. Dia kena tunggu sampai dia bersara baru dia dapat.

Sebanyak RM300 itu pergi kepada majikan. *You are just throwing money after the problem*. Berapa ramai majikan akan dapat RM300 satu kepala itu akan ganti *foreign labour*, buruh asing dengan pekerja tempatan. Kalau ganti pun ini bukan *high paying job*. Ini *low paying job*. Masalahnya, masalah *skill*. *Shouldn't be Malaysians work, should be MalaysiaSkills, #SkillMalaysia*. Itu masalahnya. Bukan masalah hendak bagi duit kepada majikan, hendak bagi duit dalam KWSP. Akan tetapi masalah mereka tidak ada kemahiran. *They are unemployable* bukan *unemployed*. *They are unemployable*. Jadi, saya harap perkara ini dapat diperhalusi kerana saya melihat bahawa ini bukanlah satu cara yang dapat selesaikan masalah pengangguran di kalangan belia.

Kedua, saya hendak sebut tentang nilai ambang pemilikan warga asing. Sudah disebut ketua pembangkang tadi tetapi ini hantar satu signal yang sangat tidak baik kepada pemaju-pemaju rumah. *What is a signal?* Dalam teori ekonomi maksudnya *moral hazard*. *Moral hazard* apabila dia beritahu kepada *developer*, tidak mengapa. Kalau lain kali ada *overhang*, kerajaan akan *step in* dan kita akan bagi pengecualian kepada

foreigner untuk beli unit-unit pangsapuri sampai RM600. Sebanyak RM600 adalah nilai yang *reasonable* yang boleh dimiliki oleh rakyat Malaysia tetapi kerana ada *overhang*, kita tidak mahu paksa *developer* ini turunkan harga, kita masuk dan kita bagi supaya mereka dapat jual kepada *foreigner*

Saya ambil kenyataan daripada *National House Buyers Association*. Bukan *developers association*, bukan *developer* tetapi Persatuan Pembeli Rumah Malaysia. Mereka kata bahawa *when current property owners see that the government has lowered the threshold from RM1 million to only RM600,000, existing property owners in secondary market will also want to capitalize on the situation and increase the selling prices of the current properties.*

Maksudnya bukan hanya satu *moral hazard* yang mana signal yang kita hantar kepada pemaju adalah bahawa mereka boleh bina rumah ikut suka hati mereka. Kalau tidak dapat jual, kerajaan akan buat apa sahaja langkah untuk jual sama ada kepada rakyat Malaysia ataupun warga asing. Akan tetapi ini akan menyebabkan inflasi juga kepada harga-harga rumah yang lain. Jadi saya setuju sangat dengan apa yang ketua pembangkang kata tadi. Ini bukan dasar untuk rakyat. Ini dasar untuk pemaju-pemaju hartanah. *This is a property developer* punya dasar. Jadi, saya harap dasar ini dapat diperbetulkan.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan September satu dunia gegar dengan mogok iklim, *climate strike*. Tidak ada sepetah pun daripada Kerajaan Pakatan Harapan tentang *climate change* dalam belanjawan ini- ada lah sebut *electric masses*, *afterthought* mungkin. Akan tetapi tidak ada satu komitmen daripada kerajaan sebut tentang bagaimana kita hendak menanganinya, tidak disebut pembersihan lautan, pemuliharaan terumbu karang dan macam-macam lagi dalam konteks *climate change*.

Jadi, saya risau bahawa apabila kita melihat remaja-remaja satu dunia telah mogok pada bulan September, bangkitkan isu *climate change* di UN dan sebagainya tetapi dalam ucapan daripada kerajaan yang kononnya kalis masa depan, yang ada disebut sekarang ini Kementerian *Climate Change*, dahulu perkataan *climate change* itu ada tetapi sepetah pun tidak sebut tentang *climate change*.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, *Visit Malaysia Year*. Satu inisiatif yang penting untuk dapat pendapatan bagi negara kita. *Visit Malaysia Year* akan bermula dalam tiga bulan lagi. Baru sekarang hendak umumkan insentif. Insentif penganjuran program, insentif untuk dibawa konsert dan sebagainya. Ramai orang sudah buat *planning* untuk pergi ke negara mana tahun depan, dia sudah beli tiket dan sebagainya. Baru sekarang hendak melepaskan batuk di tangga, baru tiga bulan hendak umumkan insentif dan

sebagainya. Kita hendak dapatkan konsert daripada artis terkemuka, kena buat *booking* dua tahun sebelum *event* tersebut. Akan tetapi di sini bukan hanya levi pelepasan tetapi tidak ada pemikiran hendak menstrukturkan bagaimana kita dapat pulangan yang terbaik daripada *Visit Malaysia Year*.

Kelima, adalah berkenaan dengan *economic diplomacy*. Ini soalan daripada pagi tadi ya. Kita langsung tidak ada strategi *economic diplomacy*. Pergi luar negara banyak, saya tengok pergi luar negara ambil Ijazah Doktor Kehormat dan sebagainya. Dahulu kita ada *economic diplomacy*. Setiap menteri yang ada, setiap kali kita keluar, kita mesti bawa pulangan kepada negara kita.

Akan tetapi hari ini tidak ada. Oleh sebab itu minta untuk menstabilkan harga kelapa sawit, minum sesudu setiap hari. Bukannya *economic diplomacy*. Jaga hubungan dengan India kita yang sekarang sudah marah kepada kita, memperluaskan pasaran kita di negara China dan sebagainya. Akan tetapi langsung tidak ada usaha untuk mengembalikan harga komoditi dengan stabil melalui *economic diplomacy*.

Keenam, saya hendak tanya apa sebenarnya di sebalik usaha untuk menggabungkan empat bank ini. Bank Pembangunan, Dana Jamin, SME Bank dengan EXIM Bank. Disebut bahawa DFI ini semua akan disatukan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, bank-bank ini semua ada tujuan-tujuan khusus. SME Bank untuk PKS, EXIM Bank untuk yang hendak eksport, Dana Jamin jamin modal dan juga Bank Pembangunan untuk infrastruktur.

Jadi, kerisauan saya apabila DFI semua ini digabungkan, maka kita akan melihat bahawa tujuan asal yang mereka ini ditubuhkan itu akan cair dan tidak akan ada lagi pengkhususan untuk membantu membangunkan ekonomi dan sektor-sektor tertentu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dua minit lagi adalah berkenaan dengan mySalam ini. MySalam ini skim insurans dengan mudah, *Great Eastern* tidak mahu mematuhi *equity local*. Dia bagi duit RM2 bilion kepada kerajaan dan daripada RM2 bilion itu kerajaan guna untuk bayar premium balik kepada *Great Eastern* untuk bagi perlindungan kepada mereka yang ada 45 penyakit sekarang ini.

Saya hendak tahu, berapa ramai yang telah terima bayaran daripada mySalam ini? Saya dapat angka daripada Kementerian Kesihatan pada 22 Julai, tujuh bulan skim ini diperkenalkan, tuntutan hanya RM1 juta sahaja. Premium yang dibayar RM400 juta. Maksudnya, *Great Eastern* sudah terima RM400 juta semula daripada RM2 bilion yang dibagi, dia dapat RM400 juta. *Premium payment*, dia hanya bayar RM1 juta sahaja dan sekarang ini *they are seating on RM399 million. What do insurance companies do when they seat on money? They don't seat on money, they invest that money.*

Jadi, saya hendak tanya, saya hendak tanya memang betul Kementerian Kewangan kata duit yang tidak dibelanjakan itu akan dipulangkan kepada tabung mySalam. Akan tetapi apa pula dengan keuntungan yang didapati oleh syarikat insurans tersebut? Tidak akan dia hendak simpan itu juga. Sepatutnya dipulangkan juga keuntungan yang dia dapat daripada pelaburan tersebut. Barulah kita melihat sistem ini telus. Akan tetapi apa yang kita lihat hari ini adalah skim ini dibuat oleh Kementerian Kewangan tetapi dikendalikan oleh *Great Eastern, it is not undertaken by a government agency*. Ini dikendalikan oleh syarikat insurans swasta.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tahu sudah tamat masa. Saya ingin mengulangi apa yang disebut oleh ketua pembangkang tadi yang pertamanya saya rasa bajet ini tidak dapat melindungi negara kita daripada *exogenous shock* ataupun gegaran daripada luar, *geopolitics, trade war* dan sebagainya.

■1650

Kedua, bajet ini gagal kalis masa depan negara kita dan bajet ini memang menguntungkan pihak kapitalis dan bukannya rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batang Sadong, akan mengetuai GPS, saya bagi tempoh lebih masa 30 minit.

4.50 ptg.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Dengan kesempatan masa yang terhad ini saya akan menumpukan perhatian dan perbahasan saya dengan topik berhubung dengan Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyangkal sekeras-kerasnya tuduhan Yang Berhormat Bagan yang secara jelas ia merupakan satu pembohongan. Beberapa hari lalu Yang Berhormat Bagan telah menghina rakyat Sarawak dengan menggelar kami sebagai pengemis yang tamak. Sedangkan kami selaku wakil rakyat daripada Gabungan Parti Sarawak hanya melaksanakan tanggungjawab melalui belanjawan negara. Yang Berhormat, kalau tidak mahu mendengar tutup telinga.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Where do you see it?*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jangan tanya saya di sini, baca *news paper* dekat Sarawak. Kami di Sarawak bukanlah golongan yang bersikap

'hard to please' dengan izin kerana Sarawak dan Sabah hanya menerima lebih kurang separuh daripada peruntukan pembangunan yang dijanjikan dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan. Kita tahu dan sedar di manakah hak kita yang perlu dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang diperuntukkan adalah RM9.6 bilion atau sama dengan 17.1 peratus daripada keseluruhan dana pembangunan Belanjawan 2020. Daripada jumlah tersebut Sarawak dan Sabah masing-masing hanya mendapat RM4.4 bilion dan RM5.2 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah wajar rakyat Sarawak dihina sebegini rupa.

Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat Menteri memang tiada sedikit pun timbang rasa kepada GPS tetapi adakah sanggup Yang Berhormat Menteri menghina rakyat Sarawak dengan belanjawan mungkir janji seperti ini. Sikap Menteri sekarang sudah berbeza dari sikap sebelum PRU ke-14. *[Disampuk]* Saya tidak perlu ulang, sila tengok video sendiri. Supaya Menteri tahu apa yang Menteri telah nyatakan. Sebelum PRU lain dia punya sikap berbanding apabila sudah menjadi kerajaan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mohon penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula Yang Berhormat. Saya tidak bagi apa-apa, saya hendak habiskan saya punya ucapan dahulu. Awal tahun ini Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Kalau macam itu saya ingin rujuk Peraturan Mesyuarat 36(12).

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Menteri cuba menempelak Sarawak dengan berkata, "*Rizab Sarawak banyak...*"

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(12). *I think you understand, you are senior MP.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Peraturan Mesyuarat 36(12) "*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis.*" Saya ingin dapat penjelasan, di manakah sumber yang telah menyatakan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan telah mengatakan bahawa rakyat Sarawak itu pengemis saya ingin tahu sumbernya. Sekiranya tidak, saya minta Yang Berhormat Batang Sadong tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Minta penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, apakah perkataan *'begging and beggar'* dalam perkataan Inggeris itu kalau di *translate* kepada bahasa Malaysia? *Begging...*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Where is the source?*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ini dari *news paper* kita di Sarawak bacalah sendiri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *News paper* di Sarawak...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat, saya banyak urusan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Baiklah kami akan tunggu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kena sendiri cari, okey. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Don't twist the facts.*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya tidak ada masa untuk urusan begini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Don't twist the facts in this August House.* Yang Berhormat *responsible about your speech. You are senior* Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *I am being responsible that is why I am asking what it means by 'begging and beggar' dalam bahasa Melayu.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You should ask your state government that.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *Then now you are changing your opinion then.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Batang Sadong minta teruskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta saya tidak hendak layan ini sebab sekarang dia tukar lagi kepada suruh kerajaan negeri pula, kena tanya kerajaan negeri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat, *that's none of your business.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya orang Sarawak saya lebih tahu, saya ada perasaannya rohnya ada di dalam kami sini. *[Tepuk] [Dewan riuh]* Awal tahun ini Yang Berhormat Menteri cuba menempelak Sarawak dengan berkata, "*Rizab Sarawak banyak, jadi mengapa kerajaan negeri tidak menggunakan untuk membayar hutang?*" Enam bulan kemudian beliau datang ke Sarawak ya, tukar pula kenyataan Yang Berhormat Menteri apabila secara terang-terang menyatakan, "*Sarawak akan bankrap.*" Betulkan? Betulkan dalam Dewan ini beliau telah menyatakan begitu?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jadi prinsip kita Tuan Yang di-Pertua, prinsip kita ialah dengan izin, *federal should not finalize Sarawak for its financial prudent.* Kami Sarawak berpegang kepada prinsip ini, "*Kalau itu cara kami mengurus finance kami dengan izin, itulah yang harus kami perolehi dan do not try to control us from asking what should be given to us.*" Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang rizab banyak kemudian bankrap, yang mana betul dan yang mana pula bohong? Yang Berhormat Menteri bukan saja seronok menghina dan memperbodohkan rakyat Sarawak tetapi pandai bermain wayang. Dalam masa dua tahun apabila tiba musim pilihan raya negeri nanti di Sarawak, saya amat yakin Yang Berhormat Menteri sudah bersiap sedia dengan skrip wayang baharu.

Tidak tahulah apa yang akan dicanangkan dan dimomokkan nanti untuk rakyat Sarawak pada waktu itu, yang pasti rakyat Sarawak bukanlah sebodoh dan sehina seperti mana anggapan Yang Berhormat Menteri. Bahkan orang Sarawak sudah katakan cerita '*pebulak*'. Tanyalah, cari lah *dictionary* apa perkataan '*pebulak*' itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengumumkan geran khas dinaikkan daripada RM16 juta kepada RM32 juta. Ini dikatakan kononnya menepati kehendak di bawah Artikel 112D. Kata Yang Berhormat Menteri pada zaman pemerintahan kerajaan dahulu langsung tidak pernah membuat sebarang kajian semula geran khas tersebut. Di sini ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa

kerajaan dahulu iaitu Kerajaan Barisan Nasional, pada tahun 2018 telah membuat perjanjian untuk mengkaji semula geran khas negeri Sarawak selaras dengan peruntukan Perkara 112 Perlembagaan itu.

Sebenarnya saya terlibat dalam perbincangan dan mesyuarat. Kita ada tujuh mesyuarat, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ada tiga kali dan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU ada empat kali. Itu bermula lebih awal daripada itu, daripada tahun 2017 kalau tidak silap dan pada hari ini saya difahamkan kebanyakan dokumen yang dirujuk adalah dokumen yang telah kami gunakan dahulu. Jadi saya tidak kisah, saya ucapkan terima kasih itu menunjukkan dokumen yang kami guna dahulu adalah amat relevan untuk dirujuk pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa sebuah Jawatankuasa PEMANDU *Malaysia Agreement 1963* (MA63) atau dikenali sebagai JKP MA63 telah ditubuhkan pada tarikh 5 September 2018 dan telah mencapai persetujuan secara muafakat mengenai proses kajian semula geran khas selaras dengan peruntukan Perkara 112D, Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri terlampau angkuh untuk mengambil kira proses JKP MA63 itu.

Pengumuman beliau secara unilateral adalah jelas bercanggah dengan proses penyelidikan dan perbincangan mengenai jumlah amaun geran khas yang dikendalikan oleh JKP MA63. Tuan Yang di-Pertua, JKP MA63 telah mencapai keputusan sebulat suara pada mesyuarat bertarikh 5 Mac tahun ini bahawa harus ada kajian semula yang menyeluruh dan Kementerian Kewangan diminta untuk memanggil, menyemak dengan kadar segera mengenai geran khas untuk negeri Sarawak.

Namun pada 25 Mac 2019 ini, Kementerian Kewangan menyatakan bahawa kementerian itu sedang membuat kajian semula sendiri dan masih juga menunggu *respond* daripada agensi-agensi berkaitan tanpa memberi kepentingan terhadap keputusan JKP MA63.

■1700

Kita perlu ingat Tuan Yang di-Pertua, bahawa Pengerusi adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Siapakah yang lebih berkuasa? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atau Yang Berhormat Menteri Kewangan? So, lagi kita melihat sikap angkuh dan sombong Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah kerajaan kenalah putih hati atau ikhlas dalam soal pemerintahan negara dan bukan hanya pandai membuat pengumuman polisi untuk meraih sokongan politik semata-mata. Terdapat beberapa pengumuman belanjawan

mengenai infrastruktur dan peruntukan adalah kurang jelas apabila menyentuh tentang kepentingan negeri Sabah dan Sarawak. Contohnya, saya kena menyentuh nama Sabah kerana ia selalu menyentuh mengenai dirangkumkan jumlah menyentuh mengenai Sabah dan Sarawak. Jadi, kita hendak tahu berapa banyak Sarawak.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh tanya sedikit? Ya, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sedar kah bahawa pembentangan bajet baru-baru ini langsung tidak menyentuh soal royalti minyak? dan tidak menyentuh soal percukaian daripada Sabah dan Sarawak yang harus di pulangkan kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? apakah belanjawan ini adalah merupakan satu manifestasi untuk memandang rendah lagi dengan rakyat Sabah dan Sarawak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersetuju dengan soalan itu akan tetapi saya hendak mendengar apakah jawapan Yang Berhormat Menteri? Memang saya bersetuju kerana mereka mengambil masa begitu lama Yang Berhormat. Jadi, saya rasa adalah tiba masanya kita mendengar apakah sebenarnya yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa MA63 itu Yang Berhormat. Jadi, saya minta soalan Yang Berhormat itu dimasukkan di dalam ucapan saya. Terima kasih.

Saya hendak memberi contoh sini Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dinyatakan tadi mengenai peruntukan yang saya sebutkan tadi memberi contoh mengenai kepentingan untuk negeri Sabah dan Sarawak di mana kita tidak pasti berapa banyak untuk Sarawak, berapa banyak untuk Sabah.

Misalnya isu pertama ialah Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM500 juta untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang memberi manfaat kepada lebih 30,000 isi rumah luar bandar. Di mana untuk Sarawak, di mana untuk Sabah;

Kedua, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM170 juta untuk membiayai kos pengangkutan dan peredaran barang asas ke kawasan luar bandar.

Ketiga, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM470 juta untuk Projek Bekalan Air Luar bandar bagi memenuhi akses kepada air bersih.

Keempat, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM250 juta untuk menyediakan akses jalur lebar melalui teknologi satelit.

Kelima, Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM783 juta untuk sekolah daif.

Keenam, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM316 juta untuk membina dan menaiktarafkan klinik kesihatan pergigian serta kemudahan kuarters.

Ketujuh, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM1.6 bilion untuk membina hospital baharu dan menaiktarafkan serta membesarkan hospital sedia ada.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapakah daripada peruntukan pokok ini telah diketepikan untuk Negeri Sarawak sahaja? Saya juga ingin bertanya, apakah pembangunan yang dimaksudkan di Sungai Simunjan dan di manakah lokasi secara terperinci pembangunan tersebut akan dibina. Ini adalah soalan yang telah dihantarkan kepada saya oleh orang kawasan saya dari Simunjan. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan secara terperinci untuk semua ketujuh-tujuh yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang mewakili suara rakyat Sarawak amatlah kecewa kerana pengumuman Belanjawan 2020 Jumaat lalu tidak ada menyebut langsung mengenai tinjauan parameter ataupun dalam Bahasa Inggerisnya *perimeter survey* dengan izin oleh Kerajaan Persekutuan. Adakah kaum Bumiputera di Sarawak tidak penting kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan hingga dipinggirkan begitu sahaja.

Jangan sesekali Yang Berhormat Menteri cuba menggunakan alasan bahawa itu bukan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini kerana kerajaan Barisan Nasional dahulu sebelum ini telah menyediakan...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Boleh mencelah?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...peruntukan sebanyak RM30 juta untuk negeri Sarawak. Sedar tak sedar, inilah.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Boleh mencelah sekejap. Fasal apa *perimeter survey*.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sekejap Yang Berhormat, jangan terlalu angkuh, jangan marah ya nanti P. Ramlee kata kena buang sungai. Sedar tak sedar, inilah cara halus Kerajaan Pakatan Harapan cuba menindas rakyat Sarawak dengan mengabaikan keperluan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi *chance* kepada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Saratok.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Tuan Yang di-Pertua, kita di Sarawak masih mempertikaikan *perimeter survey* seksyen 6. Seksyen 6 *Perimeter Survey* ini

sebenarnya adalah usaha kerajaan negeri Sarawak untuk menyediakan tanah menjadi Tanah Kerajaan.

Ini boleh dibuktikan di dalam satu perbicaraan yang telah dibuat dan Tuan hakim telah membuat keputusan bahawa seksyen 6 adalah Tanah Kerajaan. Kerajaan Persekutuan tidak akan terlibat atau bersekongkol dengan kerajaan negeri Sarawak untuk membawa tanah NCR ataupun Tanah Adat kepada Tanah Kerajaan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, cukup. Saya faham itu. Terima kasih.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya tidak akan setuju,...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Batang Sadong boleh minta penjelasan.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: ...sekiranya Kerajaan Persekutuan memberikan dana untuk *perimeter survey* Seksyen 6. Saya tidak setuju. Seksyen 18, saya setuju.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan Yang Berhormat Batang Sadong. Sedikit sahaja. Saya cuma hendak tanya penjelasan. Boleh ya?

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Boleh. Boleh.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tadi, Yang Berhormat Batang Sadong bercakap yang menindas itu Pakatan Harapan kepada hak-hak tanah orang Bumiputera di Sarawak. Akan tetapi, siap yang menindas? Orang yang merampas tanah itu yang menindas. Siapa yang merampas tanah itu? Itu semua hak kerajaan negeri bukan Pakatan Harapan. Jangan cuba mengelirukan Dewan ini. Siapa yang menindas sebenarnya?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah jelas lagi bersuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Terima kasih Yang Berhormat Saratok.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:Okey, Yang Berhormat Saratok sudah. Saya hendak jawab juga. Yang Berhormat Saratok ini adakah Yang Berhormat Saratok minta supaya Kerajaan Malaysia ini tidak— *not to recognize* kerajaan Sarawak? dengan izin. *You are not supposed to stand you know. I think that* Tuan Yang di-Pertua *you better applied your rules. When I speak, the other one should sit down.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini pakar pusing ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa teruskan. Cuma dia tak bercakap. Kalau hendak bercakap memang kena minta izin. Dia tak bercakap, teruskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya hendak *respond*. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila. *It's your turn now*.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Saratok mengatakan dia memang tidak bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan tidak memberi kepada Sarawak untuk *perimeter survey*. Saya hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini Sarawak adalah *the only state government*, dengan izin yang telah meluluskan undang-undang dari segi NCR *Land, Native Customary Rights land* ini. Terima kasih dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk komuniti-komuniti Bumiputera ini dan dibenarkan 1,000 hektar untuk komuniti.

Jadi, saya tidak tahulah Yang Berhormat Saratok itu juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri? Jadi, beliau bersetuju di Dewan Undangan Negeri. Kenapa di sini pandai berubah fikiran? Saya tak tahu pula. Jadi, saya hendak nyatakan di sini beliaulah yang menghalang mengatakan kita tidak boleh memberi kepada Bumiputera.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya tidak pernah setuju,

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kedua,...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya tidak pernah di setuju.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...tadi Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Boleh *check* rekod.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan orang...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...negerilah yang merampas tanah. Sila buktikan lah!

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Yang Berhormat Batang Sadong tidak betul, kenyataannya tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Saratok.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Dia menuduh saya setuju. Saya tidak pernah setuju.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat berada di Dewan Undangan Negeri dan bersetuju dan...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Memang saya berada di Dewan dan saya tidak setuju!

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Itu...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saya tidak setuju! Boleh rekod *Hansard*, tengok. Jangan hendak.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Hari ini...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Saratok, kita nanti beri ruang untuk memohon penjelasan. Tidak apa. Kita— ya. Baik.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Apa ini hendak membohongi Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, baik, terima kasih.

■1710

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat, saya merujuk kepada Dewan Undangan Negeri yang telah meluluskannya dan Yang Berhormat adalah Ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Ya, tetapi saya dalam Dewan tidak setuju.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat boleh berbahas untuk menyatakan apa Yang Berhormat rasa yang bersetuju atau tidak bersetuju. Yang Berhormat Batu Kawan *mind your business* okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Hei, hei shut up you!*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *Away from your people, okey.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Hei, shut up-lah you!*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah menjawab untuk Yang Berhormat Bandar Kuching tadi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong, Puncak Borneo.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, buktikanlah...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Minta laluan, boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Buktikanlah kepada Dewan. *Thats none of your business okay.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *It is my business okay.*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *This is not your floor [Dewan riuh].*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *I don't lie to the Dewan.* Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab untuk Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau ada yang dikatakan merampas tanah, *you better go to court and bring to court.* Itulah jadi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada sembilan setengah minit, okey.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong saya minta sedikit sahaja laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minta laluan sedikit sahaja.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di seluruh negara pada hari ini...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Bagilah laluan sedikit, saya pun hendak bagi penjelasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Hidup dengan kesengsaraan, begitu juga di Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu minta nanti sebentar...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kerajaan sekarang seolah-olah tidak terasa terpenggil untuk membela nasib mereka yang semakin hari, semakin susah. Kejatuhan harga kelapa sawit menyebabkan mereka kehilangan satu-satunya punca pendapatan. Lebih memburukkan keadaan, apabila Skim Tanaman Semula juga dibatalkan oleh Yang Berhormat Menteri Industri Utama.

Dahulunya Tuan Yang di-Pertua, mereka layak menerima bantuan kewangan sebanyak RM7,000 bagi setiap hektar yang diusahakan di bawah skim ini. Kini mereka terpaksa mengambil pinjaman sendiri untuk membiayai kos tersebut. Ini bukanlah isu main-main hingga boleh dipandang enteng oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Alasan Yang Berhormat Menteri Industri Utama adalah dengan izin saya *quote* di sini "*Mahu bersikap adil kepada semua pihak*". Hakikatnya tindakan menghentikan itu sekadar menonjolkan betapa bencinya Kerajaan Pakatan Harapan kepada orang kampung dan peneroka. Soalan saya hanya satu, adil kepada siapa sebenarnya keputusan yang diumumkan pada 5 Ogos 2019 lalu itu?

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, menerusi geran itu, maknanya RM375 untuk satu hektar bagi tempoh setahun. Untuk peneroka yang ada empat ekar mereka mendapat RM1,500 setahun sahaja sebagai geran atau RM125 sebulan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tanggal 16 September 2019 yang lalu iaitu pada tarikh bersejarah, Hari Malaysia, bumi Sarawak digemparkan dengan berita pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung atau pun MPKK. Di sini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Batang Sadong, boleh sedikit.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya ingin menggunakan ruang Dewan Rakyat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang mulia bahawa saya memikul amanah daripada rakyat Sarawak...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ingin bertanya kepada Kerajaan Pakatan Harapan, daripada peruntukan mana MPKK akan dibiayai. Apakah saluran pembayaran elaun-elaun ahli MPKK? Saya ingin mengingatkan para pemimpin Pakatan Harapan, jangan sampai orang bersuara mengatakan duit cukai daripada rakyat digunakan untuk tujuan politik dalam membayar elaun MPKK adalah lantikan politik yang hanya memihak kepada pihak parti Pakatan Harapan.

Untuk makluman Ahli Parlimen Subang, Sarawak sudah pun mempunyai sistem yang kukuh dalam menjaga kepentingan kampung-kampung yang terdiri daripada Ketua Kampung, Kapitan, Tuai Rumah...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Temenggung dan....

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minda sedikit laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Puncak Borneo, saya hendak habiskan yang ini dahulu. Jikalau saya ada masa, saya akan bagi *you chance*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian juga minta sikit.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Penubuhan...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pontian tidak payah.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Penubuhan dan pelantikan MPKK ini...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Dia selalu keluar.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sudah tentu...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Saratok juga hendak minta laluan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sudah tentu akan menyebabkan perselisihan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Isteri saya orang Sarawak, ada kaitan ini.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dan percanggahan...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Ini pasal Tuai Rumah tadi.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Secara *over lapping*.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Ketua Kampung tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta diteruskan dahulu.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, teruskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Soalan saya mudah sahaja, Kerajaan Pakatan Harapan sebenarnya mengutamakan keharmonian ataupun ingin membawa masuk budaya batu api sesama orang sendiri ke kampung-kampung di Sarawak. Logik kah satu kapal mempunyai dua nakhoda? Cukup-cukuplah parti politik dalam gabungan Pakatan Harapan berkelahi sesama sendiri. Sekarang bercita-cita ingin memecah belahkan rakyat Sarawak pula. Selama ini kekuatan kami di Sarawak adalah perpaduan dan keharmonian, tetapi Tuan Yang di-Pertua, semua ini bakal menjadi kenang-kenangan setelah parti-parti komponen parti Pakatan Harapan cuba mempolitikkan segala-galanya di Sarawak.

Penyokong Pakatan Harapan terlalu rakus dan gila kuasa sehingga mereka sanggup memecah belahkan orang kampung. Saya yakin – *keep your mouth shut okay*.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Watch your mouth*.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya yakin tidak perlu terlalu lama...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Batang Sadong tarik balik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya yakin tidak perlu terlalu lama...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Biadab dalam Dewan Rakyat ini!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei, Yang Berhormat Batu Kawan *you* jangan ganggulah hei *shut up you!*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Don't simply...*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini, dia asyik mengganggu. [*Dewan riuh*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Yang Berhormat Arau sit down, not your floor.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini *floor* dia.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau duduk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *He has been misleading the House. All sort of lies in the Dewan Rakyat by Yang Berhormat Batang Sadong.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Batu Kawan ganggu ini.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *You are not the Sarawakian, you do not know okay.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Batang Sadong, adakah ini perangai orang Sarawak yang kita hendak tunjukkan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan ini, ini bukan *floor* Yang Berhormat Batu Kawan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini biadab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Carry on, carry on*, ini bukan *floor* Yang Berhormat Batu Kawan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini bukan perangai orang Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]. Saya minta Yang Berhormat Batang Sadong, kita semua tidak dengar apa yang dia cakap, tetapi *from* daripada apa yang dinyatakan kita dengar sesuatu yang *you* dengar. Jikalau boleh tidak perlu dilayankan, teruskan dengan ucapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan layanlah itu Batu apa?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tidak perlu lama pun MPKK ditubuhkan. Penduduk Sarawak sudah berpecah

belah, sudah nampak pun. Pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan dari Sarawak harus sedar bahawa kesan...

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Orang GPS yang memecah belahkan rakyat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Teruk perbalahan antara pelbagai kaum di Sarawak. Bakal...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! *shut up you!*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bakal dirasai oleh kita sendiri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *It's not your floor now!*

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Eh Yang Berhormat Arau, *you* jangan kacau Yang Berhormat Arau!

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bukannya orang luar!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hai! Awaklah orang luar!

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Seterusnya menjadi tanggungjawab kita selaku anak jati Bumi Kenyalang. Adalah untuk mempertahankan keharmonian yang kita nikmati selama ini [*Tepuk*]. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan mesej dalam bahasa Iban dan bahasa Mandarin [*Berucap dalam bahasa Iban*].

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong, Puncak Borneo minta sedikit sahaja.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Disebabkan oleh BN itu.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dalam Mandarinnya [*Berucap dalam bahasa Mandarin*].

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: *You* orang yang buat masalah dahulu itu.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: GPS yang potong tebu itu. GPS, GPS.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan pada hari ini, saya juga suka ingin berkongsi dua pantun.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Batang Sadong, Pontian hendak tolong ini Pontian, Pontian hendak tolong.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo, Puncak Borneo.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hanya ada dua setengah minit sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, ya, sedikit sahaja.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sedikit sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sarawak adalah pengeluar lada hitam yang terbesar di Malaysia. Pada 2 April 2018, satu tan lada hitam adalah RM11,763, pada 1 Oktober 2019, dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, turun kepada RM7,400 satu tan, turun sebanyak RM4,363 setan. Betul! Ini bukan cerita bohong, dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan Sarawak juga adalah pengeluar kelapa sawit gred A, pada 2 April 2018 sebanyak RM529 setan, turun pada 1 Oktober 2019 kepada RM408 setan, ini gred A, gred B lagi teruk. Turun sebanyak RM121 setan, turun RM4,363 setan, turun lada hitam pengeluaran utama Sarawak. Apa pandangan Yang Berhormat Batang Sadong?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, sila Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya tidak ada banyak masa, jadi saya minta supaya apa yang disoal itu untuk dimasukkan dalam ucapan saya [*Tepuk*]. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dua pantun.

*Sifat munafik ialah berpura,
Tanpa memikir dosa pahala,
Pemerintah adil pimpin negara,
Rakyat akan jadi sentosa. [Tepuk]*

*Jika memilih tempat bergembira,
Pertama teluk kedua tanah tinggi,
Jika memilih pemimpin negara,
Pertama elok, kedua tunaikan janji.*

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hormat kepada masa yang diberikan kepada saya, saya mengucapkan terima kasih [*Tepuk*].

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ada satu minit lagi, Puncak Borneo boleh, bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh tanya soalan boleh, mohon penjelasan boleh.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya hendak beri penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Mohon, mohon penjelasan.

■1720

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Batang Sadong, saya hendak bertanya. Kerajaan Negeri Sarawak menubuhkan TV Sarawak, selepas itu Sarawak '**Coastal**' Enforcement. Adakah itu juga membelanjakan duit kerajaan dan

adakah itu juga memecahbelahkan penduduk negeri Sarawak? Saya juga ingin penjelasan, selama ini Kerajaan Persekutuan ada memberi peruntukan untuk penyukatan tanah adat. Kita boleh tanya dengan *Land and Survey*, tanah orang-orang yang disukat adalah tanah-tanah Menteri dan tauke-tauke besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Apa yang disukat cuma satu dua kampung. Apabila datang *election*, pilihan raya baru sukat satu kampung sebagai gimik pilihan raya. Mana duit yang selama ini berjuta-juta diberikan oleh Kerajaan Persekutuan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ini tidak adil. Orang yang menganiayai orang Sarawak adalah pemimpin Barisan Nasional dan JPS sendiri. Ini terbukti, saya ada data. Saya boleh keluarkan dalam Dewan ini.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau betul-betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Keluarlah, keluarlah, keluarlah.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Arau, diamlah.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau betul Yang Berhormat Puncak Borneo ada data, biarlah dia keluarkan. Saya bukan Menteri yang bertanggungjawab. Satu perkara dia kata, cuma waktu pilihan raya baru keluar tanah-tanah ini. Apa yang saya tahu, saya lihatlah, saya bukan dari kerajaan negeri tetapi saya perhatikan dari masa ke semasa memang *title* itu diberi dan penyukatan adalah *an ongoing process*, dengan izin. Jadi kalau itulah yang dikatakan, saya menyangkal tuduhan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Sekarang, tiba giliran Yang Berhormat Jeli. Saya berikan masa lebih sedikit kerana Yang Berhormat adalah Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet. 45 minit.

5.22 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. [Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya. Setelah kita berasap tadi, rakan kita Yang Berhormat Batang Sadong, saya harap kita dapat menenteramkan keadaan sedikit, aman dan tenteram, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana umumnya walaupun ada kritikan seperti biasa tetapi umumnya belanjawan diterima dengan baik. Tadi Ketua Pembangkang menyatakan atau menuduh bahawa belanjawan ini adalah belanjawan kapitalis, mungkin ada juga elemen-elemen tetapi apa yang pentingnya keseluruhannya membantu kesemua orang miskin, orang kampung, luar bandar dan tidak kira bangsa.

Jadi pada kami, ia merupakan belanjawan yang tepat dalam keadaan semasa walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran di peringkat antarabangsa seperti disebutkan juga oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Rembau, kita menghadapi banyak masalah umpamanya pengaruh urusan baharu IMF, Kristalina Georgieva menyatakan bahawa tahun ini lebih 90 peratus dunia akan mengalami kelembapan dalam pertumbuhan dan akibat daripada *trade war* ini akan mengurangkan output dunia sebanyak USD700 bilion.

Daripada segi geopolitik, kita melihat apa yang berlaku di Hong Kong juga di Timur Tengah dan lain-lain. Dalam negara kita juga ada masalah kos sara hidup yang belum selesai. Kita ada masalah peluang pekerjaan, kita ada masalah PKS yang mungkin terhimpit, kita ada kekangan kewangan dan ini antara isu-isu yang dihadapi.

Akan tetapi apa yang pentingnya ialah *fundamental* masih kukuh lagi sama ada kita bercakap tentang inflasi, kadar pengangguran keseluruhannya 3.5 peratus, imbangan pembayaran, rizab antarabangsa, rating kita di peringkat antarabangsa sama ada *Fitch* ataupun *Moody's* ataupun *Standard & Poor's*. Ketiga-tiga rating agensi yang utama ini memperlihatkan bahawa kedudukan fundamental kita adalah baik.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita turun ke bawah kawasan kita masing-masing, satu perkara yang sering kali dibangkitkan ialah mereka menyatakan bahawa mereka kurang merasai— kalau kita kata tahun ini kadar pertumbuhan, purata 4.7 dan tahun depan 4.8 peratus umpamanya ataupun kalau kita cakap kepada orang muda kadar pengangguran rendah, mereka kata mereka kurang merasai ini semua. Jadi ini merupakan cabaran bagi kerajaan. Apa yang perlu dibuat ialah kita perlu

menambahkan peluang pekerjaan #MalaysiaKerja, perlu menambahkan pendapatan, perlu menangani masalah industri kecil dan sederhana.

Saya hendak menyentuh sedikit mengenai apa yang dipanggil ekonomi akar umbi. Apabila kerajaan mengurangkan perbelanjaan, maka pembekal-pembekal makanan umpamanya katerer di peringkat bawah mungkin terkesan, hotel-hotel tiga bintang mengalami isu. Ini ditambah buruk lagi dengan harga getah dan kelapa sawit yang rendah.

Oleh itu, kita mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menyuntik RM1.3 bilion khusus untuk kontraktor kelas E1 dan ini akan menyuntik sedikit sebanyak semangat di peringkat akar umbi. Apabila perbelanjaan ini dilaksanakan RM1.3 bilion, maka kedai-kedai *hardware* akan mengalami peningkatan dalam penjualan, kedai-kedai nasi lemak, kedai-kedai makan, kedai kopi juga akan mengalami peningkatan jualan.

Jadi itu sebabnya adalah penting kerajaan memberi perhatian lebih kepada ekonomi akar umbi supaya kedai-kedai di kampung, di separa bandar dan juga di bandar-bandar dapat menikmati, dapat merasai— kalau kita kata pertumbuhan tahun depan 4.8 peratus, maka kita berharap rakyat akan merasai kadar pertumbuhan tersebut.

Itu sebabnya kita mengalu-alukan keputusan untuk menyediakan RM735 juta untuk memperbaiki sekolah daif. Sekolah daif ini kawasan kita semua ada. Saya ada satu sekolah, nama sekolah Nik Daud di Kampung Jakar umpamanya, sudah di *condemn* oleh JKR tetapi bangunan itu masih digunakan. Jadi, saya rasa ini bukan satu perkara yang luar biasa, kita banyak menghadapi masalah ini dan kita mengharapkan semoga pembaikan sekolah-sekolah daif ini akan dipertingkatkan kedudukannya.

Jelas, saya juga mengalu-alukan tadi jaminan Menteri luar bandar, Timbalan Menteri luar bandar tadi. Kita dengar daripada Yang Berhormat Igan dan juga Yang Berhormat Beluran di mana tidak dibayar rumah-rumah yang sudah pun siap untuk orang miskin bermula tahun 2017, 2018 dan 2019. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan menghimpunkan semua ini. Kalau dibayar kontraktor-kontraktor ini sudah pasti akan meningkatkan apa yang dipanggil ekonomi akar umbi, maka orang kampung akan merasai pertumbuhan yang kita uar-uarkan 4.8 peratus di seluruh negara.

Sehubungan ini adalah penting kita Ahli Parlimen mengetahui bagi kawasan kita masing-masing umpamanya berapa rumah untuk orang miskin. Dahulu dipanggil rumah PPRT, dibina di kawasan masing-masing. Kita pun daripada dahulu sehingga sekarang umpamanya dalam tempoh lima tahun yang lalu supaya kita dapat tahu siapa yang dapat. Kita ada angka tetapi kadang-kadang oleh sebab yang membuat rumah ini

macam-macam agensi di bawah. Ada MARA buat, kementerian buat, agensi wilayah buat. Kadang-kadang kita Ahli Parlimen tidak berapa mengetahui mana rumah yang dibuat. Ada NGO pun yang buat. Jadi saya mencadangkan supaya kita dibekalkan dengan maklumat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan kekangan kewangan. Ini adalah satu realiti. Kerajaan perlu mengimbangi keperluan kita di sini memohon macam-macam. Kita mahu yang terbaik untuk rakyat. Kita mahu sekolah daif dibaiki, jalan-jalan berlubang di tampung, kita mahu jalan luar bandar dibina baharu.

Jadi ini adalah masalah yang besar hari ini iaitu defisit tahun ini 3.2 peratus, tahun depan 3.2 dan tahun ini 3.4. Kita rasa ini langkah yang tepat. Ada yang menjangkakan bahawa defisit ini akan dikurangkan dengan menguncupkan perbelanjaan tetapi *alhamdulillah* ini tidak berlaku, maka kita mengalu-alukan dasar untuk mengembangkan sedikit perbelanjaan bagi membolehkan kerajaan menambahkan peruntukan untuk pendidikan, kesihatan, subsidi, bantuan luar bandar, keselamatan, pertanian dan lain-lain. Jadi ini adalah langkah yang tepat.

Akan tetapi untuk jangka masa panjang, kerana kita tahu bahawa hasil bertambah lebih rendah daripada perbelanjaan. Umpamanya dalam tempoh 10 tahun ini, 2010 sehingga sekarang, hasil hanya bertambah 4.5 peratus walhal perbelanjaan bertambah lebih daripada itu, maka ini akan memberikan kekangan kepada kewangan negara.

Maka ini perkara yang perlu diatasi dan saya bersetuju dengan tinjauan fiskal dan juga hasil keluaran Kementerian Kewangan yang mahu melihat dalam tempoh sederhana jangka panjang satu bajet yang lebih kukuh mengurangkan defisit. Kalau boleh yang terbaik ialah ada *supplies*, kalau kita ada *supplies* kita ada lebihan maka ini akan memberikan kita ruang untuk melakukan tindakan-tindakan yang diperlukan apabila kita menghadapi darurat umpamanya.

Kita lihat kepada lebihan dalam akaun semasa umpamanya. Tahun depan *alhamdulillah* RM3,510 juta. Tahun ini cuma RM1 bilion sahaja. Ini adalah satu angka yang amat rendah. Jadi matlamat kerajaan harus untuk melihat *supplies* lebihan dalam akaun semasa ini lebih daripada ini. Ini akan mengukuhkan kedudukan kewangan. Kalau kita ada banjir besar ataupun malapetaka dan lain-lain, maka kita akan dapat mampu untuk memastikan ekonomi kita terus berkembang.

■1730

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua cadangan. Saya tahu bahawa Khazanah menjadi perbincangan di Dewan ini. Satu agensi ditubuhkan khusus oleh kerajaan untuk menjaga hasil negara untuk menjana pendapatan, memberikan dividen kepada negara. Kalau kita lihat model-model beberapa negara. Di Norway 1.1 trilion saiz *sovereign wealth fund* nya yang terbesar di dunia, kita tengok kepada Qatar pun kira-kira RM 500 bilion termasuk Singapura RM375 bilion, Khazanah mungkin sekitar 30, 40 bilion Dolar Amerika sahaja.

Begitulah besarnya jurang antara Khazanah dengan *sovereign wealth fund* negara-negara lain, yang penting dibina dan menjana dividen yang baik kerana ini akan memberikan pulangan untuk membolehkan kita belanja bagi keperluan rakyat. Maka, cadangan saya ialah di masa hadapan kerajaan bercadang mungkin tidak melupuskan aset-aset selain penjualan yang kita sering kali bahaskan di sini. Kalau dijual tanah umpamanya atau aset-aset kerajaan yang lain maka dasarnya ialah untuk membina kekuatan *sovereign wealth fund* seperti Khazanah ini supaya ia mampu untuk menjana pendapatan supaya kita boleh mengadakan bekalan di hari muka sekiranya ada apa-apa kecemasan di masa akan datang. Maka, kita mungkin boleh gunakan sumber ini.

Kita lihat kepada Norway. Kenapa ia merupakan sistem pendidikan yang terbaik, sistem kesihatan yang terbaik? Kenapa dari segi *welfare*-nya dari segi kebajikan rakyat terjaga. Antaranya ialah mereka mempunyai penduduk yang kecil tetapi diuruskan hasil dengan baik, pengeluaran minyak cuma dua juta tong sehari tetapi hari ini saiz *sovereign wealth fund*-nya lebih satu trilion. Inilah sebabnya kenapa negara tersebut berjaya. Oleh itu, kita harus ambil iktibar dari negara-negara ini untuk membina kekuatan kita.

Kedua, cadangan saya ialah mengenai Petronas. Kita tahu bahawa kadang-kadang Petronas satu masa dahulu sampai 40 peratus daripada sumbangan hasil negara. Kadang-kadang 20 peratus, 20 hingga 40 peratus. Apa pun, kita bangga dengan Petronas, prestasi Petronas. Bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara diuruskan dengan cukup cekap. Tersohor di seluruh dunia sebagai sebuah syarikat yang berjaya dalam bidang *oil and gas* dan kita mahu Petronas berjaya.

Oleh itu, saya berharap bahawa kita jaga Petronas baik-baik seperti mana kita jaga sebelum ini. Kita bina kekuatan Petronas. Realitinya Petronas yang telah membantu dan kadang-kadang *bailout* masalah-masalah yang kita hadapi. Dahulu bank bumiputera dan lain-lainnya kita tahu bahawa Petronas tampil ke hadapan untuk membantu negara.

Maka, cadangan saya berkaitan dengan usaha-usaha untuk mengukuhkan kewangan. Yang pertama, kita bina kekuatan Khazanah. Yang kedua, kita pastikan Petronas terus menjadi sebuah organisasi yang unggul.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat saya hendak cakap sedikit tentang Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet yang saya menjadi pengerusi. Pertama, saya hendak ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: dan juga kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jeli. Minta penjelasan sedikit. Jadi, Yang Berhormat tidak setuju dengan sikap kerajaan yang terus menjual aset-aset Khazanah seperti yang berlaku sekarang yang mana nilai aset yang telah dijual mencecah hampir RM40 bilion. Apakah Yang Berhormat bersetuju ataupun kerajaan kena hentikan serta-merta penjualan aset tersebut?

Kedua, kerajaan telah mengambil duit Petronas sebanyak RM82 bilion yang bukan daripada dividen khas RM30 bilion. Selain daripada itu, ditambah RM80 bilion. Apakah ini Yang Berhormat setuju ataupun tidak?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang pertama mengenai Petronas. Saya tidak nampak angka 80, saya nampak RM50 lebih bilion lah. Dan RM30 bilion merupakan *special dividend* untuk membolehkan kerajaan membayar balik *areas* yang tidak dibayar. GST dan juga *income tax*.

Jadi, Petronas, syarikat kerajaan yang milik kerajaan 100 peratus maka kerajaan ada hak untuk berunding dengan Petronas. Diluluskan Lembaga Pengarahnya dan realitinya, *point* saya ialah Petronas telah memainkan peranan besar dalam pembangunan negara. Itu realitinya. Biasiswa kah, MARA kah, semua sekali. Ini kerana ada tahun Petronas menyumbang 40 peratus hasil negara. Maka, Petronas harus diteruskan dijaga dengan baik supaya terus berjaya menjadi organisasi cemerlang, mampu untuk memberi dividen kepada rakyat Malaysia.

Mengenai Khazanah sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Pandangan saya ialah- Yang Berhormat Menteri Ekonomi Hal Ehwal menyatakan bahawa jual beli biasa dan tujuannya dua. Yang pertama ialah, untuk membayar hutang-hutang yang ada. Kedua, untuk melabur dalam bidang-bidang baharu. Dalam perniagaan jual beli itu biasa tetapi yang penting apa yang saya sarankan dalam ucapan saya ialah kita harus pastikan Khazanah dibina, ditambah asetnya yang memberi pulangan yang baik dan dengan itu mampu untuk menyumbang kepada kemajuan negara. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Seterusnya, selaku pengerusi Jawatankuasa Bajet saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahlinya. Saya sendiri, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Kapit dan tujuh orang kami telah membincangkan banyak perkara.

Dalam Jawatankuasa, ini saya hendak bangkitkan satu dua perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya hendak maklumkan bahawa ini telah memberikan kami banyak pengalaman dan juga banyak pengetahuan tentang keadaan ekonomi semasa. Kami telah mendapat manfaat daripada pakar-pakar ekonomi dan juga daripada gabenor Bank Negara sebagai contohnya mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak dan ini telah membantu kami untuk menerbitkan satu laporan. Pada 17 Julai yang lalu, dan laporan ini saya hendak tekankan sekali lagi di setuju oleh semua. Ini satu perkara yang saya hendak kongsi dengan semua maknanya kami tujuh termasuk rakan-rakan kita daripada Yang Berhormat Rembau dan juga Yang Berhormat Kapit yang bersetuju laporan ini setelah kami berbincang berunding.

Ini laporannya berkaitan dengan aset dan liabiliti yang dipertikaikan ialah hutang. Jadi, kita tengok aset hutang dan liabiliti kita juga tekankan tentang *accrual accounting* yang diperkenalkan oleh kerajaan dan sekarang ini kita ada angka yang lebih baik tentang- kita bukan bercakap tentang hutang sahaja, liabiliti juga adalah satu isu yang penting ditangani. Kita harus tahu bahawa 1MDB telah menyebabkan kita kena bayar hutang. Kita harus tahu juga bahawa ada projek TPP, TFI dan TPLT dipanggilnya.

Ini ialah projek-projek yang penting kita tahu tetapi kita dapati bahawa sebelum ini ia tidak direkodkan dengan secara tulus. Maka, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dalam laporan tinjauan hasil dan fiskal yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan diperkatakan dengan terperinci.

Saya hendak kemukakan dua cadangan dalam perkara ini ataupun dua pertanyaan. Satu pertanyaan satu cadangan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jeli. Pontian ingin bertanya. Saya ingin mencadangkan kepada Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Jeli agar dalam konsep *accrual accounting* ini. Ini bukan sahaja untuk mengira aset dan liabiliti tetapi juga dia perlu mengira- dia bukan hanya mengira hutang dan liabiliti tetapi juga perlu mengira aset yang dimiliki oleh kerajaan Malaysia.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar Jawatankuasa Yang Berhormat membantu pihak-pihak yang berkaitan terutama di Kementerian Kewangan untuk mengira aset

yang ada dalam negara kita. Berapa banyak bangunan, berapa nilainya, ada macam-macam perkara aset tanah dalam negara ini. Itu hendaklah dikira juga bukan hanya kita tahu hutang dan juga liabiliti.

Kedua, yang terakhir. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang kekangan kewangan. Adakah Yang Berhormat Jeli bersetuju untuk mengatasi kewangan ini bahawa apa yang kita buat pada ketika Barisan Nasional dahulu iaitu mendapatkan sumber kewangan yang mantap menggunakan GST itu dan ia adalah lebih baik daripada SST. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa GST lebih baik daripada SST? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. *Evergreen* pejuang GST. Tahniah diucapkan. Kerajaan sudah membuat keputusan itu, sudah sejarah. Mungkin keadaan berubah kita tidak tahu di masa akan datang kita tidak tahu bila tetapi setakat ini itulah keputusan kerajaan iaitu SST itu lebih baik daripada GST dan oleh sebab ia sudah pun dilaksanakan, kita teruskanlah.

Berkaitan dengan hendak kira harta itu tidak ada masalah. Kita terimalah cadangan tersebut. Cumanya ada masalah hendak nilai tanah, nilai bangunan ini bukan satu perkara yang senang dan saya yakin kerajaan ada itu semua. Cuma, yang diperlukan untuk kumpulkan semuanya sekali kerajaan yakin tahu bagaimana Parlimen ini berapa nilainya, jalan rayanya berapa, jambatannya berapa nilainya. Akan tetapi masalahnya untuk kira semua sekali itu mungkin cabaran.

Cadangan saya pertama, berkaitan perkara ini adalah Tuan Yang di-Pertua ialah perakuan enam dalam Jawatankuasa ini. Kita cadangkan kepada kerajaan supaya kita mahu komitmen sebenar khidmat bayar hutang. Perakuan keenam, komitmen sebenar khidmat bayar hutang. Kalau mengikut buku yang dikeluarkan Kementerian Kewangan jumlah untuk *debt servicing* bayar hutang ialah RM33 bilion merupakan 12.5 peratus daripada belanja mengurus.

■1740

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, bahawa sama ada RM33 bilion ini mengambil kira semua sekali liabiliti ataupun ia cuma mengambil kira hutang Kerajaan Pusat sahaja yang pada akhir tahun lepas sebanyak RM799 bilion itu? Atau pun ia mengambil kira projek PFI, PPP dan juga BMLT? Itu soalan saya. Pada pandangan peribadi saya, 12.5 peratus itu tidak mengambil kira kesemua sekali khidmat bayar hutang. Akan tetapi, saya mahu penjelasan daripada – bermaknanya, khidmat bayar hutang lebih daripada RM33 bilion, pada pandangan saya dan nisbahnya bukan 12.5 peratus tetapi lebih daripada itu.

Keduanya, saya ingin melihat kepada *ratio* nisbah antara perbelanjaan pembangunan dengan mengurus, umpamanya dalam bajet tahun depan, dalam RM241 bilion belanja mengurus dan RM56 bilion belanja pembangunan. Kita sedia maklum bahawa ini agak *lop-sided* dengan izin, iaitu belanja pengurusan itu dari tahun ke tahun meningkat dan kita berpendapat ini mungkin kurang sihat dan adalah perlu diambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa komponen perbelanjaan pembangunan itu ditingkatkan. Jadi, saya mahu tahu apakah langkah-langkah jangka panjang yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa nisbah antara belanja mengurus dengan pembangunan itu dikembalikan ataupun dinaikkan kepada satu angka yang lebih baik.

Perkara kelima, Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Jeli, boleh minta? Yang Berhormat Jeli?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ataupun *Shared Prosperity Vision*. Ya, sahabat saya Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Mengikut anggaran pendapatan, kita ada memasukkan di sini ialah anggaran bagi dividen Petronas sebanyak RM30 bilion. Ini berdasarkan anggaran kepada harga minyak dunia pada tahun depan sebanyak USD63, satu tong. Sekiranya harga minyak tidak akan mencecah pada harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, bererti di sini, apakah jumlah pinjaman daripada hasil pendapatan negara sebanyak 17.7 peratus ini akan ditingkatkan?

Apa pandangan Yang Berhormat Jeli selama 60 tahun Kerajaan Barisan Nasional menjadi kerajaan, hutang negara adalah sebanyak RM686 bilion. Akan tetapi, dalam tempoh lebih 500 hari, Kerajaan Pakatan Harapan telah pun berhutang lebih daripada RM100 bilion, hutang tambahan RM100 bilion tidak di campur daripada duit yang diambil daripada Petronas? Ini sekali gus, akan menambahkan beban kepada negara dan juga jumlah bayaran balik sudah tentu akan meningkat. Apa pandangan Yang Berhormat Jeli?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Dua perkara Yang Berhormat Machang, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, hasil Petronas ataupun dividen dan lain-lain cukai yang dibayar oleh Petronas pada kerajaan bergantung sudah pasti kepada ramalan harga minyak petroleum. Kalau 70, 70 lah, kalau 63, 63, 55, 55 dan ramalan itu tetap ramalan. Maka, ramalan ia akan berubah dari semasa ke semasa. Sudah pasti

kalau harganya kurang anggaran akan berkurangan. Itu bukan satu masalah, dia *straight forward* dengan izin. Kalau harga rendah, 63 sudah pasti anggarannya berkurangan. Jadi bukan susah mahu jawab soalan tersebut.

Kedua, berkaitan dengan hutang bertambah ini diterangkan di dalam laporan saya dan Yang Berhormat Rembau ada di sini dan kawan-kawan lain ada dalam Jawatankuasa. Selagi kerajaan ada *deficit*, maka selama itu – yang sebenarnya kenaikan hutang itu dari dua punca. Pertama, ada *deficit*. *Deficit* ini kira-kira sebanyak RM50 bilion tahun ini dan tahun depan kira-kira sebanyak RM50 bilion. Selagi ada *deficit* kena berhutang. Itu realitinya. Itu sebabnya kita perlu berubah ke satu keadaan di mana kedudukan kewangan kita lebih kukuh. Cara macam mana? Pertama, hendak tambah hasil pendapatan. Kedua, ialah kurangkan perbelanjaan.

Jadi, yang pertama sebab kenapa hutang naik? Hutang Kerajaan Pusat, dalam laporan saya, hutang dan liabiliti. Hutang Kerajaan Pusat kenapa naik, yang pertama ada *deficit*. Kedua, projek-projek yang sudah komited umpamanya kita ada Pan Borneo dalam buku ini. Umpamanya, dulu kira-kira sebanyak RM130 bilion jaminan ataupun jaminan yang komited, dalamnya bertambah sebanyak RM25 bilion. Kenapa? Kerana dua projek ataupun dua perkara besar yang pertama ialah dana infra sebanyak RM5 bilion, ini adalah untuk Pan Borneo Highway yang kedua ialah Tabung Haji sebanyak RM20 bilion terpaksa disediakan oleh kerajaan untuk membantu menyuntik modal dalam Tabung Haji.

Jadi, itu sebabnya dari segi liabilitinya meningkat. Jadi, maknanya, selagi ada *deficit*, maka selama itulah hutang akan bertambah. Akan tetapi, yang kerajaan tekankan pada pandangan saya ialah lebih tepat ialah nisbah hutang dengan KDNK itu lebih tepat. Maknanya, kalau dulu sebanyak 76 peratus sekarang 71 peratus atau 72 peratus, itu lebih tepat. Kalau *absolute number*, angkanya memang benar. *Statistics do not lie*. Angka-angka semua tidak boleh tipu, angka-angka semua dalam buku ini ada. Memang benar, hutang bertambah tetapi sebabnya kenapa? Selagi ada *deficit*, selama itulah kena hutanglah. Ada *deficit*, RM50 bilion tahun depan maka kena hutang jadi hutang bertambah.

Kedua, projek-projek yang sudah komited umpamanya sebagai contoh, kereta api pantai timur yang masuk dalam angka-angka ini bukan sepenuhnya. Kereta api ini kosnya kira-kira RM44 bilion, akan tetapi yang masuk mungkin cuma RM20 bilion, RM25 bilion sahaja. Maka, tahun depan akan bertambah angka ini. Inilah sebabnya kenapa hutang bertambah, kerana apa? Ini kerana projek-projek yang sudah komited yang kerajaan berpendapat perlu dilaksanakan.

Kelima berkaitan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity Vision* dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 5 Oktober. WKB ini adalah berkaitan dengan model baharu ekonomi negara. Kita tahu bahawa 60 peratus rakyat Malaysia mendapat gaji atau pendapatan kurang dari RM2,000 sebulan. Satu angka yang kecil. Ini adalah berkaitan dengan satu sistem ekonomi sebahagiannya disebabkan kebergantungan kepada buruh asing. Kita hendak wujudkan taraf hidup yang wajar untuk rakyat Malaysia. *Decent standard living* bagi semua rakyat Malaysia. Satu model yang inklusif, pembangunan untuk semua, ini semua kita harap akan mewujudkan kestabilan politik dalam negara kita.

Ini juga akan menuntut perbelanjaan tambahan yang mungkin besar. RMK12, RMK13, bermula pada tahun 2021. Maka, kita yakin bahawa WKB ini akan menuntut pertambahan dalam perbelanjaan. Sebagai contoh, masalah kemiskinan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pandangan seorang tokoh daripada Bangsa-bangsa Bersatu, yang mengatakan keadaan sebenar di Malaysia mungkin 15 peratus bukan 0.4 peratus. Perdana Menteri sudah mengatakan bahawa kita akan lihat semula angka-angka ini. Sudah pasti ini menuntut supaya kita perlu tambah lagi perbelanjaan. Ini kekangan yang kita ada. Kalau kita lihat kepada keadaan rumah di kampung-kampung, peluang pekerjaan infrastruktur, jurang antara kaum, jurang antara negeri, jurang antara kawasan-kawasan. Semua di bawah WKB ini kita hendak sempitkan jurang ini.

Maka, ini menuntut perbelanjaan yang besar. Ini akan memberikan tekanan kepada kewangan negara. Oleh itu, kita harus cari jalan bagaimana kita hendak tingkatkan hasil dan juga hendak pastikan perbelanjaan ini dapat kita tangani. Sehubungan dengan ini, kita gembira mendapat jaminan Perdana Menteri bahawa agenda bumiputera ataupun kaum bumiputera walaupun kita mengasaskan *niche based* berdasarkan keperluan tetapi jaminan Perdana Menteri bahawa agenda untuk memajukan bumiputera akan terus menjadi satu agenda yang besar.

Kita tahu bahawa bumiputera memulakan pada asas yang lebih rendah berbanding rakan-rakan kita yang lain. Oleh sebab kita bermula pada asas yang rendah, sudah pasti pembelaan lebih besar harus diberikan kepada bumiputera, agensi seperti TERAJU, MARA, institusi latihan termasuk TVET dan lain-lain perlu memainkan peranan penting. Kita hendak pastikan bahawa keusahawanan juga diberikan perhatian.

Sehubungan dengan ini, ada peruntukan sebanyak RM5 bilion yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dapat pergi ke luar negara. RM5 bilion dalam tempoh lima tahun iaitu sebanyak RM1 bilion untuk setahun. Saya harap dan saya mencadangkan supaya ada

agenda untuk memastikan bahawa sebanyak RM5 bilion ini yang diperuntukkan untuk membolehkan syarikat tempatan ke luar negara ada agenda untuk memastikan bumiputera tidak terpinggir dalam keuntungan besar yang dicadangkan oleh kerajaan bermula pada tahun depan. RM5 bilion dalam tempoh lima tahun iaitu sebanyak RM1 bilion untuk setahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam saya hendak sentuh sedikit mengenai negeri-negeri kurang maju yang disebut oleh kerajaan, Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Perlis antaranya dan kita hendak pastikan bahawa peruntukan bermula kalau tidak pun tahun depan.

■1750

Tahun depan sudah pun disebut oleh Menteri Kewangan, peruntukan untuk RMKe-12, kita cadangkan supaya diberi perhatian lebih tinggi di negeri-negeri kurang maju ini.

Kawan-kawan saya daripada Kelantan, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan ada menegur sedikit kerana dalam ucapan belanjawan, sebut satu saja, Tumpat saja. Kebetulan Yang Berhormat Tumpat ada di sini. Yang lain tidak disebut. Akan tetapi, saya yakin...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan. Tumpat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pertama-tamanya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat daripada Jeli kerana dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bajet. Saya yakin pada rakyat Kelantan, sekiranya mereka mengetahui bahawa Yang Berhormat daripada Jeli ini dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bajet, sudah tentu rakyat Kelantan meletakkan harapan yang cukup tinggi mungkin banyak yang disebut tentang pembangunan-pembangunan yang boleh menjana ekonomi rakyat negeri Kelantan yang sudah kita sebut bahawa Kelantan agak ketinggalan dalam sektor ekonomi.

Akan tetapi sayangnya, dalam ucapan bajet dua hari lepas, tidak ada langsung disebut kecuali apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai Tumpat tadi. Jadi, apakah Yang Berhormat tidak— semasa Yang Berhormat sebut makna kita mengadakan perbincangan yang banyak dalam jawatankuasa dan sebagainya, tidak terlintas kepada Yang Berhormat untuk membawakan pembangunan yang walaupun tidak lebih tetapi setanding dengan negeri-negeri lain memandangkan Kelantan ini adalah negeri yang agak ke belakang dari segi ekonomi?

Saya masih ingat lagi Yang Berhormat semasa di Dewan Undangan Negeri Kelantan suatu masa dahulu, Yang Berhormat pernah mengaku bahawa, “*Sayalah...*”— Yang Berhormatlah— “*Orang yang menghalang pembangunan ini untuk masuk ke negeri Kelantan.*” Masa itu dalam di bawah pentadbiran yang lama. Hari ini saya mengharapkan Yang Berhormat bila berada di pihak Kerajaan Malaysia baharu ini supaya Yang Berhormat cuba mengatasi masalah yang lepas itu dengan membawa pembangunan ke negeri Kelantan. Hari ini tidak ada.

Lebih mendukacitakan juga dalam isu royalti sekalipun, makna sehingga ke hari ini Kelantan tidak disebut apa-apa dalam bajet berhubung dengan royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi, selaku Pengerusi Jawatankuasa, saya mengharapkan sangat Yang Berhormat boleh mengambil kira perkara ini bagi memberikan kepada Kelantan, bayaran royalti kepada Kelantan.

Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sedikit sahaja.

Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Cukup. Cukup dah.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mungkin isu yang berbangkit, Yang Berhormat, ada kawan Yang Berhormat di Kelantan kata ada benda-benda teknikal. Saya harap Yang Berhormat boleh tolong selesaikan masalah teknikal itu supaya royalti dapat dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih.

Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih. Dua perkara yang secara langsung. Yang pertama mengenai kenyataan saya dalam Dewan Undangan Negeri. Itu cerita lama yang kurang tepatlah. Saya tidak mahu— benda ini dah beberapa tahun dah, diungkit-ungkit oleh Yang Berhormat Tumpat dan rakan-rakan yang lain.

Berkaitan dengan tidak disebut ini— saya ada sedikit pengalaman juga dalam menyediakan belanjawan— tidak semestinya tidak ada ya. Dalam Dewan hendak disebut semua sekali ini memang Jeli pun tak sebut juga. Jadi itu bukan bererti tidak ada peruntukan. Tak sebut bukan— saya yakin ada.

Cuma, saya hendak cadangkan supaya untuk kita semua dalam Dewan ini, elok kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan berikan sedikit sebanyak maklumat, negeri kah ataupun kalau tidak boleh Ahli Parlimen, mungkin sukar, mungkin terlalu awal tetapi sudah pasti negeri elok— saya yakin ada.

Umpamanya pada 7 Mac yang lalu, Yang Berhormat Menteri Ekonomi melawat Kelantan dan beliau mengumumkan lima projek termasuklah lapangan terbang, LPT 3, jalan nak pergi Machang, nak pergi Jeli dan lain-lainlah. Jadi, saya yakin ada

peruntukan. Jadi kita hendak tahu jugalah semua ini. Maknanya yang diumumkan 7 Mac lalu semasa lawatan Menteri ke Kelantan itu, elok kalau dari semasa ke semasa dikemas kini kemajuannya, dah buat kah belum buat.

Ini kerana negeri-negeri kurang maju ini, Kelantan umpamanya, pendapatan per kapita paling rendah dalam Malaysia. RM4,214 *household per capita income* berbanding Selangor RM9,400. Tidak sampai separuh pendapatan Selangor. Yang paling rendah di Kelantan.

Maka kita cadangkan kerajaan dalam tempoh sampai tahun 2023 di mana kita nak tahun 2023 semua kita *enjoy, distance standard of living* ini, kita hendak pastikan tidak ada yang tertinggal. Kalau kita lihat kepada keadaan *infra* luar bandar dan lain-lain, kita rasa banyak yang harus dilakukan. Kalaupun tidak ada tahun depan kerana bajet ini Bajet 2020, kita cadangkan tahun 2021 sampai 2030 di negeri-negeri yang kita katakan mundur ini, yang paling mundur dari segi pendapatan per kapita seperti Kelantan diberi pembelaan.

Seterusnya, saya hendak bangkitkan tentang JKR umpamanya. Di Kelantan, mereka maklumkan kepada saya bahawa untuk menyelenggara jalan raya umpamanya, sekitar RM50 juta. Tahun 2017, RM67 juta. Tahun lepas cuma RM52 juta. Jadi keperluannya adalah besar dan kita mahu jika ia dilihat semula kerana antara jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik adalah lebuhraya daripada Kota Bharu ke Gua Musang— kata lebuhraya tetapi dua lorong sahaja— dan juga Lebuhraya Timur Barat dan kita mahu diberi prioriti. Umpamanya Lebuhraya Timur Barat ini daripada Gerik sampai ke Jerneh, nama lebuhraya tapi dua lorong sahaja dan usianya dekat 40 tahun. Jadi kita cadangkan supaya beberapa bahagian lebuhraya yang dilebarkan. Begitu jugalah kita mahu disegerakan. Bagi orang Kelantan, prioriti nombor satu adalah *highway* daripada Kelantan ke Gua Musang. Ini sudah diuar-uarkan begitu lama dan kita mohon supaya disegerakan pembinaannya. Bukan tahun 2026, 2027 tetapi dianjak ke depan supaya disegerakan.

Begitu juga dengan ECER, satu pertubuhan, satu badan kerajaan yang cukup penting di Pantai Timur— Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor. Bagi negeri Kelantan tahun lepas, cuma peruntukannya kira-kira RM48 juta. Ada modal insan, ada pendidikan, latihan keusahawanan dan lain-lain. Kita mahu kerajaan memberi perhatian lebih kepada badan-badan seperti ECER yang memainkan peranan cukup penting dalam memajukan ekonomi setempat.

Selain itu, Kelantan juga ada visi untuk menjadi salah satu negeri yang paling banyak mengeluarkan lembu umpamanya. Saya kurang pasti setakat mana berjaya

tetapi kita mahu Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pihak swasta bekerjasama untuk memastikan bahawa industri ini ataupun sektor pertanian ini, pertanian maju (*smart agriculture*) menggunakan AI dan lain-lain diperkenalkan di negeri Kelantan kerana komponen besar dalam ekonomi Kelantan ialah pertanian.

Sehubungan ini, Kelantan ini, saya ucapkan terima kasih kerana kerajaan meluluskan elaun KAFA naik RM100. Diterima baik oleh seluruh rakyat Malaysia. Pada bulan Julai tahun lepas, kira-kira 3,000 guru-guru Quran yang mengajar di kampung-kampung telah ditamatkan perkhidmatan mereka, elaun cuma RM400 sebulan. Kita mahu kerajaan melihat semula perkara ini. Kita alu-alukan kenaikan elaun guru KAFA tetapi ada satu kumpulan yang ditamatkan perjawatan mereka bulan Julai tahun lepas, kita mahu dipertimbangkan semula kerana mereka memainkan peranan penting di peringkat kampung. Guru KAFA di sekolah tetapi guru Quran ini di kampung-kampung, rumah-rumah, orang-orang tua yang mengajar anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin melihat kepada beberapa sektor ekonomi tertentu. Yang pertamanya ialah sektor pelaburan. Kita mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menyediakan RM5 bilion untuk lima tahun untuk menarik *Fortune 500 companies* melabur di Malaysia. Cumanya, RM5 bilion pelaburan ini mungkin satu *threshold*, satu ambang yang tinggi. Mungkin kerajaan hendak melihat semula RM5 bilion ini. Sekiranya impak besar kepada PKS dan juga kepada perwujudan peluang pekerjaan kemahiran tinggi umpamanya, adalah wajar ambang ini dilihat semula.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Jadi kita ucap terima kasih juga kerana disediakan insentif yang cukup baik untuk industri *electrical* dan *electronic*. Satu industri yang penting. Selama 10 tahun pengecualian cukai diberikan kepada syarikat-syarikat dalam bidang ini dan ini mengiktiraf peranan besar industri E&E dalam negara kita Malaysia. Sila, Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Ringkas. Sebagai bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sudah pasti Yang Berhormat Jeli pun dulu pernah cuba menarik pelaburan *Fortune 500*, *Unicorn* dan sebagainya. Apakah semata-mata dengan insentif kewangan sahaja, ini akan menentukan bahawa kita akan dapat pelaburan tersebut? Atau ada faktor-faktor lain, mungkin ekosistem yang sedia ada yang mungkin tidak menggalakkan pelaburan seperti itu? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat, tepat sekali. Ekosistem ini penting. Umpamanya, syarikat-syarikat akan melihat kepada kerehah pentadbiran, kepada rasuah, kepada rating kita. Kita ada tiga rating utama. Kita ada *World Bank ease of doing business*, IMD, WEF. *World Bank ease of doing business* kita nombor 15, naik sedikit daripada 24. Akan tetapi yang lain, WEF dan IMD nombor 24, 25. Jadi ini juga penting. Jadi, ini di antara perkara-perkara yang penting di samping kestabilan politik, keamanan dan lain-lain. Jadi maknanya ekosistem ini penting.

Satu lagi, penyelarasan. Kadang-kadang keluar negara, ada MIDA, ada *Invest KL*, ada NCIA, ada kerajaan negeri (*state government*). Jadi, kadang-kadang kelirulah. Dalam pengalaman saya, kadang-kadang mereka keliru dan kadang-kadang ada seolah-olah perlumbaan antara agensi ini untuk mengatasi satu sama lain. Jadi, ini antara perkara-perkara yang penting.

■1800

Itu pelaburan. Kedua ialah pembinaan. Ini penting, pembinaan tahun ini cuma 1.7 peratus berkembang, tahun depan 3.6 peratus. Ini kerana kesan pembinaan ini cukup besar. Saya ada berjumpa dengan beberapa *business organization appoint*, Persatuan Jurutera Perunding dan juga Persatuan Arkitek Malaysia. Mereka menyatakan bahawa tender-tender ini banyak, setengah sudah *participate* sudah 50 tender. Kadang ditunda, kadang-kadang dibatalkan. Mereka menyatakan bahawa ada kadang-kadang bayaran lewat. Mereka menyatakan bahawa swasta tidak banyak kerja, kerajaan pun tidak ada dan antara mereka ada yang telah terpaksa untuk mengurangkan pekerjaannya, *down sizing*. Kita harap dan juga *lawyers* juga terjejas pendapatan mereka apabila sektor pembinaan dikurangkan.

Maka, kita harap kerajaan akan terus memastikan sektor pembinaan berkembang dengan pesat kerana *multiply effect*-nya cukup besar kepada negara termasuklah kepada profesional, termasuk arkitek dan juga *engineers* dan juga *lawyers* tadi. Seterusnya sektor pelancongan. Sudah bersentuh tadi oleh beberapa rakan termasuk Yang Berhormat Sungai Petani. Ini juga satu sektor yang mempunyai *multiplier* yang besar. Kita kena kaji kenapakah kedudukan kita seolah-olah tergelincir daripada kedudukan yang tinggi suatu masa dulu. Kita yang memulakan inisiatif *Visit Malaysia Year* awal 90an di mana pelancong naik mendadak lebih 50 peratus. Kejayaan amat besar dan itulah yang mendorong kita meneruskan agenda ini. Maka kita harap, kita kaji dengan teliti, kita panggil sektor swasta, kita duduk bersama-sama. Ini kerana ia penting, dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan kita tidak mahu kita kalah dalam persaingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan sektor pertanian, berkaitan dengan *food security*, satu perkara yang penting. Kita hendak, kita sudah kata banyak kali hendak perkenalkan *Modern Agriculture*— AI, FELDA, RM6 bilion kita hendak sediakan dalam tempoh empat hingga lima tahun sebahagiannya untuk memodenkan pertanian dalam FELDA. Maka ini, satu agenda yang besar dan kita hendak pastikan ia berjaya. Kalau kita tidak betul-betul buat kerja dalam hal ini termasuklah untuk mengurangkan import barang-barang makanan dan makanan ternakan dan lain-lain. Maka, kita tidak akan berjaya. Maka ini, satu perkara yang penting, peluang yang banyak termasuklah dalam industri tenusu, dalam daging dan lain-lain. Kita harus kenal pasti tanaman yang baru ataupun *crops of the future*, Tuan Yang di-Pertua.

Kita juga harus melihat kepada ekonomi baru. Kita *Foodpanda* ada, kita ada *Grab* ada, kita ada dipanggil *gig economy* sekarang ini dan saya berpendapat bahawa kita perlu tingkatkan maklumat kita, *database* kita harus kita perbaiki untuk pastikan kita lebih memahami. Ada kajian daripada pihak tertentu termasuklah EPF kalau tidak silap saya menyatakan semakin ramai yang akan terlibat dalam sektor ini dan kita harus memahami sektor ini dengan lebih baik dan kita harus ada beberapa kawalan tertentu untuk memastikan ia dapat berkembang dengan baik. Begitu jugalah pada pandangan saya kita harus melihat kepada struktur *graduate unemployment* ini. Saya berpendapat bahawa kita tidak cukup kefahaman tentang sifat-sifat ataupun ciri-ciri para graduan yang menganggur ini dan oleh hal yang demikian, mungkin kita akan merangka dasar-dasar yang kurang tepat.

Maka itu, Jabatan Perangkaan harus melihat ini semua cara kaedah kita kutip angka, kaedah lama ini mungkin kurang sesuai dan kita sesuaikan dengan keadaan semasa kerana pasaran *job market* ini kalau kita lihat pada *job future* umpamanya banyak perubahan yang ketara dalam landskap. Jadi, jabatan kerajaan hendaklah bukan sahaja seiring tetapi kalau boleh *ahead of the curve* memastikan bahawa kita dapat mengutip angka-angka dan dengan itu kita dapat memastikan bahawa kita dapat bersiap sedia untuk masa depan. Setahu kita berbahas tentang dasar dan kita akan pergi kepada jawatankuasa. Akan tetapi sebagai seorang wakil rakyat luar bandar, saya ingin mencadangkan supaya kemudahan sukan di kawasan Jeli saya ditingkatkan, tidak ada satu pun.

Kita ada satu tempat yang selalu di tenggelam banjir, jalan antara Gua Musang dengan Jeli, Kampung Relak namanya memerlukan ke RM15 juta untuk menaikkan tujuh meter, memastikan keadaan banjir ini tidak berlaku. Saya ada satu perkampungan Orang Asli. Terima kasih peruntukan disediakan. Saya belum lagi melihat satu

perancangan yang mantap untuk memajukan ekonomi Orang Asli. Tempat saya cuma ada 250 keluarga, satu kampung sahaja dan saya sebagai Ahli Parlimen sudah memulakan beberapa usaha tetapi memerlukan sokongan kerajaan yang padu dan kita hendak pastikan juga bahawa mereka seiring dalam pembangunan negara. Kita ada Muzium Orang Asli di tempat saya dan kita mahu dibaiki dan juga diberi peruntukan menjadi satu pusat tarikan pelancongan.

Kita hendak pastikan KESEDAR, sebuah agensi di Kelantan memainkan peranan untuk menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar baru termasuk di Jeli. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tumpat minta sikit. Sikit saja, hendak penjelasan yang tadi saja.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Satu ayat saja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat tadi sebut fasal...

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Laju-laju sikit. Cakap laju macam saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak pandai. Fasal perkara-perkara yang tidak disebut dalam bajet tapi akan dilaksanakan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Ya, Insya-Allah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Apa jaminan kepada rakyat Kelantan, maknanya kalau yang disebut pun kadang-kadang tidak dapat...

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Begini, maksud saya bukan... Tumpat saja....

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Contoh. Saya bagi contoh sebagai...

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Tidak apalah, saya faham.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Maknanya benda-benda yang tidak disebut tetapi ada dalam bajet seperti bantuan orang miskin dan sebagainya.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Pasti ada.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yakni yang tidak disebut ini untuk pergi ke Kelantan. Apa jaminan kepada rakyat Kelantan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Bukan Tumpat saja ada. Yang Berhormat Menteri Kewangan cuba sebut sekolah di Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh menunggu giliran.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sekolah Tumpat disebut satu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Saya bagi jaminan bahawa ada lagi...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kemudian sekolah-sekolah yang disebut lagi sekolah-sekolah yang daif. Jadi, apa jaminan sekolah-sekolah daif ini juga diberi tumpuan kepada Kelantan. Makna sebagai sebuah negeri yang disebut oleh pihak kerajaan sebagai negeri yang mundur.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Terima kasih banyak. Itu Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Mana-manalah.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita sayang negara kita, kita cinta negara kita Malaysia. Kita semua mahu negara kita berjaya, kita mahu Malaysia lebih kompetitif, kita mahu berada di tangga atas sama ada pelancongan kah, pelaburan kah, kita tidak mahu musnahkan negara kita. Kita hendak bina negara ini. Marilah kita bersama dalam semangat baru, harapan baru untuk pastikan bahawa kita menjadi sebuah negara yang mengiktiraf kepelbagaian. Satu buah negara yang *moderate*, satu buah negara yang mempromosikan idea-idea yang progresif dan kita tidak mahu kita menjadi *fail state*. Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah banyak melakukan pembaharuan menjadikan kita sebuah negara. Kita hendak jadi *Asian Tiger* sekali lagi. Jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan kita cintakan negara ini, kita sayang negara kita ini. Marilah kita sama-sama bekerja sebagai satu pasukan Ahli Dewan Rakyat untuk memajukan rakyat negara kita Malaysia. Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Saya menyokong.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli yang bahas dengan penuh berhemah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam. Sebagai Ketua Parti, saya bagikan masa 30 minit iaitu 10 minit lebih. Sila.

6.08 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi Belanjawan 2020.

Menyelusuri lebih 500 hari pemerintahan PH, saya masih tidak nampak inisiatif yang berimpak tinggi, yang mampu dirasakan oleh rakyat di semua peringkat. Di mana perginya ahli-ahli bijak pandai PH. Kalau dahulu menjadi pembangkang mereka begitu hebat sekali dengan pelbagai formula dan teori kononnya memberi kemakmuran kepada rakyat jelata keseluruhannya dan apa sudah jadi pada keadaan sekarang. Tahun 2020 cuma 100 hari lagi kita akan sampai. Ramai penganalisis telah berpendapat bahawa kemungkinan besar akan berdepan dengan cabaran kemelesetan ekonomi terburuk pada tahun hadapan. Apakah kita telah bersedia untuk memperkukuhkan pelaksanaan dasar fiskal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan menyerap kesan kelembapan ekonomik global yang bakal kita alami.

Saya melihat ramalan daripada pihak antarabangsa menganggarkan pertumbuhan KDNK negara kita sebanyak 4.3 peratus. Akan tetapi, kerajaan Pakatan Harapan terlalu optimistik meramalkan lebih kurang 48 peratus dalam Belanjawan 2020. Perbezaan yang begitu besar sekali, 0.5 peratus bukan satu angka yang kecil. Kalau kadar pertumbuhan pada 2020, kurang daripada 4.8 peratus, maka belanjawan kita akan terpaksa dibuat penjajaran semula ataupun mungkin perlu meminjam lebih lagi. Disebabkan perang perdagangan antara US dengan China, janganlah kita meramal terlalu besar hingga akhirnya nanti ada kelompongan dan terpaksa meminjam lagi.

■1810

Malah, inisiatif dan program yang dibentangkan dalam Belanjawan 2020 hanya bersifat *ad hoc* tanpa sepenuhnya menyelesaikan masalah kos sara hidup rakyat, mencetuskan ketidakpercayaan pengguna dan tidak bersungguh-sungguh dalam menstrukturkan semula sosioekonomi negara. Justeru, apakah belanjawan ini benar-benar diyakini mampu menyuntik daya tahan ekonomi negara di saat-saat kerajaan sendiri begitu berahi menjual aset-aset negara sehingga melebihi RM30 bilion.

Memetik catatan seorang pensyarah daripada UKM yang telah di gam dari menulis di *Facebook* gara-gara campur tangan daripada penasihat media dan komunikasi Perdana Menteri iaitu setiap hari PH telah menjual aset negara sebanyak RM60 juta secara purata iaitu bersamaan RM25 juta aset negara setiap jam. Apakah kerajaan sedang berbangga dengan fakta ini dan yang menghairankan ialah dengan aset yang dijual, tambah pula pinjaman bon yang tidak henti-henti. Terbaru, Januari hingga ke Ogos tahun 2019 sehingga mencecah nilai RM102.2 bilion.

Akan tetapi, hutang negara tidak pula turun-turun. Lagi memeningkan ialah nisbah hutang berbanding dengan KDNK seperti yang dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia naik begitu mendadak sehingga 52 peratus sekarang. Jadi, mungkin Yang

Berhormat Menteri Kewangan boleh terangkan di mana pengurangan hutang negara yang sedang dilakukan? Saya ingin bertanya, sampai bilakah aktiviti pencairan aset ini akan kita terus akan berlarutan. Jika kita hendak membayar hutang, kita boleh mencari wangnya. Akan tetapi, jika kita berterusan menjual harta dan meminjam daripada luar negara, apa lagi yang boleh kita ada tuan-tuan?

Ironinya, aset negara merupakan sumber pendapatan negara. Sekiranya, ianya dijual sewenang-wenangnya di manakah lagi negara mahu bergantung untuk mendapatkan pendapatan. Adakah hala tuju model ekonomi Yang Berhormat Bagan dan Kerajaan PH hanya bergantung kepada hasil kutipan cukai yang baru-baru ini kian bertambah. Saya tidak nampak pula sebarang usaha signifikan, penggantian semua, penjualan aset sehingga hari ini. Kerajaan pula seakan tidak pernah membayangkan akan melaksanakan langkah yang sedemikian.

Ya betul, Yang Berhormat Gombak baru-baru ini mendedahkan kerajaan terdahulu di bawah Khazanah Malaysia telah menjual 84 aset sepanjang tahun 2009 hingga 2018. Itu memang betul, tetapi beliau tidak menyebut nilai aset bersih Khazanah iaitu pada tempoh yang sama telah meningkat secara mendadak daripada RM33 bilion sampai RM116 bilion. Ini yang patut kita betulkan. [*Tepuk*] Berbalik kepada isu PKS. Saya sudah masuk terus dalam buku ataupun teks ucapan yang tebal ini. Memang kita sering dan khusyuk mendengar perkataan IR 4.0.

Di manakah hala tuju untuk kita membangunkan IR 4.0 dan apa pula kesannya kepada PKS? Oleh sebab itulah menjelang tahun 2020, kita telah menyasarkan dan memastikan kalau sumbangan PKS kepada GDP adalah 41 peratus dan pada tahun 2030 adalah 50 peratus. Akan tetapi, saya tidak nampak dia sekadar sebut IR 4.0 dan tiada lagi satu hala tuju ataupun secara konkrit mencadangkan cara bagaimana kita hendak membangunkan *Internet of Things (IOT)* dan juga *Artificial Intelligence (AI)* kita dan tidak diberi penekanan dalam dokumen ini.

Kalau di negara China, kerajaan mereka memberi tumpuan kepada segala industri memacu ke arah perkara seperti IOT dan juga AI. Malahan persekitaran juga menjurus ke arah itu. Jadi, adakah kita di sini telah bersedia ke arah itu dan apakah tahap kita sekarang. Kalau kita melihat IR 4.0, kalau kita buat penilaian secara holistik, IR 3.0 pun kita tidak dapat penuhi sepenuhnya. Jadi, apakah anjakan paradigma yang patut ada dan kerajaan bagaimana kita membimbing para PKS ini supaya mereka boleh maju ke arah IR 4.0.

Jadi, sebab itulah kita kena betul-betul melihat PKS. Ini kerana, 65 peratus peluang pekerjaan ini dicipta oleh IKS dan kelangsungan PKS itu sangat penting. Jadi,

saya hendak menyentuh sedikit walaupun kita lihat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan, wah cukai untuk SME, PKS, kita begitu baik sekali untuk pendapatan bercukai kita naikkan RM500,000 kepada RM600,000 dan cuma dikenakan 17 peratus ada peningkatan. Akan tetapi, orang yang merangka bajet ini saya rasa dia tidak baca. Dia tidak pergi tengok apa yang berlaku di peringkat bawah.

Saya hendak bagi tahu apa yang berlaku ialah kita ambil contoh negara jiran. Betul, Malaysia 17 peratus untuk SME dan cukai korporat SME 17 peratus, Singapura juga sama. Akan tetapi, sedar kah Singapura untuk pendapatan bercukai, *the first SGD100,000*. Mereka hanya kenakan 4.25 peratus dan daripada SGD100,000 sampai ke SGD200,000. Dia kenakan 8.25 peratus dan lebih daripada SGD200,000 baru dia kenakan 17 peratus. Akan tetapi, kita semua sekali 17 peratus.

Ini satu persaingan yang kita kena hadapi. Saya tidak minta kita sekali harung sama dengan Singapura, tidak. Oleh sebab kekangan kewangan, tetapi apa yang dicadangkan kononnya berita baik, tetapi itu indah khabar dari rupa. Saya hendak bagi tahu, kalau betul-betul kita faham definisi SME. SME ini sebenarnya mengikut *National SME Development Council (NSDC)*, RM50 juta ke bawah kalau *turn over* kita bagi sektor pembuatan, itu adalah SME. Untuk sektor perkhidmatan, RM20 juta. Akan tetapi, apabila LHDN kenakan satu syarat yang perlu dipenuhi iaitu *pay out capital*.

Kenapa modal berbayar ini satu kekangan. Saya hendak beritahu, kalau seorang perniagaannya hendak berkembang sampai RM50 juta atau RM20 juta, tidak mungkin dia akan gunakan modal sendiri. Dia mesti melibatkan pinjaman wang sokongan daripada bank. Oleh sebab itu, bank akan kenakan satu syarat *pay out capital* kena naik. Jadi, kalau kita pinjam RM3 juta daripada bank, salah satu syarat sebelum kita tandatangan perjanjian untuk pinjam wang, dia akan minta naik kepada RM3 juta. Kalau naik kepada RM3 juta, walaupun *turn over* kita tidak sampai RM50 juta, akhirnya apa akan berlaku, indah khabar dari rupa. Nampak dari jauh cantik, tetapi tidak dapat. Orang itu tidak layak, syarikat itu tidak layak lagi digelar sebagai SME.

Itulah masalah dia. Jadi, saya hendak bagi tahu memang cantik daripada luar, tetapi pada hakikatnya dia ini tidak membantu PKS yang memerlukan bantuan daripada bank. Itu kena ambil maklum Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kedua, tadi Yang Berhormat Rembau sebut, eh di Malaysia ini banyak sindrom 3D untuk mencari kerja, pekerja tempatan. Itu saya tidak mahu menghuraikan lagi. Bukan tidak ada kerja, kerana *mismatch*, ketidakpadanan kerja itu. Ramai orang Malaysia suka memilih kerja dan kalau di Johor Bahru, RM2,000 untuk basuh pinggan, ada kerja ini. Akan tetapi, orang tidak buat kerana disebabkan sindrom *dirty, dangerous, difficult*.

3D ini menyebabkan mereka tidak ambil kerja ini. Jadi, saya hendak beritahu satu *survey* yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Pada suku kedua tahun 2019, daripada 231,345 kekosongan jawatan yang diiklankan, 88 peratus daripadanya adalah pekerja asas yang tidak memerlukan kelulusan tinggi iaitu *elementary occupations*. Seperti operator kilang, jurujual dan juga lain-lain yang tidak perlukan kelulusan yang tinggi. Kerajaan seharusnya memfokuskan bagaimana untuk meningkatkan peluang pekerjaan yang lebih berkualiti seperti mana yang Yang Berhormat Rembau sarankan.

Skill itu sangat penting dan saya melihat tadi kata graduan kerja. *Graduate at works*, ini memang satu perkara yang saya rasa kita kena pujilah Yang Berhormat Menteri. Pengolahan idea yang sangat cantik. Kalau tidak baca perenggan 91 dan 93, semua khusyuk mendengar Yang Berhormat Menteri itu cakap betul-betul buat kita gembira RM500 kepada mereka yang setahun tidak kerja, menganggur selepas itu dapat RM500. Akan tetapi, akhirnya ia dimasukkan pada KWSP. Ini jadi masalah.

Macam mana pula bayaran kepada majikan tidak dinyatakan. Betul! EPF, KWSP keluar satu kenyataan kata apa. Oh! Kita akan benarkan sebahagian duit itu diambil. Persoalannya, adakah ini formula untuk menyelesaikan masalah pengangguran ini? Tidak selesai kerana kita tidak lihat apa yang berlaku di bawah. *Skill* tidak ada, mereka tidak ada *skill* komunikasi dan kos *repair* yang patut kita laburkan dan kita bukan bagi RM500. Saya bagi contoh, Ali dengan Ahmad, kalau Ali ini rajin sangat, dia terdesak, keluarga dia miskin, dia lepas keluar universiti, dia terus cari kerja. Pasal apa miskin? Dia terus cari kerja, tidak kira dan tidak memilih.

■1820

Ali ini cari kerja cepat-cepat. Akan tetapi Ahmad ini nampaknya dia ada simpanan sedikit, tidak apa saya tunggu setahun, cari kerja yang saya sesuailah. Lepas itu, Ali dan Ahmad selepas daripada satu universiti yang sama, mereka terus eh, bertembung di satu pejabat selepas setahun. Nampaknya Ahmad ini, setahun menganggur, tetapi layanan dia lain kerana ada *unfair advantage* sebanyak RM800. Fikirkanlah Yang Berhormat. Ini selesaikan masalah ke? Ini satu keadilan sejagat ke? Ini tidak selesai masalah. Kita menghukum orang yang cepat cari kerja. Tidak betul? Itulah masalahnya. Kita kena melihat kalau sakit kepala, jangan bagi ubat sakit buah pinggang. Itu tidak kena pada tempat.

Saya hendak beritahu untuk konsep ini, saya mintalah walaupun EPF sudah keluar kenyataan kata mereka akan cari kaedah sebahagiannya boleh digunakan. Lagi teruk bagi mereka yang tidak menganggur setahun akhirnya mereka tidak boleh keluarkan sebahagian daripada EPF. Apa sudah jadi? Hendak selesaikan masalah

utama, akhirnya kita mencipta lagi satu masalah yang lebih besar. Itu tidak memadai. Itu yang saya hendak kata.

Kedua, kita tengok balik— eh, ini idea budak-budaklah, 27 tahun. RM65 bilion untuk lima tahun kononnya hendak mencipta pekerjaan sebanyak 350,000. Eh, ini bukan cerita dongenglah. Kita kena cipta kerja yang betul-betul yang kita hendak. Mesti ada hala tuju pembangunan ekonomi yang jelas. Bukan buat kerja-kerja bawa projek Gojek masuk Malaysia. Itu bukan Malaysia Baharu namanya.

Satu lagi perkara, Skim Pembiayaan Usahawan. Nampaknya Menteri begitu kagum sekali. Tengok masyarakat Cina dapat RM100 juta. Ini namanya *rebranding*, saya boleh hafal. Dahulu, zaman kita RM50 juta diberikan untuk apa? Pinjaman SME, empat peratus juga. Ini adalah *soft loan*. Kemudian di bawah Yayasan Penjaja dapat satu lagi, RM30 juta untuk penjaja sebagai mikro kredit. Saya jaga Kampung Baru, masa itu penduduk Kampung Baru dapat Skim Mikro Kredit RM20 juta. 5+3+2, RM100 juta juga. Jadi *repackaging*. Apa yang hendak di kagum-kagumkan? Apa yang menjadi masalah bila serah pada BSN, adakah kalau SME mereka dapat had maksimum RM500,000. Ini yang diminta oleh SME, bukannya mikro kredit. Tolong semak dan lihat keberkesanan skim ini. Ini yang saya hendak bawa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Satu lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap. Sekejap, saya habiskan. Insentif automasi. Hey, marilah kita pergi ke Muar tengok. Insentif apa ini? Orang tengah berdepan dengan kekurangan tenaga kerja. Mereka ini ada *order* daripada luar negeri untuk perabot tetapi tidak boleh buat sebab tidak ada pekerja. Jadi, saya cadangkan automasi, kredit, insentif kita hendak beri boleh. Mesti ada *soft landing approach*. Dalam tempoh tiga atau lima tahun kita bekalkan pekerja ini kerana kita tahu ada *guarantee* sesuatu *demand* daripada luar negeri. Tiga tahun *retain profit* kita mensyaratkan dia kena gunakan ini sebagai pelaburan automasi kemudian.

Kemudian, kita bagi insentif untuk *double deduction*, tidak ada masalah. Mesti ada satu haluan jelas, barulah ia dapat dirasai oleh PKS. Kalau dua, tiga tahun ini pun sudah tidak boleh hidup, buat apa kita cerita tentang automasi tahun hadapan. Tidak boleh, tidak mungkin. Ini yang pertama.

Saya beralih kepada isu pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang cukup dekat di hati saya. Tahun kedua saya masih membawa isu ini. Beberapa hari yang lalu, saya begitu sabar menunggu. Saya minta supaya Kementerian Pendidikan untuk meminta kita boleh mendapatkan geran padanan. Geran padanan ini bukan sesuatu perkara baharu untuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Ia telah dibincangkan pada tahun 1972 melalui satu surat cara di Dewan ini. Tun Hussein bin Dato' Onn masa itu bawa. Kita sudah bagi komitmen kita, setiap tahun kita bantu. *A dollar to a dollar*. Bermaksud kita bagi geran padanan. Kita sudah dapat zaman BN RM1.353 bilion. Walaupun Yang Amat Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Port Dickson jadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, mereka pun dua orang pernah jadi Menteri Kewangan, tidak pernah potong pun. Akan tetapi saya hairan kenapa Yang Berhormat Bagan tidak bagi.

Saya hendak beritahu, ini satu teks ucapan saya boleh *viral*-kan kepada Yang Berhormat sana, apa Yang Berhormat Bagan beritahu. Saya tunjukkan video pada semua selepas ini. Di Kampar, ini Yang Berhormat Bagan. Siapa yang masuk universiti saya bagi RM1,000. Termasuk pelajar daripada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Kita tetap bagi RM1,000 tidak kira latar belakang politik asalkan dia adalah pelajar. Ho, bukan main semua tepuk. Kemudian, dia tambah lagi wah, ada orang kata kalau kita Pakatan Harapan menang, apa akan terjadi kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, apa akan terjadi kepada UTAR dan nampaknya begitu kasihan sekali. Beliau bagi jaminan kata apa, saya akan menjaga Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. *[Dewan ketawa]*

Ini kerana kita ini melihat bakat itu sangat penting. Dia cakap lagi, jangan lupa ramai Ahli Parlimen dan ADUN kita juga adalah graduan daripada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Semua tepuk. Yang Berhormat, kalau benci sangat dengan MCA, saya kata duit ini bukan bagi pada parti MCA, bagi pada universiti. Sekarang tidak hendak tengok muka kita pun tidak apa. Pegang pada janji ini. Ini adalah janji yang kamu sepatutnya tunaikan. Kalau disebut RM1,000, saya bagi senarai 28,000 orang pelajar. Kalau Yang Berhormat daripada DAP ada 159 orang, semua boleh beratur turun satu-satu, melawat mereka bagi RM1,000. Saya rela melihat ini selagi rakyat senang, saya tetap berpendirian bahawa duit itu patut dibagi kerana janji perlu dikotakan. Kalau tidak, ini adalah parti kelentong tipu sahaja. Tak tipu undi. Ini yang menjadi masalah. *[Tepuk]* Saya tidak hendak cakap lebihlah. Buat cara itu, tunaikan janji. Perkara yang lain saya dah tulis banyak dalam artikel sebelum ini.

Satu lagi, STEM. Wah, saya tidak tahu kenapa Menteri ini. Ini cerita dongeng ke, badut saya tidak tahulah. Eh, tiba-tiba dari STEM, satu *terminology* yang digunakan di peringkat antarabangsa. Dia suka sangat, dia ubah jadi STEAM. Ini potong 'steam' namanya. Pasal apa? sains teknologi, *engineering*, matematik ada *terminology* antarabangsa, dia pergi tambah satu *art*. Tidak ada kata di Malaysia tidak boleh ajar *art*. Ini memang hendak tambah jadi 'steam'. Ini potong stim. Tidak betul. Hey, kita kena berdepan dengan pisah, kita kena berdepan dengan – penilaian antarabangsa terhadap penguasaan kita dalam sains dan teknologi dan matematik. Apa main-main ini, ini cerita badut ke? Saya hendak tengok, apa yang sudah terjadi ya.

Ini tahun hadapan, dia kata kita tidak ada aliran sains dan sastera. Kamu boleh pilih kiri kanan. Hey, dulu sasaran kita 60-40 untuk STEM. Kalau kita tidak sampai sasaran, bermaksud kita gagal menjadi sebuah negara maju dan kita tidak akan jadi, tidak akan cemerlang dalam bidang sains dan teknologi. Fikir baik-baik.

Satu lagi, bukan main suka Menteri kita ini. Saya pun tidak tahu. Beberapa hari yang lalu, Menteri Pendidikan, program Sarapan Percuma. Hey, saya baca habis buku ini. Apa yang ada? Sebanyak RM295 juta dibekalkan untuk Rancangan Makanan Tambahan. Ini tambahan RM6 juta daripada dahulu. Saya tidak nampak pun RM1.67 bilion. Kalau tidak ada dekat sini bermaksud mereka ini dua Menteri, Menteri Pendidikan dan Menteri Kewangan tidak pakai Whatsapp. Kalau itu sesuatu yang belum dimuktamadkan, jangan cerita besarlah. Buat apa cakap benda yang tidak boleh direalisasikan? Saya dah kata itu tidak praktikal. Bukankah kita dah cakap kita bagi subsidi secara bersasar. Kenapa pula orang kaya pun *you* bagi sarapan percuma? Ini cuma bagi sarapan untuk apa? Ini cuma hendak memperkayakan kroni dan pembekal sahaja. Itu tidak praktikal.

Saya hendak tanya satu lagi perkara mySalam. Timbalan Menteri ada. Seorang pakar perubatan yang saya hormati. Great Eastern, mereka sepatutnya bayar RM2 bilion mengikut AGM pada 19 April 2019, Great Eastern Life Malaysia kata RM2 bilion ini belum bayar.

■1830

Hey, RM2 bilion ini kita bagi pengecualian ekuiti 30 peratus untuk syarikat tempatan. Itu pra syaratnya dan saya hendak beritahu ini satu skandal besar. Kenapa? Great Eastern ini dikuasai oleh OCBC di Singapura. Kalau dalam kes IHH, kita jual kepada Mitsui 16.6 peratus saham, kita dapat RM82 bilion. Itu dianggap sebagai FDI oleh Menteri tetapi dalam kes ini, ini kerja kelentong.

Sampai hari ini pihak Singapura OCBC *owner* kepada Great Eastern tidak bawa masuk. Ini skandal terbesar. Apa yang dia buat? Saya sudah buat satu rencana cukup teballah. Saya hendak beritahu laporan dalam H semua ada. Apa dia kata? Dia gunakan *surplus* yang terkumpul daripada *policy holder* yang dianggap sebagai *participating fund*. Apa syaratnya?

Saya hendak beritahu, kalau dalam kes ini Kerajaan Malaysia 30 peratus ini adalah ekuiti tempatan. Kalau kita hendak betul-betul jual saham ini, dia kena keluarkan duit dia, bukan gunakan duit orang Malaysia. Apa yang dia buat ialah *surplus* yang terkumpul oleh Great Eastern Life Malaysia, dia gunakan *shareholder fund* ini, *policyholder fund* ini iaitu berjumlah RM10 bilion, dia ambil RM2 bilion. Bermaksud saya gunakan duit kamu rakyat Malaysia, saya beli saham 30 peratus. Itu betul atau tidak?

Saya hendak tanya, kalau Bank Negara melalui surat pekeliling JPI:29/2004 telah menyatakan dengan jelas Prinsip 9010 yang sepatutnya diamalkan segala keuntungan yang diraih melalui *surplus* 90 peratus sepatutnya digunakan untuk menjaga kepentingan *policyholders*. Kenapa tidak ikut. Apakah BNM ini tidak ubah pendirian? Patut kita melindungi kepentingan rakyat Malaysia, bukannya jaga kepentingan orang Singapura. Betul tidak? Itu jadi masalah.

Tadi Yang Berhormat Rembau sudah kata *claim* baru RM1.37 juta. Lebih-lebih pun RM3 juta. Tidak boleh. Walaupun dikembalikan kepada kementerian, apa yang kita hendak perlindungan maksimum kepada rakyat Malaysia. Mekanismenya tidak kena. Bukan sekadar retorik sahaja. Ini satu skandal. Saya minta PAC, kita kena siasat. Ini duit rakyat Malaysia. Kalau prinsip 9010 bermaksud daripada 30 *percent*, kalau dia gunakan duit Malaysia, 27 peratus patut dipulangkan kepada *policyholders* rata-rata rakyat Malaysia. Betul tak?

Ini yang patut kita buat. Ini baru kata kita melindungi hak-hak orang Malaysia. Jadi, saya minta kementerian berkenaan, menteri berkenaan jawablah kemudahan di hospital. Hospital Sultanah Aminah sudah terbakar dua tahun yang lalu, sampai hari ini laporan bomba belum keluar. Pendawaian semula tidak buat. Banyak fasilitet hospital lebih daripada 100 Yang Berhormat Timbalan Menteri, kasihan. Kawan-kawan kita di situ fasilitet tidak ada.

Satu lagi, IKN dengan hospital di Pulau Pinang dua sahaja hospital yang ada PET *scan machine* tetapi usianya sudah 13 tahun. Tidak akanlah kita hendak jimat duit untuk masuk dalam perbendaharaan. Pakai duit itu untuk manfaat rakyat. Beli PET *scan*, PET *scan* ini untuk rawatan onkologi. Dia kena tengok apa kanser yang ada. Kita kena mengubati mereka. Kalau tidak sekarang, kita hantar kepada swasta, selalu rosak, IKN

rosak. Hantar kepada Subang Medical terus di caj RM3600 kepada kerajaan. Belilah satu mesin. Ini sudah *obsolete*. Yang Berhormat Timbalan Menteri pakar, tolonglah nasihatkan kepada menteri. Ini baru namanya peduli ya. Kita kena peduli sihat. Rakyat sihat, kita pun senang.

Satu lagi, ini cukai perkhidmatan digital, *digital tax*. Saya hendak beritahu memang teruk. Saya tidak tahu cara macam mana you hendak kutip *digital tax*. Adakah kita mewajibkan seperti Netflix, Apple Music, Google Store, Spotify mereka mendaftar. Bagaimana kita hendak melakukan penguatkuasaan itu? Hey, menurut laporan firma penasihat cukai, Axcelasia Taxand Sendirian Berhad kata kita akan kutip RM2.4 bilion setahun. Siapa akhirnya yang akan tanggung? Siapa bayar? Saya *online*, kalau saya bayar beli barang dikenakan enam peratus akhirnya saya rasa ia akan diturunkan kepada pengguna. Itu saya minta kerajaan tengok balik.

Satu lagi e-Wallet. Ini memang saya kata saya gelak. Bagi RM450 juta untuk memperluaskan pelaksanaan e-Wallet. Ini memang mereka tidak faham apa itu e-Wallet. Malaysia sudah lama kita hendak perkenalkan konsep ini. Akan tetapi tahu tak kalau kita lihat RM450 juta dibandingkan dengan RM50 juta sahaja untuk kita hendak buat pelaksanaan eko sistem 5G, mana lebih penting? Kelajuan 100 kali ganda 5G itu lebih penting.

Kita lihat sekarang, kalau kita masuk kepada e-Wallet, *hey WeChat* boleh bagi angpau RM100 apa masalahnya? Banyak syarikat lagi boleh bagi RM30, RM40. Kenapa hendak buang duit kepada 15 juta orang. Jadi mereka tidak faham objektifnya ialah untuk menggalakkan orang pakai e-Wallet. Orang sudah pakai duit itu. Akhirnya ia tidak akan ikut e-Wallet. Pasal apa? Banyak masalah.

Di Malaysia, kalau kita pergi *Touch N Go* kita letak RM500. Kalau anak saya sakit saya hendak pakai RM15 saya tidak boleh keluarkan duit itu sebab itu tidak ada satu ekosistem yang betul. Di Malaysia – di China dia ada dua sahaja, Ali Pay dan WeChat. Kalau bank dia ada Union Pay. Malaysia ada 47 lesen. Tengok mesin berlambak. Apa sudah jadi ini? Ada yang limit RM3000, ada yang RM5000, ada yang RM10,000. Itu yang menjadi masalah kepada kita.

Jadi saya hendak beritahu, ini soal ekosistem tidak betul. Kalau hendak buat minta bank. Kalau duit itu tidak cukup, dia boleh tarik *transfer*. Ini mekanisme mesti ada. Bukan letak duit begitu banyak sekali. Satu lagi *credit card*, debit kad ini lawan. Kalau bank dapat 18 peratus bunga ataupun kadar faedah, ini akan bagi tumpuan kepada kad kredit dan itu jadi masalah kita e-Wallet itu tidak akan berjaya. Sia-sia sahaja RM470 juta itu

dan NFCP saya hendak kata ini hendak mengkayakan kroni-kroni kononnya separuh daripada peruntukan untuk apa? Untuk sebuah syarikat yang kita tahu siapa tuannya.

Nanti kita minta Yang Berhormat Menteri jawablah. Ini pertanian, subsidi. *Hey*, tentang subsidi ini saya kata kenapa penanam bunga, sayuran dan juga buah-buahan tidak masuk? Langsung tidak ada. Bantuan tidak ada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini ramai dekat kawasan saya di Yong Peng hendak tunggu-tunggu tidak ada. Kasihan mereka. Saya minta baru-baru ini kes Yang Berhormat Pontian [*Tidak jelas*] tadi minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil perhatian.

Ini saya hendak sebut satu isu yang sangat besar. Kenapa orang tidak merasai sesuatu kebaikan daripada Belanjawan 2020? Salah satunya ialah tentang sistem cukai pendapatan individu. Sepatutnya dalam keadaan terdesak, kita sepatutnya bagi pelepasan *personal relief* RM9000 naik kepada RM15,000. Kenapa saya kata begitu? Nombor satu, kita hendak tengok kalau dahulu BR1M dapat RM2000, sekarang dapat RM1000. RM1000 bezanya. Apa yang berlaku sekarang RM9000 untuk *personal use* setahun tidak cukup. Hendak beli makanan pun tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, minta menggulung.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Jadi patutlah dinaikkan sehingga RM15,000 supaya *tax payable income* yang boleh digunakan, kecairan tunai itu ada pada keluarga untuk menampung desakan atau tekanan hidup yang begitu tinggi. Kos sara hidup kita sudah kata, tadi Yang Berhormat Rembau ada sebut perumahan. Saya cuma hendak tambah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya gulung ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa nama syarikat tadi?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap. Saya hendak beritahu, kita lihat tadi satu data yang dikeluarkan *National Property Information Centre* pada suku tahun 2019, sebanyak 63 peratus hartanah bernilai antara RM200,000 hingga RM700,000 iaitu merupakan hartanah yang paling banyak mengalami lambakan tidak terjual. Manakala hartanah bernilai RM700,000 sampai RM1 juta merupakan hartanah yang paling sedikit mengalami lambakan tidak terjual iaitu 3323 unit. Hanya 23 peratus.

Sekarang hendak jaga kepentingan rakyat yang berpendapatan sederhana ataupun mereka yang sudah kaya raya? Jadi saya hendak tanya, data ini ada. Jadi secara kesimpulan, petrol subsidi bersasar, jangan lupa orang Sabah. Sebanyak 25 juta,

orang Sabah, telah dibelanjakan kepada GHL Transact, apa punya kajian. Sabah Sarawak kenapa ditentukan RM2.8 sen sahaja? Kenapa dahulu kata dalam kitab mereka kata RM1.50, kenapa tidak jadi? Ini yang patut kita tanya.

Akhir sekali, tol mansuhkan bukan dengan cara daripada tol *free* jadi tol *forever* atas penukaran nama penjenamaan semula atas nama caj kesesatan. Sekian, terima kasih.

■1840

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka, masa 20 minit sila.

6.40 ptg.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun minta izin untuk mengambil bahagian perbahasan tentang usul yang telah dibentangkan Bajet 2020. Belanjawan 2020 ini adalah satu belanjawan yang kedua yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Setelah meneliti pembentangan Menteri Kewangan, saya dapati dia menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan mampu mentadbir kerajaan dengan baik, telus dan bertanggungjawab.

Ini bukan saya saja yang cakap tetapi kalau kita lihat komen-komen daripada luar termasuk tokoh pembangkang iaitu Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow juga memuji belanjawan kali ini. Kalau kita melihat belanjawan ini ia merangkumi empat teras dan 15 strategi. Belanjawan ini mempunyai visi jangka panjang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, kuorum tidak cukup.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kita melihat dia mempercepatkan ekonomi digital. Dia juga menekankan peningkatan keupayaan modal insan dan juga memulihkan kekuatan institusi kewangan awam. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu bajet yang juga prihatin di mana keperluan rakyat tidak diabaikan.

Kita melihat pelbagai insentif dan program baru yang telah diperkenalkan pada tahun lepas telah diperluaskan lingkungannya contohnya bagi *mySalam*. *MySalam* kalau tahun lepas hanya *cover* 36 jenis penyakit tetapi tahun ini, tahun depan akan meningkat kepada 45 jenis penyakit dan umurnya akan melindungi sehingga 65 tahun. Begitu juga bagi Skim PeKa di mana ia juga menukar umur, dulunya 50 tahun ke atas tetapi sekarang ialah 40 tahun ke atas. Sudah pasti lebih ramai rakyat akan menikmati kebaikan daripada skim-skim sedemikian.

Ketiga, yang saya lihat bajet ini ialah tiada mega skandal seperti sebelum ini. Seperti skandal 1MDB, penyelewengan Tabung Haji, penyelewengan FELDA, penyelewengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Sebaliknya, Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk membersihkan skandal-skandal sedemikian. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, kami terpaksa membayar khidmat hutang ataupun faedah hutang 1MDB, SRC sebanyak RM2.4 bilion pada tahun ini dan tahun depan kita terpaksa bayar RM2.7bilion. Berapa besarnya jumlah RM2.7 bilion itu?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pembentangan bajet, bajet yang diperuntukkan untuk Kementerian Pelancongan hanya sekadar RM1.1 bilion sahaja. Begitu juga peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan, juga hanya sekadar RM1.1 bilion. Ertinya kalau kita campurkan dua peruntukan kementerian ini hanya sekadar RM2.2 bilion tetapi oleh kerana skandal 1MDB, SRC ini kita terpaksa bayar hutang dia, faedah hutang saja RM2.7 bilion. Bayangkan kalau tiada skandal sedemikian sudah pasti wang ini dapat disalurkan kepada kementerian-kementerian dan seterusnya sudah pasti rakyat dapat menikmati kebaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh empat topik. Topik yang pertama, yang kita lihat dalam bajet kali ini teras pertama, strategi yang kedua iaitu mempercepatkan ekonomi digital. Ini merupakan satu langkah dan satu visi yang penting dan tepat pada masanya. Ekonomi digital adalah satu asas utama dan perlu ditekankan untuk mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang dan dalam bajet kali ini pelbagai geran dan insentif baharu akan diperkenalkan. Contohnya yang paling kita sambut dengan baik ialah Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP).

Satu pelan lima tahun yang akan memerlukan RM21.6 bilion. Contoh yang lain ialah Geran Pembangunan Ekosistem 5G bernilai RM50 juta. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pelaksanaan dijalankan dengan telus, cekap dan berkesan contohnya NFCP, satu cabaran bagi ekonomi digital ialah ia melibatkan banyak kementerian ataupun jabatan. Contohnya insentif yang akan diberikan akan melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan lain-lain.

Ini belum termasuk kerajaan negeri, swasta dan NGO maka sudah pasti kita perlu tubuhkan satu majlis khas, saya cadangkan untuk pantau pelaksanaan inisiatif ekonomi digital ini. Majlis khas ini perlu ditubuhkan supaya ia boleh melibatkan semua

pihak dengan pihak swasta semua duduk dalam satu majlis untuk meningkatkan hubungan dan persefahaman antara satu sama lain dari segi pelaksanaan supaya pada akhirnya ia dapat mencapai sasaran.

Begitu dalam bab ekonomi digital ini, inisiatif digital tidak seharusnya terhad kepada sektor ekonomi sahaja. Sektor-sektor lain perlu juga mula kaji bagaimana menggunakan teknologi 5G, automasi dan sebagainya boleh digunakan di sektor-sektor lain bagi meningkatkan keberkesanan. Contohnya Tuan Yang di-Pertua di Melaka, kerajaan negeri melalui *Melaka Smart City Advisory Council* telah bekerjasama dengan universiti tempatan di Melaka iaitu Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTeM) untuk menjalankan satu projek yang dinamakan *Smart River*. Di mana pelajar-pelajar, penuntut di universiti tempatan ini akan memasang sensor digital di sungai Melaka untuk mengawal kualiti air dan juga paras air supaya kita dapat mencegah pencemaran air di sungai tersebut dan juga mengawal paras air supaya dapat memberi amaran kepada orang ramai.

Kita lihat di luar negeri pula, sudah banyak negara-negara lain mereka telah menggunakan teknologi digital ini dalam pelbagai bidang. Contohnya di dalam bidang perubatan di negara-negara maju di mana mereka tidak perlu pergi ke klinik untuk berjumpa dengan doktor tetapi jumpa doktor secara *online*. Mereka juga boleh memohon ubat secara *online*. Pendidikan pula ada sekolah-sekolah di luar negara telah menggunakan *virtual gravity* di kelas mereka. Sudah pasti ini semua harus dilihat oleh semua kementerian di Malaysia supaya kita boleh lebih fokus kepada revolusi digital ini supaya negara kita tidak akan ketinggalan.

Topik saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan teras kedua, pelaburan ke atas rakyat meningkatkan keupayaan modal insan. Dalam teras ini kita dapat lihat banyak inisiatif baharu yang inovatif khasnya melalui insentif di bawah inisiatif *Malaysia at work*, menunjukkan bahawa kerajaan komited untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Melalui inisiatif-inisiatif kita akan memastikan supaya graduan yang menganggur dapat kerja semula. Begitu juga golongan wanita, mereka yang sudah berhenti kerja dapat kembali bekerja. Juga, kita hendak memastikan supaya kerja diserahkan semula kepada rakyat Malaysia daripada bergantung kepada pekerja asing.

■1850

Untuk menjawab apa yang telah disebut oleh pembangkang tadi, ada satu lagi yang dinamakan sebagai *#PerantisKerja* di mana kerajaan akan memberi elaun kepada pelajar yang mengikuti kursus TVET. Sudah pasti melalui inisiatif *#PerantisKerja* ini,

sudah pastinya dapat membantu membentuk lebih banyak pemuda kita mempunyai skim yang sudah pasti pada akhirnya mereka dapat mencari kerja yang lebih baik dan dapat *generate* lebih banyak pendapatan.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan *Malaysians@Work* ini dapat mencapai sasarannya, kita juga harus melihat supaya mekanisme pelaksanaannya adalah baik dan tidak disalah guna. Contohnya, bagi *#GraduanKerja* iaitu bagi mereka graduan yang telah menganggur lebih daripada 12 bulan dan apabila mereka kerja, mereka dapat RM500 insentif. So, bagi inisiatif ini, kita harus berjaga-jaga supaya kita tidak mahu ada graduan yang sengaja lambatkan diri untuk mencari kerja. Kalau dia enam bulan tak dapat cari kerja, mungkin oleh kerana dia hendak menikmati skim ini, dia sengaja tak hendak cari kerja hendak tunggu setahun. Jadi, untuk memastikan fenomena sedemikian tidak berlaku, maka kita perlu memastikan satu mekanisme yang saksama untuk elak daripada *loophole* ini.

Begitu juga dalam skim ini telah dikatakan insentif ini akan kredit ke dalam akaun KWSP. Pada pendapat saya, ini merupakan satu mekanisme yang baik di mana seperti yang kita tahu, tujuan carumannya dalam KWSP adalah untuk simpanan dan pada masa yang sama, kita tahu bahawa rakyat Malaysia ini mereka kurang simpanan. Jadi, ini merupakan satu cadangan insentif yang baik di mana kredit di dalam KWSP. Akan tetapi, pada masa yang sama, kita harus memastikan insentif ini dapat meringankan beban sara hidup pekerja-pekerja baharu ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya semua insentif ini dimasukkan sepenuhnya ke dalam Akaun 2 dalam akaun KWSP mereka supaya, seperti yang kita maklum, baki dalam Akaun 2 KWSP mereka boleh dikeluarkan sebelum bersara untuk tujuan pendidikan, perubatan, kesihatan ataupun untuk membayar pinjaman rumah.

Topik yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah tentang pelancongan. Seperti yang kita maklum, tahun depan 2020 merupakan Tahun Melawat Malaysia. Kempen ini amat penting untuk pertumbuhan ekonomi negara kita. Kita lihat sungguhpun kita ada dapat menarik banyak pelabur asing untuk melabur di Malaysia untuk mendirikan kilang-kilang, tetapi mendirikan kilang-kilang memerlukan masa. Contohnya, mereka perlu beli tanah, mengambil masa untuk tukar milik. Mereka akan membina kilang, mereka hendak pasang *machinery*. Ini semua akan ambil masa barangkali dua tahun hingga tiga tahun. Akan tetapi, sektor pelancongan, kalau kita melalui kempen ini kita dapat menarik ramai pelancong, sudah pasti ia dapat menjana pendapatan dalam masa yang singkat sahaja dan sudah pasti ini akan membantu pertumbuhan ekonomi negara kita.

Juga bagi negeri asal saya iaitu Melaka, ia juga amat penting memandangkan Melaka merupakan negeri pelancongan.

Jadi, di sini saya lihat kita mengalu-alukan peruntukan tambahan sebanyak RM90 juta untuk MOTAC untuk mempromosikan kempen ini. Kita juga mengalu-alukan elaun modal dipercepatkan yang telah diperkenalkan untuk pengusaha-pengusaha industri pelancongan untuk membeli bas persiaran yang baharu.

Selain daripada promosi dan pemasaran, saya ingin cadangkan kepada kementerian supaya perlu lebih inisiatif yang lebih inovatif dan lebih agresif supaya ada lebih banyak inisiatif-inisiatif berbentuk pelepasan cukai untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam sektor pelancongan ini. Juga, kita harap supaya kerajaan boleh memberi *matching grant* pinjaman khas dan juga geran pendigitalan atau *digitalization* sektor pelancongan supaya ia dapat lebih memeriahkan sektor industri pelancongan ini.

Barangkali di sini saya juga ingin meminta Kementerian Pelancongan memberikan sedikit maklumat tentang pengumuman mereka pada bulan Ogos baru-baru ini tentang inisiatif Zon Pelancongan Pelaburan Pelancongan Khas, *Special Tourism Investment Zone* yang telah diumumkan pada Ogos yang lepas.

Begitu juga saya ingin meminta supaya kerajaan melihat kepada visa yang dikenakan kepada pelancong khususnya mereka daripada negara China. Negara China mempunyai penduduk lebih kurang seramai 1.4 bilion. Mengikut statistik, hampir 10 peratus daripada penduduk di China, mereka akan keluar melawat ke luar negara. Negara yang utama mereka lawati, yang pertama ialah Jepun, yang kedua ialah *Singapore*, yang ketiga ialah Korea, yang keempat ialah Thailand, yang kelima barulah mereka memilih datang ke Malaysia. Salah satu sebab kenapa kita hanya berada di tangga kelima ialah kerana isu visa. Apabila pelancong daripada China datang ke Malaysia, mereka perlu memohon visa *online*, sedangkan pelancong China apabila mereka pergi ke negara-negara yang lain, ia tidak perlu. Sudah pasti di sini kita sudah menjadi kurang menarik pada mereka. Jadi, saya ingin meminta supaya kerajaan boleh melihat secara serius permintaan supaya tidak perlu visa untuk pelancong daripada negara China. Ini adalah sejajar dengan sasaran kita untuk mencapai Kempen Melawat Malaysia 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita mempromosikan sektor pelancongan, kita juga harus memberi perhatian dan juga peruntukan dari aspek pemeliharaan dan pemulihan aset kebudayaan, alam sekitar dan warisan. Seperti di Melaka, kita banyak—Melaka merupakan satu kawasan warisan yang telah diisytiharkan oleh UNESCO. Di Melaka, kita ada *Portuguese Settlement*, kita ada Kampung Chetti, kita ada Nyonya

Baba. Semua ini harus diutamakan supaya aset-aset tidak ketara ini yang merupakan aset strategi ini dapat dikekalkan untuk jangka masa yang panjang.

Maka, saya berharap pihak kerajaan sungguhpun telah memperuntukkan RM10 juta untuk *Think City* untuk memelihara budaya dan warisan bandar, tetapi kalau kita lihat RM10 juta kalau dibahagikan kepada setiap negeri, barangkali jumlahnya tidak mencukupi. Jadi, saya ingin meminta supaya pihak kerajaan dapat menimbang semula untuk meningkatkan jumlah RM10 juta ini. Sebab, kita lihat di *Portuguese Settlement*, ia satu *settlement* yang begitu unik yang merupakan satu-satunya *Portuguese Settlement* di luar daripada negara Portugis hanyalah di Melaka. Jadi, kita harus memberi penekanan kepada tempat-tempat warisan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, topik yang keempat yang saya hendak tekankan ialah saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat permohonan supaya dapat peruntukan khas untuk negeri Melaka. Dua isu utama yang dihadapi oleh negeri Melaka iaitu pertama ialah isu bekalan air dan yang kedua ialah isu banjir kilat.

Baru-baru ini, negeri Melaka telah mengalami satu krisis isu bekalan air di mana hampir tiga minggu di sesetengah kawasan terutamanya di kawasan Daerah Melaka Tengah menghadapi masalah bekalan air tiada cukup bekalan air. Apabila isu ini timbul, pihak Kerajaan Negeri Melaka telah mengatakan bahawa air mentah seharusnya diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Kerajaan negeri juga mengatakan bahawa aset-aset untuk bekalan air mentah harus dipertingkatkan dan diselenggara oleh SPAN. Contohnya sistem rumah pam untuk mengepamkan air daripada empangan.

Apabila Kerajaan Negeri Melaka membuat kenyataan sedemikian, pada keesokan harinya, SPAN pula mengeluarkan satu *statement* mengatakan bahawa pengurusan dan pemantauan sumber air mentah sepatutnya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. SPAN mengatakan bidang kuasa mereka hanyalah pada bekalan air terawat.

Jadi, nampaknya pihak kerajaan negeri dan pihak Kerajaan Pusat mempunyai pendapat yang berbeza. Jadi, di sini saya berharap supaya kementerian dengan Kerajaan Negeri Melaka dapat adakan satu pertemuan dan satu mesyuarat untuk selesaikan masalah ini supaya pada akhirnya masalah kekurangan air ini dapat diselesaikan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Negeri Melaka telah membuat permohonan kepada pihak kementerian iaitu Kementerian Air...

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli di mana mereka telah memberikan satu cadangan meningkatkan *safe yard* ataupun bekalan air mentah negeri Melaka di mana ia memerlukan RM268 juta untuk menjalankan lapan projek bagi meningkatkan sumber mentah yang baharu. Jadi, kita harap supaya kementerian dapat meluluskan peruntukan tersebut.

Begitu juga bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Melaka, pihak Kerajaan Negeri Melaka juga ada menghantar permohonan mereka kepada kementerian yang sama iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Mereka memerlukan lebih kurang RM20 juta. Jadi, saya berharap supaya kedua-dua permintaan ini dapat perhatian kementerian dan akhirnya dapat diluluskan permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyokong usul Bajet 2020 yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Usul 12(1), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 15 Oktober 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam]